

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 19

Selasa

14 Disember 2004

K A N D U N G A N

USUL:

Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat
Di Bawah Peraturan Mesyuarat 13(2) (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 31)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Pemilihan Ahli-Ahli CPA dan IPU Bagi Sesi 2004-2006 (Halaman 64)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 14 Disember 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13(2)**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), Soalan No. 12 dan No. 14 yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah didahulukan dari lain-lain pertanyaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

12. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak dilaksanakan langkah-langkah untuk menyeimbangkan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan, apakah kesan-kesan yang dihadapi dan adakah ini akan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya perbelanjaan kerajaan dapat menjana aktiviti ekonomi dalam negeri untuk sektor swasta berkembang maju dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Pendekatan dasar fiskal yang berkembang atau defisit fiskal merupakan antara

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan panjang-panjang ya, sebab Yang Berhormat ambil giliran.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: antara *instrument* pengurusan mikro ekonomi, khususnya bila terdapat permintaan luar yang lemah terhadap eksport, dan pihak swasta pula tidak berupaya memainkan peranan dalam menerajui kegiatan ekonomi dalam negeri.

Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan kerajaan yang besar berbanding dengan peningkatan hasil atau pendapatan, jika berterusan, boleh mengakibatkan defisit akaun Kerajaan Persekutuan menjadi semakin bertambah.

Defisit yang berterusan boleh menjejaskan prestasi ekonomi dalam jangka masa panjang dan ekonomi yang tidak *sustainable* atau mapan akan mengurangkan keyakinan di kalangan pihak swasta

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana perkara ini adalah isu pokok dan kebetulan Dewan sedang bersidang mengenai belanjawan, tidak bolehkah perkara ini dimasukkan di dalam penggulungan nanti?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang perkara ini boleh dibincangkan di dalam penggulungan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya cadangkan supaya dipendekkan jawapan dan dirujuk kepada penggulungan nanti.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sedikit sahaja lagi. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan sedang mengambil langkah melaksanakan proses konsolidasi fiskal secara beransur-ansur. Ini bermaksud bahawa kerajaan akan berbelanja dengan lebih berhemat dan cekap ke arah mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan tanpa menjejaskan kerancakan kegiatan ekonomi yang sedang berkembang kukuh.

Semasa pembentangan Bajet 2005 pada 10 September yang lalu, kerajaan telah mengumumkan pengurangan anggaran perbelanjaan pembangunan Kerajaan

Persekutuan sebanyak 20.9% pada tahun 2004 dan 9.1% pada tahun 2005, dan telah mencatat peningkatan sebanyak 9.4% pada tahun 2003.

Sungguhpun demikian, kerajaan menjangkakan bahawa ekonomi negara

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dewan telah bermurah hati mempersetujui dengan Usul Yang Berhormat, lain kali Yang Berhormat buat Usul, Dewan tidak mahu setuju. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sedikit sahaja lagi, tinggal satu *paragraph* sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Sungguhpun demikian, kerajaan menjangkakan bahawa ekonomi negara akan terus berkembang kukuh daripada kadar 5.3% pada tahun 2003 kepada 7% pada tahun 2004 dan 6% pada tahun 2005. Manakala peratusan defisit Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Negara Kasar akan berkurangan daripada 5.3% pada 2003 kepada 4.5% pada tahun 2004 dan 3.5% pada tahun 2005.

Penunjuk ekonomi terkini menunjukkan yang sektor swasta telah kembali menerajui pertumbuhan ekonomi negara, membolehkan kerajaan mengurangkan peranannya dalam kegiatan ekonomi negara. Langkah perbelanjaan berhemah ini dilakukan setelah mengambil kira

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

14. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah relevannya pemberian bonus kepada kakitangan awam sedangkan harga barang semakin meningkat dengan tidak terkawal. Adakah bentuk kelegaan seperti pemberian bonus ini akan menggalakkan ekonomi yang tidak stabil di kalangan rakyat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa harga barangan sekarang semakin meningkat dengan tidak terkawal adalah tidak tepat. Sebaliknya I Indeks Harga Pengguna hanya meningkat pada 1.3% bagi tempoh Januari hingga Oktober 2004. Manakala bagi keseluruhan tahun 2004 dijangka pada kadar 1.5%. Ini menunjukkan kejayaan kerajaan untuk mengawal kenaikan harga di seluruh negara secara am. Kadar seperti ini dicatatkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini kecuali pada tahun 1998 di mana I Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 5.3% ketika negara menghadapi krisis kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran kadar inflasi di Malaysia pada tahun ini adalah yang terendah berbanding dengan negara-negara lain seperti Indonesia – 6.5% dan Thailand – 2.2%, sementara pertumbuhan KDNK negara adalah antara yang tinggi di rantau ini.

Dalam keadaan ekonomi yang kian menggalakkan ini, seharusnya pekerja-pekerja sama ada dari sektor swasta mahupun sektor awam mendapat manfaat. Bagi sektor awam, pemberian bonus ialah satu pengagihan tersebut dan seperti dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, pemberian bonus adalah sebagai tanda kerajaan menghargai sokongan dan komitmen kakitangan sektor awam di atas sumbangan mereka di dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

Oleh itu, selain daripada memberi imbuhan kepada prestasi perkhidmatan awam yang memuaskan pada keseluruhannya, pemberian bonus juga sebagai satu motivasi bagi menggalakkan peningkatan sumbangan dan produktiviti secara berterusan di samping meringankan beban perbelanjaan khususnya yang berpendapatan rendah.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kestabilan ekonomi adalah tunjang kepada dasar pengurusan ekonomi negara. Kerajaan tidak akan membuat sesuatu yang

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal kestabilan ekonomi tentu sekali boleh dimasukkan di dalam penggulungan ucapan belanjawan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masalah berbangkit kerana Dewan bersidang serentak. Terima kasih.

1. **Tuan Tan Bon You** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah yang akan dibina ke atas tapak seluas 400 ekar di Sungai Lang, Kuala Langat, Selangor yang digariskan sebagai Pusat Angkasa Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangunan Pusat Angkasa Negara di Lot 2233, Sungai Lang, Mukim Kelanang Daerah Kuala Langat dikendalikan oleh Agensi Pusat Angkasa Negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pembangunan Pusat Angkasa Negara telah diluluskan peruntukannya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Selaras dengan perkembangan pesat Program Angkasa Negara dan dalam memastikan kejayaan program tersebut, kemudahan-kemudahan berikut akan dibangunkan di kawasan tersebut:-

- (i) pusat kawalan misi (*mission control centre*);
- (ii) fasiliti ujian persekitaran angkasa;
- (iii) fasiliti pemasangan dan integrasi satelit;
- (iv) makmal sains angkasa;
- (v) makmal elektronik;
- (vi) radio frekuensi; dan
- (vii) pemesinan mekanikal;
- (viii) pusat data;
- (ix) pusat pendidikan dan latihan;
- (x) pusat pentadbiran dan kuarters kakitangan.

Penyediaan kemudahan-kemudahan adalah secara berpusat dan boleh dimanfaatkan oleh pihak yang berkepentingan baik daripada industri ataupun daripada universiti. Pusat Angkasa Negara akan direkabentuk dan dibina berdasarkan kepada piawaian *standard* dan amalan antarabangsa.

Kerja-kerja pembangunan Pusat Angkasa Negara telah pun dimulakan dengan pembangunan fasa 1 iaitu Pusat Kawalan Misi. Pusat Kawalan Misi dijangka siap pada bulan Mac 2005 dan akan digunakan untuk pengoperasian Satelit RazakSAT yang akan dijangka dilancarkan pada Oktober 2005.

Dengan kewujudan Pusat Angkasa Negara, Malaysia akan memajukan program sains dan teknologi angkasa dengan lebih berkesan. Pusat Angkasa Negara juga akan dapat menjadi pemangkin untuk perkembangan sains angkasa serta industri berkaitan masa hadapan dan membenarkan penyelidikan dijalankan, yang akan menggalakkan pertumbuhan teknologi tinggi bukan sahaja dalam bidang angkasa, tetapi dalam bidang pembuatan dan juga IT.

Penubuhan Pusat Angkasa Negara akan berupaya untuk mempromosi pembangunan sosioekonomi di samping menjaga kepentingan dan keselamatan negara. Disebabkan kemudahan-kemudahan seperti ini tidak terdapat di rantau ini, maka ia juga akan berfungsi sebagai *regional hub* untuk ujian dan pembuatan satelit. Terima kasih.

Tuan Tan Bon You: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah pihak kementerian terus membenarkan aktiviti menanam tanaman kontan dijalankan selama ini untuk mengelakkan tanah ini dari terbiar, sedangkan tanah yang dibangunkan setakat ini cuma 10 ekar dan tapak ini seluas 400 ekar. Inilah soalnya. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada masa ini, masih terdapat lagi peneroka-peneroka lebih kurang 100 peneroka, dan di mana telah diadakan banyak perbincangan dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah Kuala Langat untuk memindahkan penanam-penanam sayur dan petani-petani di sini dan juga satu mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO - infrastruktur dengan petani-petani, untuk membincangkan bagaimana mereka boleh ditempatkan di kawasan lain apabila pusat ini berfungsi sepenuhnya. Terima kasih.

2. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tahap perdagangan kita ketika ini dengan negara bekas Soviet Union dan berapa peratuskah daripada usahawan Malaysia yang mengadakan perniagaan dengan negara-negara tersebut. Apakah langkah-langkah yang dapat kita lakukan untuk meningkatkan lagi dagangan dengan negara-negara tersebut dan apakah halangan yang dihadapi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Januari hingga September 2004 jumlah eksport Malaysia ke negara-negara bekas Soviet Union telah meningkat dari RM1.4 bilion ke RM1.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM360.97 juta ataupun 25.34% bagi tempoh yang sama pada tahun 2003.

Bagi tahun 2003 pula, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara bekas Soviet Union adalah berjumlah RM2.9 bilion meningkat sebanyak 52.6% berbanding dengan RM1.9 bilion pada tahun 2002. Nilai eksport telah meningkat kepada RM1.9 bilion daripada RM855 juta pada tahun 2002, iaitu peningkatan sebanyak 130%, manakala nilai import pula telah menurun kepada RM970 juta daripada RM1 bilion dengan penurunan sebanyak 6%.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah melaksanakan beberapa langkah dalam usaha untuk meningkatkan lagi perdagangan dua hala dengan negara-negara bekas Soviet Union iaitu:

- (i) menyelaraskan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pameran perdagangan antarabangsa di negara-negara bekas Soviet Union. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 10 syarikat telah menyertai dalam satu *Consumer Expo* di Kazakhstan pada bulan Mei 2004.
- (ii) menganjurkan rombongan Misi Jualan atau Selling Mission ke negara-negara bekas Soviet Union.
- (iii) menganjurkan rombongan belia dari negara-negara bekas Soviet Union ke Malaysia; dan
- (iv) mengadakan rundingan dengan negara-negara bekas Soviet Union yang memohon untuk menyertai WTO supaya duti import bagi barangan yang mempunyai kepentingan eksport bagi Malaysia dapat dikurangkan.

Di antara halangan-halangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia di negara-negara bekas Soviet Union adalah:

- (i) wujudnya sistem lesen import yang rumit dan mengambil masa untuk memperolehnya, yang meningkatkan kos bagi menjalankan perniagaan.
- (ii) risiko perbankan dan kadar penurunan pertukaran asing.
- (iii) kedudukan *reserve* kewangan syarikat-syarikat di negara-negara berkenaan dan kadar faedah yang tinggi, yang ditawarkan oleh bank-bank tempatan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perniagaan antara negara kita dengan negara-negara bekas Soviet Union ini cara manakah perniagaan ini dijalankan. Adakah penghantaran barang-barang perniagaan ini melalui laut atau kapal terbang? Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, eksport utama Malaysia ke negara-negara bekas Soviet Union melibatkan barangan-barangan yang berat seperti barangan besi dan keluli, minyak sawit, barangan elektrik dan elektronik, barangan makanan dan juga barangan berasaskan kimia. Jadi kebanyakan atau majoriti penghantarannya adalah melalui laut. Sekian, terima kasih.

3. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan untuk mengatasi kemerosotan bidang sukan negara yang kita pernah menempa nama sebelum ini, iaitu badminton, bola sepak, hoki dan takraw di mana sampai sekarang masih ditakuk lama.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, sukan-sukan popular di negara kita khususnya bola sepak, olahraga, sepak takraw, hoki dan badminton bolehlah dikatakan merosot jika dibandingkan dengan pencapaian yang telah pernah dinikmati pada masa dahulu. Salah satu daripada langkah yang akan dilaksanakan oleh kementerian ialah mengadakan program-program latihan atlet secara jangka panjang. Sejak kebelakangan ini program-program seperti Program Jaya 98, Program Gemilang 2001, sekarang ini Program Gemilang 2006 dan Program Cemerlang 2010 diadakan untuk memilih dan melatih pada atlet bagi menghadapi temasya-temasya sukan khususnya Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2006 dan 2010.

Baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun memilih 8 jenis sukan, iaitu badminton, bola sepak, hoki, tenpin bowling, gimnastik, olahraga, skuasy dan renang sebagai sukan teras untuk dimajukan secara komprehensif dalam jangka masa yang panjang. Ini merupakan fasa pertama Program Sukan Teras Prestasi Tinggi Malaysia, yang mana akan diperkembangkan apabila program bagi 8 sukan ini dapat dijalankan secara berjaya.

Maklumat tambahan Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan bahawa untuk melahirkan atlet dan pemain-pemain yang mempunyai kemampuan bersaing dan memenangi pertandingan-pertandingan antarabangsa memerlukan usaha yang berterusan, yang melibatkan peranan pelbagai pihak dan pelbagai peringkat.

Masalah yang dihadapi oleh kementerian pada hari ini ialah mencari atlet-atlet muda yang sanggup memberi tumpuan kepada kegiatan sukan secara lebih serius di samping menumpukan perhatian kepada keperluan akademik masing-masing. Ibu bapa-ibu bapa lebih suka anak mereka menekankan bidang akademik dan bukan sukan atas dasar sukan mungkin tidak akan memberi kerjaya yang serius kepada anak-anak mereka. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Sukan telah mengarahkan perwujudan satu Jawatankuasa Teknikal yang

terdiri daripada semua Ketua Setiausaha di beberapa kementerian seperti Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya dapat diperbincangkan beberapa aspek teknikal yang membenarkan sukan prestasi tinggi menjadi kerjaya kepada generasi belia remaja kita. Dengan harapan ini bagi pihak kementerian diharap bahawa pada masa akan datang dengan keluarnya atlet-atlet yang baru dan lebih muda, insya-Allah kita dapat memenangi pertandingan di peringkat antarabangsa di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri di Dewan, saya benarkan semua soalan tambahan. Satu sahaja, satu persatu. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Dr. Fuad selepas ini. Dato' Dr. Chin Fook Weng dahulu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai tindakan untuk mengatasi kemerosotan. Adakah di antara sebabnya ialah persatuan-persatuan yang mengendalikan permainan-permainan ini menghadapi masalah dan sekiranya ada, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memastikan ini tidak menjadi satu halangan kepada kemajuan yang diharapkan oleh negara ini? Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kemerosotan Malaysia dalam pertandingan antarabangsa seperti yang saya katakan tadi tertakluk kepada kekurangan atlet, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan sains dan teknologi menyebabkan sukan yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa agak berbeza daripada dua ataupun tiga tahun yang lepas. Itu sebabnya bagi pihak kementerian kita memperkasakan sukan dengan menggunakan sains sukan (*sport science*), dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk diperkasakan di mana pada kali ini sukan-sukan yang telah dinyatakan sebagai sukan teras, saintis dan jurulatih khas akan diberikan panduan dari segi sains dan teknologi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kemenangan pertandingan renang daripada Australia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan tambahan tadi adalah menjuruskan kepada adakah masalah berpunca daripada status dan kedudukan persatuan-persatuan sukan di negara kita.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapannya Yang Berhormat, tidak semestinya bahawa kemerosotan sukan di atas sebab persatuan. Pada hari ini kawalan daripada kerajaan ke atas nilai di mana persatuan ditadbir oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati di atas peranan-peranan yang dimainkan oleh mana-mana Ahli Jawatankuasa Persatuan boleh dilaporkan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan, tetapi sebenarnya kemerosotan ini bukan disebabkan oleh masalah pentadbiran. Kemerosotan Malaysia di dalam pertandingan antarabangsa adalah lebih kepada aspek kemahiran dan tidak adanya tenaga-tenaga baru yang dapat memberikan kepada kita kemenangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menambah sedikit kalau kita lihat pemain-pemain antarabangsa kita pada sukan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat boleh beri peluang kepada seorang lagi Yang Berhormat. Soalan akan timbul. Yang Berhormat jangan bimbang.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, satu daripada punca kemerosotan sukan kita ialah kekurangan dari segi kekuatan mental dan juga daya saing dan saya lihat kebanyakan program latihan ataupun pelatih-pelatih profesional kita kekurangan dari segi memasukkan input-input ini. Jadi apakah di dalam membangunkan sukan teras yang disebut tadi, aspek ini diberi perhatian sebab kegagalan kita dalam bidang sukan ini juga menjejaskan semangat patriotisme.....

Tuan Yang di-Pertua: Aspek kekuatan mental. Yang Berhormat cukup.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang bagi kementerian, kita mengakui bahawa antara masalah ialah kekurangan kekuatan mental, tetapi Tuan Yang di-Pertua kekurangan kekuatan mental adalah sesuatu yang begitu subjektif.

Pihak kementerian dengan adanya Institut Sukan Negara (ISN), ISN adalah satu bahagian di bawah Majlis Sukan Negara yang menekankan dalam bidang sains

dan teknologi. Bagi pihak kementerian kita akan memperkuatkan dengan adanya pakar-pakar psikologi dan *psychologist*, dengan izin untuk membantu dalam bidang kekuatan mental. Untuk makluman tambahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Usaha untuk mengatasi masalah kelemahan mental ini pun ada oleh kementerian? Datuk Azalina binti Othman Said: Ada Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah satu dasar atau kod etika dari segi pakaian atlet terutama atlet wanita yang berpakaian yang agak menjolok mata. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Adakah pakaian menyebabkan kemerosotan, sebab soal menjuruskan kepada kemerosotan?

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi kajian kami, tidak pernah adanya bukti bahawa pakaian menyebabkan kemerosotan. Kemerosotan selalunya kerana masalah kemahiran dan kemungkinan masalah kekuatan mental yang tidak ada.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kerana kita terlalu banyak berjanji kepada imbuhan-imbuhan kepada atlet kita membuatkan mereka ini manja dan mereka melebihi imbuhan daripada kepentingan negara, kalau kita bandingkan dengan negara miskin mereka lebih pentingkan negara daripada imbuhan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini satu lagi aspek. Adakah aspek itu Yang Berhormat boleh jawab?.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sama juga jawapan saya bahawa tidak ada bukti bahawa imbuhan yang menyebabkan kemerosotan. Sebenarnya seperti yang dikatakan perkara ini berlaku ada juga para atlet berkata, kemerosotan mereka di dalam bidang sukan kerana tidak adanya perancangan kerjaya secara serius oleh pihak kerajaan dan juga kerjasama dengan kementerian-kementerian yang terlibat. Kalau dikatakan imbuhan - tidak ada bukti Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau dibandingkan dahulu dengan sekarang banyak berkata "dahulu tidak ada imbuhan kita menang, hari ini ada imbuhan kita kalah", tetapi jawapannya lebih tepat kepada tidak adanya atlet tambahan ataupun atlet-atlet yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Faktornya banyak, rumit dan kerajaan cuba..... Ada lagi? Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana minat betul dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ismail bin Kasim: Soalan terakhir. Sebagai sokongan menampung kekurangan dan mengembalikan kecemerlangan negara, fokus saya kepada permainan bola sepak, sukan popular dan terulung negara.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Adakah pihak kementerian bercadang untuk sekurangnya-kurangnya kita mengimport pemain-pemain daripada luar negara seperti mana yang dilakukan oleh negara Jepun dengan memberi taraf warga negara dan kita jadikan mereka sebagai pendorong terutamanya sukan ini memerlukan soal saiz dan juga kemahiran....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jelas soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin bagi pihak kementerian, kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang main bola itu bukan kerajaan negeri?

Datuk Azalina binti Othman Said: Ya. Ya. Sokongan kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun jawapannya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk mewujudkan pemain import memang satu cara yang boleh dilaksanakan untuk mendapatkan kemenangan. Tetapi ini kemenangan Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *short cut* - kemenangan yang pendek, yang tidak mempunyai nilai kerana menggunakan pemain-pemain import ia tidak akan mewujudkan *patriotism* di antara generasi-generasi belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan dengan jumlah belia kita seramai 9.8 juta orang di bawah umur 40 tahun dan 5.5 juta orang di bawah umur 25 tahun. Bagi pihak kementerian, kami yakin ada di luar sana bakal-bakal juara dunia yang tidak dicari lagi. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kementerian akan mewujudkan fokus kepada program dengan izin, *Talent Identification Program*, iaitu program untuk mencari bakal-bakal juara di kawasan-kawasan luar bandar khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, faktornya banyak, rumit tetapi kerajaan berusaha habis-habisan sekarang.

4. Tuan Hassan bin Haji Shukri minta Menteri Kerja Raya menyatakan faktor-faktor kegagalan menyiapkan projek pembinaan bangunan perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di Jalan Duta yang sepatutnya siap pada tahun 1997.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan bangunan MATRADE dijalankan oleh syarikat kontraktor Perangsang International Sdn. Bhd. Reka bentuk bangunan ini adalah dilaksanakan secara *in house*, dengan izin oleh Jabatan Kerja Raya.

Faktor utama kelewatan menyiapkan projek pembinaan bangunan MATRADE di Jalan Duta adalah disebabkan oleh keengganan pihak kontraktor utama iaitu PISB untuk memperbaiki keretakan di lantai dan tiang bangunan yang telah dikesan oleh pihak JKR. Ini disebabkan pihak kontraktor berpendapat struktur lantai dan tiang tersebut adalah menepati spesifikasi pembinaannya.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari keengganan PISB tersebut, Jurutera Perunding Berkecuali telah dilantik bagi menjalankan siasatan lanjut terhadap keretakan yang dikesan. Hasil dari laporan Jurutera Perunding tersebut, dua kontrak baru telah ditawarkan bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan.

Kerja pembaikan struktur lantai telah dijalankan dengan kaedah pemasangan dengan izin, *carbon fiber* dan kerja pembaikan struktur tiang bangunan konkrit dengan kaedah kimpalan dan *concrete encasement*, dengan izin telah dijalankan oleh kontraktor Usaha Anggun, manakala kerja pengukuhan *fast-hard* dengan izin dan kerja berkaitan membaik pulih dinding batu bata sedang dijalankan oleh kontraktor Rotol- AMS Bumi Sdn. Bhd.

Dari laporan Juru Perunding yang telah dikeluarkan secara berperingkat-peringkat dan kecacatan baru yang telah ditemui semasa kerja-kerja pembaikan, skop kerja baik pulih oleh kontraktor Rotol-AMS Bumi Sdn. Bhd. telah ditambah. Kerja penyenggaraan semula kemas, *architectural finishes*, dengan izin dan pengujian serta pentauliahan peralatan yang telah mengalami kemerosotan kerana lama telah tidak digunakan juga terpaksa dilakukan. Semua faktor ini telah menyumbang kepada

kelewatan menyiapkan pembinaan bangunan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kerja-kerja baik pulih bangunan MATRADE sehingga ia selamat diduduki sedang diteruskan.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab *structure failure*?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Dengan izin, sebab yang telah pun dikenal pasti seperti mana yang telah saya maklumkan sebentar tadi ialah kerana kegagalan pihak kontraktor utama iaitu PISB untuk melakukan segala kerja yang telah pun dijalankan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan, tetapi seperti yang saya jelaskan tadi juga, bahawa pihak PISB telah pun mempertikaikan tentang laporan dan penilaian JKR, bahawa lantai yang telah pun dibina itu tidak menepati spesifikasi dan membolehkan melakukan satu pembaikan. Justeru kerana itu pihak JKR telah pun melantik dua kontraktor iaitu Anggun dan juga Rotol untuk membaiki lantai, tiang dan juga *fast-hard* kepada itu.

Jadi, kalau hendak katakan kenapa berlakunya keretakan, tentunya dia menyebabkan kegagalan pihak PISB untuk membuat perkara tersebut mengikut spesifikasi yang telah pun ditetapkan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pihak Yang Berhormat menjawab tentang kerosakan lantai dan tiang, adakah ia disebabkan keadaan bumi di situ dan kalau itu berlaku kenapa pada peringkat awal tidak dikaji betul-betul soal kedudukan bumi di kawasan itu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya tapak tidak sesuai.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tapak tidak sesuai.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soal bumi, saya rasa tidak timbul kerana di kawasan lokasi tersebut adalah merupakan kawasan lokasi yang telah pun didirikan bangunan yang memenuhi tuntutan struktur yang dibina, kerana kajian geologi di kawasan tersebut itu tidak merupakan satu kawasan yang tidak mengizinkan bangunan struktur didirikan. Tetapi setiap bangunan yang hendak didirikan dengan izin, satu *load bearing capacity* ataupun kaji uji tanah telah pun dilakukan, jadi saya percaya dan yakin bangunan ini telah pun dilakukan kaji uji tanah dan saya rasa bahawa struktur yang memerlukan asas pembinaan tanah itu telah pun

disediakan. Saya rasa bahawa soal kenapa ia gagal ataupun tidak, ia lebih bergantung kepada soal-soal faktor kemanusiaan. Terima kasih.

5. Puan Hajah Che Jam binti Harun minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk memperkenalkan projek satu Mukim Satu Projek Pertanian Bersepadu selaras dengan hasrat kerajaan ke arah mewujudkan industri pertanian secara meluas di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengambil langkah-langkah ke arah mewujudkan industri pertanian secara meluas melalui pelaksanaan beberapa program pembangunan yang mengambil pendekatan secara bersepadu.

Antaranya ialah pelaksanaan Projek-projek Pertanian Bersepadu (IADP) dan Projek-projek Pembangunan Pertanian di peringkat daerah dan mukim seperti Projek Pembangunan Bersepadu Pagoh (Johor), di Jeli (Kelantan) di Seberang Prai Utara (Pulau Pinang) dan di Sik (Kedah). Pada asasnya perancangan dan pelaksanaan projek-projek ini menggunakan konsep MOA *incorporated*, dengan izin.

Dalam hubungan ini, kementerian juga sedang melaksanakan Projek Pertanian Moden di Kluang (Johor) yang merupakan Projek Pembangunan Pertanian campuran berskala besar dalam usaha meningkatkan industri pertanian serta mengeluarkan bahan makanan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Che Jam binti Harun: Soalan tambahan, terima kasih. Saya ingin tahu setakat ini daerah atau negeri mana yang paling berjaya dan apakah projek atau produknya?

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia sedang melaksanakan satu projek satu mukim satu produk. Tetapi ini berbeza dengan apa yang ditunjukkan di dalam soalan ini ialah satu projek pertanian, satu mukim satu projek pertanian bersepadu. Ini adalah satu perbezaan. Dasar satu mukim satu produk itu yang dilaksanakan oleh beberapa kementerian seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga MITI.

Program ini juga dilaksanakan oleh Kumpulan Pembangunan Wanita di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang paling berjaya boleh dikatakan Kumpulan Pembangunan Wanita (KPW).

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan membuat pemantauan punca kelembapan ataupun kelemahan industri pertanian sehingga kini belum lagi mencapai satu penyelesaian yang konkrit terutama dalam menyelesaikan masalah lambakan buah-buahan di musim buah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terlalu luas dan terkeluar daripada soalan asal Yang Berhormat.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini mungkin kita kena baca dengan teliti, mungkin kita mengeluarkan satu buku besar untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian akan menghadapi masalah dalam pelaksanaan projek satu mukim satu produk sebab kuasa untuk memberi kelulusan tanah ini adalah di bawah bidang kuasa negeri. Inilah soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, dasar satu mukim satu produk bukan tertumpu kepada Kementerian Pertanian sahaja. Ia merangkumi kementerian-kementerian yang lain, yang telah saya sebutkan tadi. Masalah-masalah memang ada, tetapi kita akan menyelesaikan masalah tersebut satu demi satu.

6. Puan Safinah binti Jusoh minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah program-program pendidikan kepenggunaan telah dapat disampaikan kepada pengguna terutamanya suri-suri rumah supaya mereka bijak berbelanja dan suasana hampir semua harga barang naik.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, suri rumah dikenal pasti sebagai pembuat keputusan yang penting dalam menentukan pembelian untuk seisi rumah. Justeru itu golongan ini merupakan sasaran yang sangat penting dalam meningkatkan kesedaran dan penilaian pengguna demi kesejahteraan keluarga serta negara secara amnya.

Kementerian melalui Program *Smart Partnership* bersama beberapa agensi kerajaan dan pihak NGOs seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pertanian, Bank Negara, Puspanita Kebangsaan, *National Council of Women Organization* (NCWO) dan 'Persatuan Kosmetik (HARUMAN)' dan Dandanani Diri Malaysia berusaha mengadakan berbagai-bagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepenggunaan dan meningkatkan taraf kualiti hidup golongan ini.

Program-program ini adalah termasuk seminar pengurusan kewangan berhempah. Seminar kepenggunaan barangan kosmetik dan makanan *supplement* untuk kesihatan, bengkel pengguna kualiti hidup dan bengkel kepenggunaan untuk wanita. Program *Smart Partnership* ini diadakan bukan sahaja di bandar-bandar besar malahan penduduk luar bandar serta kawasan pedalaman juga berpeluang untuk mengikuti program ini.

Sepanjang tahun 2004, anggaran lebih 300 program yang telah dijalankan. Dengan adanya program sukarelawan pemantauan penggunaan SPH, ahli-ahli yang majoritinya terdiri daripada golongan wanita dan suri rumah dapat menyumbang secara aktif dengan menyalurkan sebarang bentuk aduan ke atas peniaga yang menaikkan harga dengan tidak sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Safinah, saya akan benarkan soalan tambahan bagi kedua-dua Ahli Yang Berhormat kerana menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang mulia ini. Puan Safinah.

Puan Safinah bin Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya ialah kebelakangan ini kita dapat melihat begitu banyaknya karnival *sales* dan juga mega-mega *sales* yang diadakan. Dari tinjauan kementerian sendiri bagaimanakah perkara-perkara ini boleh menjejaskan selera pengguna-pengguna? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah impak *sales* kempen itu negatif atau positif dalam soal kependidikan kepenggunaan ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Puan Safinah dengan persoalan membangkitkan tentang kita mengadakan mega *sales* di merata tempat dan beberapa waktu tertentu, dan ini merupakan salah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membolehkan agar pihak pengguna dan masyarakat kita khususnya yang tidak berupaya akan mendapat wang landasan untuk

mbolehkan mereka memperoleh barangan-barangan bukan hanya dari segi kualitinya yang baik, bahkan juga dari segi harga yang berpatutan kerana kita dapati dalam musim-musim bukan *sales* atau jualan murah, barangan-barangan yang dijual bukan lagi di tahap dan landasan yang masyarakat kita tidak berupaya. Dengan itu kita menggalakkan supaya dianjurkan seperti mega *sales* dan jualan-jualan murah di merata tempat khususnya sebelum musim perayaan. Contohnya sebelum musim sambutan Hari Raya, sebelum perayaan Deepavali, sebelum perayaan Tahun Baru Cina. Untuk membolehkan supaya keluarga yang tidak berupaya juga membuat persediaan untuk membolehkan/melengkapkan anak-anak mereka dengan pakaian yang baik.

Kita dapati di sepanjang pelaksanaan program ini, dia memberi manfaat keadaan masyarakat kita bukan hanya di dalam bandar, bahkan juga di luar bandar walaupun kita dapati bahawa sedikit sebanyak kepincangan, tetapi langkah ini kita perlu perbaiki, kita perlu selesaikan bukan pula dengan menutup atau tidak mengadakan mega *sales* ataupun jualan murah, kerana kita dapati bahawa sepanjang pelaksanaan program ini ada manfaat dia kepada pengguna, walaupun saya telah menyatakan tadi ada juga pihak-pihak perniagaan yang mengambil peluang dengan meletakkan kadang-kadang barangan yang murah, tetapi kualiti dia tidak berpatutan dan pihak kementerian mengambil tindakan terhadap pihak-pihak perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita dapati mereka ini melakukan perniagaan yang tidak beretika - dan alhamdulillah setakat ini kesan dia cukup baik kepada pihak pengguna, cuma mungkin kita melihat dari segi kekerapan dia kerana kalau kerap sangat, "*there won't be any sale*" orang bilang, dengan izin. Semua bulan, semua hari akan ada *sales*. Kita melihat perkara ini dan saya berbincang dengan rakan di Kementerian Pelancongan juga kerana ia adalah suatu program yang harus diadakan dalam jangka waktu yang terhad. Jangan selalu sangat tiap-tiap bulan kita adakan *sales*, jadi tidak akan bermakna *sales* itu kalau setiap bulan kita adakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan '*smart partnership*' yang disebutkan oleh Menteri tadi, adakah kementerian ini juga mendapat bantuan daripada persatuan-persatuan pengguna sebagai satu badan NGO yang dapat membantu dalam program-program pendidikan pengguna kerana mereka ini selalu berhubung rapat dengan pengguna. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang membangkitkan persoalan adakah kita mendapat kerjasama daripada pihak-pihak yang lain. Sememangnya ada, daripada badan-badan yang lain selain daripada kumpulan kaum ibu dan wanita yang kita gerakkan kerana kita dapati bahawa kumpulan wanita sebagai pengguna adalah merupakan yang begitu besar di luar bandar khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Persatuan pengguna, Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Contohnya bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di dalam bandar sebahagian besar wanita memainkan peranan yang penting. Badan-badan NGO yang terlibat seperti FOMCA, *Consumers Association Pulau Pinang (CAP)* juga memainkan peranan. Badan-badan yang lain juga telah memainkan peranan tampil ke hadapan untuk membantu pihak kerajaan bagaimana untuk menjayakan program menjaga kebajikan *consumers*, kerana kita tahu bahawa matlamat kita adalah sama. Kerajaan mempunyai matlamat iaitu untuk memastikan agar pihak pengguna, majikan, hal ehwal kepentingan mereka juga akan terlindung.

Sudah pasti begitu juga badan-badan seperti NGO, FOMCA, CAP dan badan-badan yang lain mempunyai matlamat yang sesuai. Cuma mungkin cara pendekatan mereka adalah berbeza, tetapi pendekatan ini kita harap bukan menjadi benteng penghalang untuk mencapai matlamat yang utama, iaitu menjaga kepentingan pengguna. Alhamdulillah, setakat ini kerjasama di antara FOMFA dan CAP dalam menganjurkan kesedaran contohnya:

Kita memberi bantuan bukan hanya kewangan tetapi juga perbincangan bagaimana pendekatan yang perlu kita laksanakan untuk kita hendak mempertingkatkan kesedaran pihak pengguna kita. Saya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri peluang kepada satu lagi soalan tambahan? Puan Safi....Maaf, Puan Siti Zailah. Tersilap nama pula.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan membuat kajian purata perbelanjaan harian suri-suri rumah di seluruh negara dan apakah tindakan dibuat oleh kementerian bagi memastikan barang-barang yang dijual di seluruh negara kita selamat dan halal. Sebab kita dengar baru-baru ini kes penjualan kasut daripada kulit babi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu cukup, halal itu tidak memadai. *Pattern – spending patterns of housewives.*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi data Yang Berhormat nyatakan, saya mohon maaf. Saya tidak mempunyai angka pada saya hari ini, tentang berapa sebenarnya jumlah pendapatan/perbelanjaan seisi rumah kerana ia berperingkat-peringkat di luar bandar dan juga dalam lingkungan keupayaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Soal halal tidak halal?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Persoalan yang kedua iaitu mengenai dengan halal tadi, memang kita sedar tentang perkara ini dan saya telah pun menyatakan kebimbangan saya, perlunya tindakan yang tegas harus diambil. Saya telah pun berjumpa dan bermesyuarat dengan Yang Berhormat Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri termasuk JAKIM, dan saya telah menekankan bagaimana langkah-langkah harus diambil untuk membolehkan agar pengguna kita mempunyai panduan (*guidance*) contohnya, dalam memberi barangan kulit babi dan yang bukan kulit babi - mesti ada perbezaan.

Saya sudah menekankan supaya semua peniaga di negara kita dimestikan untuk meletakkan label "Barangan Ini Adalah Diperbuat Daripada Kulit Babi" untuk membolehkan masyarakat Islam khususnya ataupun masyarakat yang lain tidak memegang dan tidak menggunakan kasut-kasut itu. Kadang-kadang mereka tidak sedar, jadi, perlu sebagai panduan.

Juga, dalam contoh logo halal, saya dapati bahawa logo halal ini sesiapa pun boleh menggunakannya. Kilang daripada tempat mana pun

Tuan Yang di-Pertua: Masalah ini telah pun dijawab.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Mudah sangat tetapi kita harus mengambil langkah untuk menyusahkan supaya label ini tidak ditiru dan alhamdulillah, pihak JAKIM mengambil perkara ini dalam sedikit masa lagi. Saya ingat pihak JAKIM akan melaksanakan beberapa langkah yang lebih berkesan untuk memastikan supaya pengawalan ini dapat kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya ialah melalui *labeling*, tetapi kalau pengguna tidak baca susah juga.

7. **Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang telah diberikan untuk projek-projek bagi mengurangkan bencana banjir; dan
- (b) apakah projek-projek yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan untuk mengurangkan bencana banjir.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan yang telah diberikan untuk projek-projek bagi mengurangkan bencana banjir bagi seluruh negara adalah sebanyak RM2 bilion.

Untuk soalan bahagian (b) di dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta saya ganggu sebentar. Adakah Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang menjawab soalan yang berikut? Dijemput.

Tuan Sazmi bin Miah: Dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga terdapat sebanyak 88 buah projek yang dijalankan, yang mana 15 projek telah siap sepenuhnya, 73 buah projek di dalam pelaksanaan dan sebanyak 12 projek akan disambungkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dayang Mahani hendak bertanya? Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setiap tahun sebahagian daripada negara kita terdedah dengan banjir terutama di negeri-negeri di sebelah Pantai Timur. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam membantu menyelesaikan masalah banjir terutama di negeri Kelantan. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Saya rasa soalan ini spesifik, tetapi saya cuba jawab jugalah. Peruntukan untuk RMK-8 sebanyak RM69 juta bagi negeri Kelantan untuk tebatan banjir dan telah digunakan sehingga akhir tahun ini sebanyak RM18 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

8. **Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan faedah-faedah yang telah dikecapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) yang menerima pakai Local Agenda 21 dan apakah pihak kementerian bercadang melanjutkan pemakaiannya ke Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, Program LA 21 adalah program yang bertujuan untuk menggalakkan proses urus tadbir bandar (*urban governance*) yang baik. Program ini memberi penekanan kepada penglibatan masyarakat setempat dan juga sektor swasta bersama pihak berkuasa tempatan dalam membuat keputusan untuk merancang dan menguruskan persekitaran mereka ke arah pembangunan mapan ataupun pembangunan lestari, pendapat dan pandangan daripada mereka diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan program-program untuk peningkatan kualiti hidup mereka.

Antara faedah-faedah yang dinikmati oleh PBT yang melaksanakan konsep LA 21 ialah pihak berkuasa tempatan akan menjadi lebih mesra rakyat dan mendapat sokongan rakyat dalam melaksanakan tanggungjawabnya, dengan itu projek-projek yang dilaksanakan adalah lebih mudah, berkesan dan memberi manfaat kepada rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Program Local Agenda 21 dimulakan pada tahun 2000 melalui projek perintis yang melibatkan empat buah PBT, iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Miri, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan juga Majlis Daerah Kerian. Pada tahun 2002 Program LA 21 ini kemudiannya dikembangkan ke lain-lain PBT yang bertaraf Dewan atau Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran. Setakat ini jumlah PBT yang terlibat bagi melaksanakan Program LA 21 adalah sebanyak 44 buah. Program ini akan diperluaskan pemakaiannya kesemua PBT ke seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya. Soalan tambahan saya ialah di antara PBT-PBT yang menjalankan Local Agenda 21, yang mana satu PBT yang didapati paling berkesan dan berjaya? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di antara empat PBT yang telah dipilih untuk menjalankan projek perintis iaitu Miri, Petaling Jaya, Kuantan dan Kerian masing-masing mempunyai kelebihan dan kelemahannya. Secara keseluruhannya, keempat-empat PBT itu dikatakan berjaya dan mereka telah pun dijadikan contoh sebagai dengan izin disebut perkataan "*Big Brothers*" kepada orang lain kerana PBT lain belum lagi dimulakan. Setakat ini di antara 44 PBT yang telah dikenal pasti untuk dilibatkan terdapat hanya 19 PBT telah menubuhkan jawatankuasa dan telah pun menetapkan wawasan bagi masyarakat setempat yang selebihnya belum lagi bersiap sedia. Kementerian saya tetap akan memantau perkembangan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah sambutan pembayar-pembayar cukai pintu itu terhadap program-program yang telah disediakan di bawah Program LA 21 ini? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai reaksi awalan, saya rasa kebanyakan orang memang tidak mahu membayar cukai pintu yang lebih tinggi. Kalau hendak bayar lebih, tetap orang kata elok tidak payah bayar, kemudian beri *service* yang *first class*, kadang-kadang itu adalah mentaliti atau reaksi awalan. Tetapi apabila diberi penerangan yang selanjutnya sampai satu kesedaran telah pun wujud bahawa kalau tidak ada bayaran yang secukupnya, maka perkhidmatan tidak akan dapat memadai, maka mereka akan faham.

Dari segi agenda, Program Local Agenda 21, mungkin ini adalah satu mekanisme, di mana masyarakat setempat dilibatkan dalam proses memberi pandangan, perancangan dan sebagainya sehingga mereka faham apakah masalah yang dihadapi oleh PBT dan mereka seharusnya membayar apa-apa sahaja cukai ataupun bayaran perkhidmatan dengan setimpal. Dengan itu saya bersetuju kalau Program LA 21 itu boleh membantu sehingga rakyat sedar dari masa ke semasa, memang kita kena bayar untuk perkhidmatan yang akan diberi oleh PBT.

9. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kementerian masih tidak memberi fokus sepenuhnya dalam mengambil jurulatih-jurulatih dari negara-negara timur seperti dari China, Korea Selatan mahupun Jepun dalam melatih ahli-ahli sukan negara bagi merealisasikan polisi "Pandang Ke Timur" yang telah diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri yang lalu

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang diambil kira bagi membantu Persatuan Sukan dan Majlis Sukan Negara bagi membuat keputusan untuk mengambil jurulatih luar adalah lebih kepada ke terdapatnya kepakaran di kalangan jurulatih tempatan dan juga kadar bayaran jurulatih luar. Mengenai jurulatih daripada negeri China dan Korea, Majlis Sukan Negara telah mengambil mereka sejak wujudnya Program Jaya '98 sehingga pada hari ini.

Pada masa kini jurulatih-jurulatih daripada luar diambil untuk melaksanakan Program Gemilang 2006 dan juga untuk melatih atlet untuk menghadapi Sukan Asia dan Sukan Komanwel yang akan diadakan pada tahun 2006 dan 2010. Jurulatih-jurulatih luar yang diambil selain daripada negeri Korea dan China adalah juga daripada negeri-negeri dunia ketiga seperti Ukraine, Belarus, Uzbekistan. Khidmat mereka lebih kepada kebolehan mereka, gaji mereka dan juga lebih kepada khidmat yang akan diberi kepada mereka dan bukan sahaja berdasar kepada Dasar Pandang Ke Timur.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah lagi?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tiada orang lain yang hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berapakah bayaran yang diberi oleh kerajaan kepada jurulatih-jurulatih daripada luar ini.

Datuk Azalina Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya tidak ada fakta untuk jawapan bagi jumlah bayaran, tetapi secara umumnya bayaran bergantung pada kepakaran dan khidmat yang diberi, Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 10 – Y.B. Puan Wan Ubaidah binti Omar tidak hadir]

11. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah sekolah-sekolah rendah jenis sepadu di 10 buah Pusat Pertumbuhan Desa (RGC) yang terkandung di dalam senarai sekolah-sekolah yang diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dapat dibina di Sarawak bagi mempercepatkan pembangunan luar bandar termasuk mengurangkan “digital divide”, di kalangan murid-murid sekolah di luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak Tuan Yang di-Pertua ceria hari ini terima kasih. Mengenai komen bola sepak tadi, saya terima.

Tuan Yang di-Pertua: Komen berseloroh, jangan salah anggap Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak, sebenarnya Kedah menang, tetapi bola termasuk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Mereka cakap kalau bola sepak seri, kerana bola tampar boleh menanglah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dak, sebab sepakan tidak masuk gol, tetapi tangan yang menyebabkan bola masuk. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, Kedah tidak kalah tetapi gagal untuk masuk

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini Setiausaha Parlimen Kerajaan Malaysiakah atau Kerajaan Negeri Kedahkah? *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang dirancang dibina di 10 buah Pusat Pertumbuhan Desa (RGC) seperti yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah dicadangkan semula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sekolah-sekolah tersebut dijangka dapat dibina dalam tempoh rancangan tersebut. Saya juga akui bahawa dengan digital divide bagi kita ialah maksudnya knowledge divide. Oleh yang demikian, kita memang akan memastikan rancangan ini dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail Kasim tak mahu tanya?

[Soalan No. 12 – Y.B. Dato' Dr. Chin Fook Weng tidak hadir]

13. Tuan Chiam Yong Tee minta Menteri Belia Dan Sukan menyatakan:

- (a) kelemahan program Rakan Muda yang menyebabkan sambutan terhadap program tersebut dingin, dan
- (b) program 'remedial' sekiranya ada.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini hari rekod, Menteri jawab tiga soalan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada juga No. 45 kalau boleh jawab sekali senang juga Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau *subject matter*nya sama, Yang Berhormat saya boleh benarkan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Lebih kurang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Azalina binti Othman Said: Dengan izin, mengenai dengan soalan Yang Berhormat, Program Rakan Muda sentiasa mendapat sambutan sebenarnya daripada golongan belia di negara kita. Sambutan golongan belia kepada aktiviti-aktiviti rakan muda boleh dikatakan meningkat disebabkan oleh kaedah pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang diperkenalkan.

Walau bagaimanapun, belia-belia kita kalau kita lihat dari segi permintaan kepada jenis program, sentiasa berubah mengikut pendedaran masa dan minat mereka. Namun demikian, Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya tidak berupaya untuk memenuhi keperluan semua generasi belia remaja di bawah kategori umur rakan muda.

Umur Rakan Muda yang disebut sebenarnya ialah 15 hingga 25 tahun dan jumlah mereka ialah 5.5 juta. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, antara masalah yang dihadapi disebabkan oleh peruntukan kewangan baru-baru ini, pada tahun 2004 sejumlah kewangan sebanyak RM9.5 juta untuk dibelanjakan Program Rakan Muda dan kalau dibandingkan dengan jumlah belia sebanyak 5.5 juta, lebih kurang jumlah per kepala belia rakan muda lebih kurang kepada RM2 lebih Tuan Yang di-Pertua.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil beberapa langkah pada tahun depan untuk menstruktur Program Rakan Muda supaya lebih berkesan kepada semua belia-belia remaja kita di luar sana.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan benarkan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Adakah pihak kementerian juga memberi peruntukan kepada Majlis Belia bagi membantu mempertingkatkan program-program belia negara.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang menjadi dasar kementerian untuk membantu semua persatuan belia terutama sekali yang di bawah payung Majlis Belia Malaysia. Majlis Belia Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebenarnya rakan kongsi kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Baru-baru ini pihak kementerian telah memberikan *grant* RM1 juta kepada Majlis Belia Malaysia untuk tahun depan bagi program khas iaitu Kempen Belia Menentang Dadah untuk dijalankan secara bersama dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian ini bertujuan supaya semua persatuan belia senada, seirama dan selagu untuk menentang dadah bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam laporan Audit Negara tahun 2003 ada disebutkan beberapa kelemahan ataupun kekurangan Program Rakan Muda ini termasuklah kelemahan dalam pendaftaran penyertaan dan juga pengurusan am. Jadi, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membetulkan keadaan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian mengakui bahawa Laporan Audit yang disebut oleh Yang Berhormat itu memang begitu tepat sekali.

Bagi pihak kementerian, pada tahun depan kementerian melihat antara pendekatan yang terbaru

Tuan Yang di-Pertua: Itu semangatnya Yang Berhormat, bahawa Laporan Audit itu tepat sekali, itu semangat yang membina negara. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam Program Rakan Muda, antara kesedaran yang dialami oleh pihak kementerian ialah kadang-kadang program yang dilaksanakan oleh kementerian tidak sama dengan cita rasa dan kesukaan generasi belia remaja terutama sekali di bawah umur 25 tahun.

Itu sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini dalam pelancaran Pelan Tindakan Belia Malaysia meluluskan diwujudkan Institut Penyelidikan Belia Negara (ITBN) dengan tujuan untuk mewujudkan kajian-kajian selidik dahulu sebelum program-program belia dimulakan oleh pihak kementerian supaya tidak adanya pembaziran dari segi wang ringgit dan supaya penyertaan belia-belie remaja dipertekankan dan institut ini akan mengadakan *survey*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua bermula pada bulan Januari tahun depan.

Puan Hajah Shamsiah binti Shamsudin: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Saya mohon maaf saya katakan Setiausaha Parlimen tadi, sebenarnya Timbalan Menteri ditujukan kepada Yang Berhormat tadi. Mohon maaf Yang Berhormat, saya yang salah maka saya yang kalah [*Ketawa*]

Puan Hajah Shamsiah binti Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Shamsiah ya?

Puan Hajah Shamsiah binti Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah peruntukan Rakan Muda ini boleh disalurkan ke Kementerian Pelajaran khususnya ke sekolah-sekolah menengah ataupun ke sekolah-sekolah rendah bagi mengenal pasti murid-murid yang berkebolehan bagi membantu kementerian. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rakan Muda lebih berminat kepada generasi belia remaja di bawah umur 25 tahun yang bukan sahaja di dalam umur persekolahan ataupun belajar di tempat sekolah ataupun di Institusi Pengajian Tinggi tetapi juga kepada belia-belia remaja yang tidak bekerja dan tidak juga bersekolah.

Sebenarnya peruntukan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tidak dapat dilaksanakan kerana penekanan Kementerian Belia dan Sukan lebih kepada program-program waktu lepas sekolah dan pada hari-hari cuti. Sebagai maklumat tambahan, baru-baru ini, kementerian telah mewujudkan Program Rakan Muda Jiran Muda dengan Jabatan Perpaduan Negara supaya Program Rakan Muda dapat ditempatkan di kawasan perumahan.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Sharifah Azizah dahulu Yang Berhormat. Belum dapat peluang lagi Puan Hajah kita.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, apakah keberkesanan dan faedah yang diperolehi oleh remaja melalui Program Rakan Muda dan apakah fungsi Pegawai Rakan Muda di setiap daerah. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih. Sebenarnya keberkesanan Program Rakan Muda pada hari ini kalau dibandingkan dengan tidak adanya Program Rakan Muda ialah di mana belia-belia remaja kita dapat meluangkan masa mereka

untuk program-program yang lebih ke arah cergas, sihat dan bersatu. Kalau kita kaji Tuan Yang di-Pertua, jumlah remaja kita yang meningkat umur 18 tahun setiap tahun ialah 486,000. Ini bererti bahawa kemasukan belia-belia di antara umur 15 hingga 25 tahun sentiasa berpusing, ia tidak berhenti.

Oleh itu, keberkesanan program mesti kesedaran kementerian mengubah mengikut cita rasa belia remaja. Itu adalah di antara keutamaan kementerian.

Dan kedua berkenaan dengan Pegawai Rakan Muda, sebenarnya kementerian tidak ada Pegawai Rakan Muda di peringkat daerah, tetapi Kabinet baru-baru ini bersetuju diwujudkan Penggerak Rakan Muda.

Penggerak Rakan Muda ini ialah generasi belia di bawah umur 25 tahun yang dilantik secara kontrak selama enam bulan akan menjadi pegawai, penggerak iaitu fasilitator untuk orang muda bersama orang muda. Kementerian menyedari pegawai-pegawai kementerian yang agak lebih tua Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang memberikan perasaan yang tidak begitu selesa bagi generasi belia untuk bercakap dan juga menjalankan program. Maka Kabinet bersetuju dengan perlantikan Penggerak Rakan Muda di setiap daerah dan di setiap kawasan kawasan Parlimen dapat membantu menghubungkan antara kerajaan, persatuan belia dan juga belia-belia.

Tambahan untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan ialah jumlah belia yang tidak mahu berpersatuan ialah 7 juta, yang berpersatuan ialah 2.8 juta. Disebutkan di awal tadi jumlah belia kita 9.8 juta, masalah yang dihadapi oleh kementerian ialah belia yang tidak berpersatuan, yang kita tidak tahu mereka di mana. Itu sebabnya Program Rakan Muda dan Penggerak Rakan Muda diharap dapat membantu kerajaan untuk mencari mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri semakin ada *form* menjawab.

[Soalan No. 14 – Y.B. Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee tidak hadir]

15. Tuan Tay Puay Chuan minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik agihan peruntukan kewangan kementerian kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil semenjak beliau memegang jawatan Menteri Pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, agihan peruntukan kewangan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan mulai bulan Mac 2004 adalah sebanyak RM6,475,500 bagi 179 buah SJKC dan RM546,000 bagi 67 buah SJKT. Pada keseluruhannya projek ialah 246 iaitu SJKC dan SJKT yang menelan belanja sebanyak RM7,021,500. Terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengapakah terdapat jurang perbezaan yang besar pada pengagihan peruntukan kepada SJKC dan SJKT. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ingin saya nyatakan di sini iaitu pertama sekali, saya terus terang menyatakan bahawa pihak kerajaan tidak ada diskriminasi terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan sama ada Cina mahupun Tamil. Tetapi oleh kerana statusnya yang mana kita katakan kebanyakan sekolah-sekolah ini yang kita dapati dari segi bantuan kerajaan kalau tidak silap saya adalah tidak ada perbezaan. Tidak ada perbezaan maksud saya dari segi perbelanjaan guru, latihan guru, peralatan dan sebagainya semuanya dilengkapi sama seperti Sekolah Kebangsaan.

Jadi, soalnya untuk dikatakan mengapa ia kurang dan banyak, ini tidak timbul sama sekali. Sekali lagi saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kebanyakan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan ini boleh kita katakan kedudukan statusnya adakah dia bantuan modal ataupun tidak. Tetapi jelasnya di sini persamaan antara SJKT dan SJKC dan Sekolah Kebangsaan dari segi bantuan pada keseluruhannya tidak ada diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan tamat.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.
[13 Disember 2004]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Dato’ Omar Faudzar menyambung ucapan.

11.15 pagi.

Dato’ Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang kewangan, iaitu mengenai syarikat-syarikat yang telah disenaraihitamkan oleh Bank Negara dan tidak boleh membuat apa-apa pinjaman untuk projek-projek baru sehinggalah pinjaman-pinjaman lama, hutang-hutang lama diselesaikan.

Jadi, saya berharap pihak Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Bank Negara dapat mengubah sedikit ataupun melonggarkan syarat-syarat ini supaya syarikat-syarikat swasta yang mempunyai masalah-masalah bayaran balik kepada pinjaman-pinjaman bank ini dapat diteruskan memberi pinjaman-pinjaman supaya syarikat-syarikat ini dapat hidup semula dan dapat membayar balik hutang-hutang lama.

Yang kedua, yang saya hendak sentuh juga dalam Kementerian Kewangan ialah mengenai pinjaman-pinjaman yang tidak berbayar, yang dikategorikan sebagai *non performing loan*, dengan izin. Kalau sepuluh tahun yang lalu ataupun lima tahun yang lalu, kalau tidak salah saya, satu-satu pinjaman itu dikategorikan sebagai *non performing loan* apabila tempoh yang diberikan ialah enam bulan. Enam bulan saya rasa adalah satu jangka masa yang cukup baik.

Tetapi, hari ini *non performing loan* dikategorikan sebagai *non performing* apabila pinjaman itu tidak dibayar dalam masa tiga bulan. Jadi, tempoh tiga bulan yang saya rasa adalah terlalu pendek kerana sekiranya sesuatu syarikat membuat pinjaman dan dia hendak mendapatkan kelulusan sesuatu projek, dia mungkin

mengambil masa yang agak lama. Mungkin dia akan mengambil masa setahun ataupun enam bulan.

Jadi, sebelum projek-projek itu dapat dilaksanakan, dia terpaksa membayar pinjaman-pinjaman yang telah digunakan. Jadi, saya rasa terlalu singkat. Mungkin kerajaan dapat mengkaji semula supaya *non performing loan* dipanjangkan daripada jangka masa tiga bulan ataupun sekarang ini, mungkin sesetengah bank tidak sampai tiga bulan, dua bulan, dipanjangkan balik kepada enam bulan sebab bila dua bulan ini, kadang-kadang *hire purchase*, bila kita beli kereta, kita pakai tidak sampai lagi puas kita pakai kereta, duduk-duduk bank sudah telefon, beritahu kata *your payment is due*, terlalu singkat.

Jadi, saya berharap Kementerian Kewangan dapat menimbang kembali cara-cara bagaimana ataupun tempoh yang sesuai untuk kita membantu syarikat-syarikat swasta kerana syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang juga membantu kerajaan. Syarikat-syarikat ini juga adalah syarikat-syarikat yang membayar cukai kepada kerajaan. Jadi, kalau kita tidak membantu, maka syarikat-syarikat swasta juga tidak dapat membantu kerajaan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pembangunan Usahawan. Banyak projek luar bandar, banyak produk luar bandar, produk-produk bumiputera yang kita tengok boleh kita majukan ke tengah. Tetapi malangnya pada hari ini, saya merasakan bahawa produk-produk ini tidak dapat dimajukan kerana orang-orang Melayu tidak ada satu rangkaian, yang mana dia boleh daripada kampung, dia bawa produk itu sehinggalah ke atas dan di atas juga, ada orang-orang Melayu yang boleh membantu. Sebab itu, hari ini kalau kita tengok produk-produk orang-orang Melayu, kebanyakan kalau kita tengok di *supermarket*, dia tidak letak di satu kawasan yang strategik. Dia cuma letak di kawasan-kawasan yang terpinggir, yang orang tidak tahu.

Bila orang tidak tahu tentang produk-produk ini, maka akan timbul masalah kepada usahawan-usahawan Melayu dan ini adalah satu daripada sebab-sebab kegagalan kita hendak memasarkan produk-produk yang bumiputera buat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Saya ingin mohon....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ingin mohon laluan.

Dato' Omar bin Faudzar: Ya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat. Apakah sebab-sebab yang beliau ketahui, barang-barang produk yang dibuat oleh bumiputera ini, dipinggirkan, sedang saya lihat di Mekah, produk-produk yang dibuat oleh bumiputera dan juga rakan-rakan kita di Indonesia, dodol misalnya boleh dipasarkan di Mekah. Ini di Mekahlah barangkali kerana ramai orang. Kenapa di sini boleh dipinggirkan barang-barang yang dibuat oleh bumiputera? Saya harap Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin menggunakan perkataan “terpinggir” lebih baik dari dipinggirkan tidak?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak. ia dualah. Kalau terpinggir itu tidak sengaja. Bila dipinggirkan itu, sengaja. Itu dari segi nahu Arab Melayulah. Dipinggirkan maknanya ada langkah-langkah yang diambil itu sebagai disengajakan. Kalau terpinggir itu tidak sengajalah. Jadi, saya haraplah itu. Di sini, saya menekankan dipinggirkan. Mungkin ada benda-benda yang saya soal itu mungkin Ahli Yang Berhormat boleh jawablah.

Dato’ Omar bin Faudzar: Saya dipinggirkan. Seperti mana saya kata tadi, kalau kaum-kaum lain Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu contohlah. Sebagai seorang kontraktor, ini contoh ya. Sebagai seorang kontraktor bumiputera, kalau dia hendak beli barang, dia terpaksa pergi kepada bukan bumiputera. Bila dia terpaksa pergi kepada bukan bumiputera, di mana orang-orang yang bukan bumiputera juga ada rangkaian-rangkaian dia di situ. Maka, sudah tentulah harga-harga yang ditetapkan oleh yang bukan bumiputera ini lebih murah daripada.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikuti hujah Yang Berhormat. Tajuk atau subjeknya ialah rangkaian atau *networking*, kerana *networking* ini wujud terpinggirnya atau dipinggirkan kerana *networking*. Ada *networking*, tidak ada *networking* itu menjadikan keadaan dipinggirkan atau terpinggir.

Dato’ Omar bin Faudzar: Saya rasa dipinggirkan. Itu yang saya faham. Mungkin ada orang lain yang....

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya, siapa yang tiada *network*, akan dipinggirkan bukan terpinggir?

Dato’ Omar bin Faudzar: Saya rasa bukan terpinggir. Ini dipinggirkan, sebab.....

Tuan Yang di-Pertua: Makna, *network* itu ada rancangan, sengaja meminggirkan.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya rasa begitu Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ingat, kalau semua orang pergi *supermarket* hari ini, kalau kita tengok barang-barang yang buatan bumiputera, terletak di mana? Terletak di bawah, tidak terletak di atas rak-rak tertentu yang bersama-sama dengan produk-produk....

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lambat hendak bagi laluan? Marahkah? *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar atas laluan yang diberikan kepada saya. Memandangkan saya ingin penjelasan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat membangkitkan soal dipinggirkan dan terpinggir ini.

Tuan Yang di-Pertua: ...kerana ada atau tiada rangkaian atau *networking*?

Tuan Ismail bin Kasim: ...kerana adakah tidak rangkaian *networking*?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah terpinggir ataupun dipinggirkan?

Tuan Ismail bin Kasim: Dipinggirkan. Maksud saya sengaja dibuat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Maksudnya, *network* orang lain itu meminggirkan.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya. Sebab perkara ini boleh diatasi kalau sekiranya pihak kementerian mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dalam usaha....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tanya di sini sebab kalau kita kata dipinggirkan, kita tahu asyik hendak salah orang lain. Kalau kita kata terpinggir, mungkin mendorong kita membuatkan *network* kita yang sendiri.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya. Ia sebenarnya lebih daripada dipinggirkan, sengaja dibuat Tuan Yang di-Pertua. Sebab, ketidakrangkaian pasar raya ataupun *hypermarket* dan juga *supermarket* ini, mereka ada satu ruang untuk memasarkan barang-barangan tertentu. Kadang-kadang dia berdasarkan kepada promosi, kepada promoter. Ini bermakna, kita hendak bagi barang kita ke hadapan ini, kita kena bayar lebih kepada promoter berkenaan.

Tetapi, dalam keadaan sekarang, kalau bumiputera yang ingin meletakkan barangan mereka untuk dipasarkan di tempat seperti yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Dato' Omar tadi, saya rasa disebabkan oleh kekurangan modal pusingan dan sebagainya. Sudah barang tentu kedudukan barang itu diletakkan di tempat-tempat yang terpinggir, selain tidak ada persefahaman ataupun perbincangan dengan pihak pengurusan *hypermarket* ataupun *supermarket* berkenaan.

Kemudian yang kedua berhubung dengan rangkaian ataupun *networking*. Yang saya maksudkan di sini ialah bidang peruncitan yang seperti mana kita lihat pihak kementerian, hasil daripada cetusan dan ilham daripada bekas Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir iaitu pelancaran PROSPER pada tahun 2000 dalam bidang peruncitan ini dan sekarang ini, mengikut pembentangan bajet yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kelmarin di Dewan yang mulia ini, bermakna peruncitan yang ada sekarang ini, yang melibatkan 458 perniagaan yang sedang beroperasi akan ditingkatkan ke pemborongan ataupun di peringkat *wholesale*. Jadi, saya ingat perkara-perkara ini boleh dibincangkan dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun sudah tidak dapat mengikut apakah sebab Yang Berhormat mohon laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya hendak penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Omar Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak menunjukkan bahawa kalau barangan bumiputera ini, kalau sekiranya kita ingin ianya berjaya, ia ada banyak perkara yang harus kita buat. Pertama, dari segi pemasaran ini. Rangkaianya bukan harus ditumpukan di pasar raya-pasar raya besar sahaja.

Malah, ianya boleh kita wujudkan *networking* seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua maksudkan tadi ataupun kita bekerjasama dengan *networking* yang sedia ada, yang saya rasa kalau kita lihat dalam *networking* yang sedia ada ini, kebanyakannya dikuasai oleh satu kaum sahaja iaitu orang-orang Cina dan juga di peringkat *wholesaling*. Jadi, boleh seperti mana.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau orang Cina sahaja yang ada *networking*, mengapa kaum lain tidak boleh menembusi penjualan akhbar dan majalah yang bukan dikuasai oleh orang Cina?

Tuan Ismail bin Kasim: Maksud saya ia ada bidang-bidang tertentu seperti kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Makna bukan orang Cina sahajalah yang ada *networking*.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya. *Networking* yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Orang India pun ada juga.

Tuan Ismail bin Kasim: Ada. Tetapi, hanya bidang itu sahaja, bidang buku dan juga surat khabar itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang lain saya ingat, belum lagi dapat ditembusi seperti mana yang dikuasai oleh kaum Cina dalam bidang *wholesaling* dan juga *retailing* ini dengan izin. Jadi, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Dato', apakah kalau kita memilih supaya kita tidak dipinggirkan untuk pihak kerajaan sekurang-kurangnya campur tangan secara langsung untuk sama ada kita memperbesarkan *networking* yang sedia ada ataupun kita mengadakan perbincangan untuk mewujudkan *networking* baru misalnya dalam usaha kita memastikan barangan keluaran bumiputera ini dapat berada dalam pasaran dan seterusnya mencapai kejayaan. Apa pandangan Datuk?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah pilihan orang bumiputera untuk tidak dipinggirkan atau untuk tidak terpinggir? Apakah pilihan di hadapan mereka?

Dato' Omar bin Faudzar: Saya rasa, kalau kita hendak adakan *networking* kita sendiri, mungkin mengambil masa yang agak lama dan dalam jangka masa yang lama itu, syarikat-syarikat yang sudah ada, yang sudah wujud mungkin juga akan hilang. Jadi, cara yang terbaik, yang saya rasa perlu dibuat ialah campur tangan kerajaan untuk memastikan bahawa produk-produk, khususnya produk-produk dalam negeri, produk-produk bumiputera diambil perhatian, kita pastikan bahawa produk-produk ini dapat dipasarkan di dalam negara kita dengan cara yang lebih baik. Bukan sahaja produk dia.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Musa mohon laluan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan, boleh Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Musa pun orang berniaga jugakah?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia dah bagi laluanlah kalau begitu.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua tadi. Pemasaran kita terpinggir ataupun dipinggirkan. Masalahnya, terpinggir kenapa? Barang kita ini diketepikan. Terpinggir kerana pemasaran kita orang tidak tahu. Apakah pemasaran kita yang sebenarnya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap soal Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Orang-orang kampung ini kadang-kadang dia tahu membuat produk, tetapi dia tidak tahu memasarkan di mana pemasaran ini patut dipasarkan. Kalau kita bercakap soal akhbar Utusan Malaysia, seluruh dunia sudah tahu Utusan Malaysia ini. Inilah masalahnya pemasaran. Pemasaran dari segi orang bumiputera memang begitu. Kalau kita bandingkan dengan kaum lain, memang kita ketinggalan. Jadi, apa yang patut kita lakukan hari ini, kita ada banyak agensi kerajaan. Kementerian Pelancongan, Kraf tangan, kemudian FAMA, dia boleh masuk kampung, tengok apa produk orang bumiputera, kemudian dia kena pasarkan. Kalau tadi Yang Berhormat asalnya.....

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan Yang Berhormat, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: belum boleh laluan dipohon di atas laluan....

Tuan Ismail bin Kasim: Laluan tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sabar, sabar Yang Berhormat.

Jadi saya rasa pemasaran ini sepatutnya kalau kita kata, orang Melayu ini semua hendak bergantung kepada kerajaan, tetapi kita masih lemah dengan pemasaran. Inilah masanya kerajaan kena bantu. Sebab kita ada banyak agensi kerajaan. Inilah masanya kita kena bantu peniaga-peniaga ataupun petani-petani di kampung-kampung ataupun produk-produk yang dibuat di kampung-kampung. Oleh itu Kementerian Pembangunan patut disatukan, ada agensi pelancongan daripada bermacam-macam agensi.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Musa, jadi saya rasa setiap kementerian yang terlibat dalam isu-isu hendak memasarkan produk-produk orang Melayu ini kita patut ada satu penguat kuasa. Penguat kuasa yang boleh masuk ke pasar-pasar, pastikan bahawa produk-produk kita ini ada di dalam pasar-pasar. Saya rasa cukuplah saya bangkit tentang isu barangan dan yang kedua, saya hendak bangkitkan ialah tentang lot-lot perniagaan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Lot-lot perniagaan di dalam *shoppings* kompleks. Kebanyakan lokasi-lokasi, lot-lot yang dibagikan kepada bumiputera adalah terletak di kawasan-kawasan yang tidak begitu baik. Sekali lagi kawasan-kawasan yang terpinggir, tetapi saya tidak tahulah sama ada ini terpinggir atau dipinggir. Kawasan-kawasan yang memang tidak boleh maju, saya ambil contoh di negeri saya sendiri di Pulau Pinang, kalau katakan di KOMTAR, kita boleh tengok di satu tingkat, di satu *corner* sahaja yang ada kaum bumiputera yang berniaga tidak bersama-sama dengan kaum-kaum lain. Begitu juga di *shoppings* – kompleks yang lain di kawasan Gurney dan sebagainya.

Jadi, sepatutnya MARA di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dapat memainkan peranannya, begitu juga PNB dan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Tabung Haji dan sebagainya dapat memainkan peranan supaya setiap *shopping* kompleks yang dibangunkan, kita carikan satu lokasi yang lebih strategik kalau kita betul-betul hendak membantu kaum bumiputera dalam perniagaan, kalau tidak ada bantuan daripada agensi-agensi ini, maka saya rasa kita masih di tahap yang lama, kita sekadar buka kedai..

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Dato' Omar bin Faudzar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar. Apa yang Dato' Omar bangkitkan iaitu soal lot-lot yang lebih strategik. Saya rasa dalam hal ini kerajaan telah pun melalui skim *PROSPER* yang telah saya katakan tadi, khasnya PUNB telah diarahkan oleh pihak kerajaan untuk membeli lot-lot yang lebih atau *prime* lot ini di mana-mana kawasan-kawasan perumahan baru yang dibina dan juga kawasan-kawasan yang dianggap kesesuaian dan kemudian pembelian ini *ditransfer* kepada bumiputera yang berkemampuan, yang ada kebolehan untuk mengendalikan perniagaan.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini, kerana kita lihat seolah-olah benda ini berjalan dengan senyap dan kita tidak tahu sama ada kementerian sengaja tidak mahu menghebahkan perkara ini kerana kita tidak tahu dalam keadaan apa-apa, dalam keadaan tertentu yang menyebabkan ianya perlu dihebahkan kepada usahawan-usahawan bumiputera untuk merebut peluang yang disediakan menerusi campur tangan PUNB dan sebagainya, ini seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa *PROSPER* sudah memainkan satu peranan yang baik, cuma fokusnya tidak kepada perkara-perkara yang kita bercakap sekarang ini. *PROSPER* lebih kepada barang-barang runcit dan dia lebih memberi fokus kepada pembelian-pembelian seperti rumah-rumah kedai dan sebagainya, tidak kepada isu-isu pembelian lot-lot ataupun penyewaan lot-lot di dalam *shopping* kompleks. Jadi sebab itulah kalau semua agensi ini dapat seperti saya katakan tadi, kalau dapat memainkan peranan, beli atau sewa kawasan-kawasan ini dan disewakan balik kepada bumiputera.

Sehingga ke hari ini saya rasa MARA telah membeli banyak lot kedai yang saya rasa tidak sesuai, tidak sesuai untuk kita beri balik kepada bumiputera untuk berniaga. Kalau kita beri balik pada bumiputera untuk berniaga mungkin perniagaannya ditutup sebab kawasan yang tidak begitu strategik.

Banyak lagi lot-lot MARA yang masih lagi kosong, sebab orang tidak hendak masuk, kalau orang hendak masuk berniaga di kawasan itu dia tahu, dia berniaga di kawasan itu, dia tidak boleh hidup. Jadi sebab itu kita kata harus membuat kajian, setiap kementerian harus membuat kajian supaya lot-lot yang dibeli ini adalah cukup baik, cukup strategik, kalau kaum-kaum lain boleh buat benda-benda ini, saya rasa yakin kementerian-kementerian juga dapat membantu mencari satu formula bagaimana kita hendak tahu kawasan ini adalah satu kawasan yang strategik, kawasan ini kita harus beli untuk membantu kaum bumiputera..

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun a/p Eam.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' sebenarnya kaum Melayu dengan kaum Siam bukan ada-ada perbezaan, cuma pada pendapat saya, kaum itu sebagai kaum majoriti ataupun minoriti. Bumiputera atau bukan bumiputera itu bukanlah satu asalan yang terbaik untuk kita membangunkan diri kita atau memajukan diri kita. Jadi, apa yang hendak saya cadangkan di sini ialah seperti di Thailand, satu daerah satu produk dengan izin, dalam bahasa Siam [*Bercakap dalam bahasa Siam*] kenapa mereka boleh berjaya?

Dari pandangan saya, saya rasa di Malaysia ini kita kekurangan kepakaran dalam pemasaran, kita memang lemah. Jadi di Thailand mereka menswastakan, kerajaan akan membagi peruntukan untuk memberi bantuan kepada kaum-kaum di

luar bandar untuk membuat produk, dan kerajaan menswastakan kepada satu badan yang menjalankan perniagaan untuk memasarkan produk yang dikeluarkan oleh masyarakat luar bandar.

Jadi badan yang membuat pasaran untuk produk mereka ada kepakaran dalam pemasaran, sebab itu di Thailand saya rasa [*Bercakap dalam bahasa Siam*] ataupun satu daerah satu produk ini memang berjaya, dan saya difahamkan banyak lagi produk yang akan dikeluarkan. Saya rasa sama ada bumiputera dan bukan bumiputera majoriti ataupun minoriti itu bukan satu alasan. Jadi, apa yang kita menghadapi masalah sekarang ialah bagaimana untuk kita memperbaiki kepakaran dalam pemasaran kita, itu sahaja saya rasa. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Yang Berhormat sebelum menjawab mungkin saya minta laluan untuk menambah sedikit sahaja supaya boleh menjawab sekali gus ..

Timbalan Yang di-Pertua: [*Menyampuk*].

Datuk Hajah Dayang Mahani bin Tun Pg. Ahmad Raffae: Saya tertarik dengan perbahasan yang dibawa oleh Dato' dan juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Bahawasanya perbezaan di antara kaum ini bukanlah menjadi alasan, tetapi kita kena lihat ke belakang sedikit tentang tamadun. Tamadun kita maknanya orang Tionghoa ini kan kita dulu *divide and rule by* kita punya penjajah. Orang Melayu di tepi laut menjadi nelayan, orang Tionghoa di bandar jadi peniaga dan ini menjadi asas yang mana dengan adanya pula tamadun perniagaan daripada orang-orang Tionghoa, jadi mereka sudah bentuk dalam keadaan tertekan, dia membantu di antara satu dengan lain, jadi itu menjadi kekuatan mereka, itu satu.

Kedua kita sekarang sedar, kita perlu berada di kawasan bandar-bandar, kita perlu berada di kedudukan strategik seperti mana yang Dato' sebutkan tadi, malangnya mungkin orang-orang yang terlibat dalam pengurusan sama ada dalam MARA, dalam badan-badan atau agensi kerajaan yang telah diberi amanah untuk membantu bumiputera ini, mereka juga kadangkalanya dalam niat yang baik dengan *financial constraint* melihat daripada jumlah, kalau saya beli kedai yang strategik di bandar raya itu kosnya RM1.2 juta, kalau saya ambil di pinggiran cuma RM200 ribu. Maka saya boleh beli lima atau enam dan bantu bumiputera daripada beli satu yang di bandar raya.

Tetapi kita jangan lupa, dalam berniaga, dalam kita menguruskan ataupun membuat *investment* ada tiga prasyarat dengan izin, *location, location, location* itu prasyaratnya. Kedudukan tempat kita berniaga itu penting, kalau kita tidak mempunyai bilangan terdedah dengan orang yang mundar-mandir, dengan jumlah penduduk yang padat, maka peluang untuk kita mendapat pulangan memang juga akan berkurang selain daripada bilangan kepakaran dari sudut pemasaran, pengutipan *transportation* dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat saya menjawab pandangan Yang Berhormat Puan Siw Chun dulu, iaitu tentang apa yang dibandingkan di antara negara kita dengan Thailand. Kalau di negara Thailand, jika kita tengok betul-betul berapa peratus orang-orang Islam yang maju di negara Thailand dibandingkan dengan orang-orang yang bukan Islam, sama juga yang berlaku di dalam negara kita, betul Kerajaan Thailand ada satu badan, Kerajaan Malaysia juga ada satu badan, ada badan-badan lain MARA, FAMA, PNB dan sebagainya. Cuma badan-badan ini tidak begitu berfungsi, tidak begitu mengambil berat tentang isu-isu ini. Saya setuju dengan apa yang

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti-nanti Yang Berhormat. Saya biarkan Dato' Omar menjelaskan kedua-dua pandangan sebelum daripada ini.

Dato' Omar bin Faudzar: Sebab itu masalah isu bumiputera bukan bumiputera memang ada, memang timbul. Saya ambil contoh, satu contoh yang berlaku, jadi Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang kontraktor yang saya sebutkan tadi, saya hendak beli barang, saya hendak beli simen, saya hendak beli besi dan

sebagainya, saya terpaksa pergi kepada bukan bumiputera dan seorang bukan bumiputera pergi beli barang kepada seorang bukan bumiputera.

Harga yang saya beli berlainan daripada harga yang dia beli. Akhirnya sekiranya saya masuk tender sudah tentu saya gagal, sudah tentu saya gagal. Sebab harga yang saya beli lebih tinggi daripada yang bukan bumiputera.

Jadi inilah yang sepatutnya dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan supaya memastikan bahawa kalau kita hendak masuk biar ada satu persamaan di antara kedua-duanya ini. Dan saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani tadi iaitu tentang lokasi. Sebenarnya kalau saya, saya melihat kepada 4P iaitu *product*, *place*, *price* dan *promotion* dalam kita hendak menjalankan perniagaan.

Timbalan Yang di-Pertua: 4P.

Dato' Omar bin Faudzar: 4P. Bukan sahaja *place* tetapi 4P. Jadi mungkin sekarang ini sebagai mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu peruntukan yang diberi kepada agensi-agensi kerajaan ini mungkin tidak mencukupi. Kalau dia hendak beli di satu kawasan mungkin kawasan itu lebih mahal tetapi kalau dia beli di stu kawasan lagi mungkin dia dapat lima kedai dan di sini dia cuma dapat satu kedai sebab lokasi yang berlainan. Tetapi adalah.....

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Minta maaf. Saya hendak menjelaskan apa yang saya maksudkan dengan *location*, *location*, *location*. Saya tidak bermaksud kepada orang hendak berniaga. Kalau orang hendak berniaga dia hendak tengok kepada 4P tadi maknanya *price*, *product* dan sebagainya. Tetapi kepada badan-badan agensi kerajaan yang mahu membantu kepada bumiputera untuk *investment* kepada kedudukan kedai itu, *location is the most important* sebelum peniaga berniaga.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi pada saya lebih baik saya pergi kepada kualiti daripada kuantiti. Saya boleh dapat 10 orang yang berniaga dan saya boleh dapat dua orang yang berniaga, tetapi saya dapat dua orang yang betul-betul berkualiti daripada saya dapat 10 orang yang hampir-hampir mufliis. Jadi itu yang patut dimainkan oleh agensi ini, bukan kita sekadar hendak menunjukkan atas kertas bahawa MARA telah membeli 10 buah rumah kedai tetapi akhirnya 10 buah rumah kedai ini menjadi gajah putih.

Perkara yang ketiga yang saya ingin tegur di sini sedikit ialah masih lagi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu tentang teksi-teksi di kawasan bandar semasa *peak hours*. Apabila masa *peak hours* teksi-teksi ini kurang hendak membawa penumpang-penumpang. Mereka nanti duduk di satu *corner*, dia tidak hendak bawa sebab masa itu adalah masa *traffic* yang terlalu *heavy*. Kebanyakan teksi ini pula tidak menggunakan meter yang telah kita menguatkuasakan. Kalau daripada Pudu kita hendak pergi ke Bangsar kalau kita menggunakan meter kita cuma bayar RM6 atau RM8. Tetapi disebabkan dia tidak hendak menggunakan meter dia caj kita RM25. Saya rasa setiausaha-setiausaha Parlimen pun ramai yang terkena dengan isu-isu ini sebab tidak dapat dielakkan kerana hendak menggunakan juga teksi ini untuk pergi ke satu kawasan maka dia terpaksa naik.

Kalau isu-isu ini masih lagi timbul, saya harap kementerian dapat mengambil satu tindakan supaya kita pastikan, kita bagi lesen kepadanya kita hendak dia berniaga. Kita tidak hendak sama ada masa itu ditentukan oleh dia sendiri. Semasa *peak hours* dia tidak hendak berjalan, dan apabila dia hendak berjalan jauh dia tidak hendak gunakan meter. Ambil satu tindakan supaya perkara ini tidak lagi berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Hampir setiap sesi Dewan kita tengok kita ada soalan-soalan mengenai projek-projek terbengkalai. Bagaimana kita hendak selesaikan masalah-masalah projek terbengkalai dan sehingga ke hari ini masih belum ada satu formula yang betul-betul dapat kita selesaikan masalah projek-projek terbengkalai.

Tetapi yang saya kurang pasti, yang saya hairan kenapa kerajaan tidak mengkaji betul-betul apakah *the roots of the problem* yang menyebabkan projek-projek ini terbengkalai. Adakah kita tengok kepada pemaju itu semula sama ada betul pemaju ini lari begitu sahaja ataupun disebabkan pemaju-pemaju itu sendiri tidak dapat lagi menggerakkan projek itu. Bagaimana kita hendak membantu pemaju-pemaju ini. Saya ambil contoh kalau katakan saya perlu buat satu blok rumah. Satu blok rumah katakan saya ada 250 unit. Kalau hendak menyiapkan 250 unit saya terpaksa jual untuk dapatkan *break even* katakanlah 150 unit rumah.

Tetapi kalau saya tidak dapat jual 150 unit rumah, saya cuma dapat jual 100 unit rumah, saya telah menandatangani perjanjian dengan pembeli-pembeli. Mahu tidak mahu dalam masa tempoh tiga tahun saya terpaksa siapkan rumah ini. Tetapi

disebabkan oleh rumah pangsa, rumah *flat* 100 unit saya terpaksa membina 250 unit. Dari segi *cash inflow*, dengan izin adalah terlalu jauh berbeza dengan saya punya *cash outflow*. Apabila masalah-masalah ini timbul maka akan adalah projek-projek terbengkalai.

Jadi bagaimanakah kerajaan hendak menyelesaikan masalah ini, sebab kalau kita tidak dapat cari satu *the roots of the problem* ia akan timbul lagi projek-projek terbengkalai pada masa akan datang. Inilah masalah-masalah yang dihadapi. Memang ada pemaju-pemaju perumahan yang ambil duit kemudian lari begitu sahaja pun ada. Tetapi ada juga masalah-masalah lain yang harus kita tengok. Sebab kita menekankannya dia supaya membina 250 unit, sebab dia tidak boleh elak daripada membina daripada 250 unit sebab rumah pangsa. Walaupun dia jual 100 unit atau 50 unit dia kena buat kesemua sekali. Lain kalau saya buat banglo-banglo. Saya buat 10 saya bina 10. Tetapi kalau rumah pangsa, saya jual 50 saya kena bina 200. Ini masalah-masalahnya.

Mungkin kementerian dapat mengkaji semula kalau penjualan itu tidak sampai ke tahap *break even point*, dengan izin projek ini kita minta supaya pemaju tidak meneruskan projek-projek itu supaya hendak mengelakkan projek-projek itu jadi terbengkalai. Untuk projek-projek yang telah terbengkalai sehingga ke hari ini masih banyak lagi projek yang terbengkalai, kita ada tabung-tabung, kita ada Tabung Pemulihan Usahawan, kita ada Tabung Projek Terbengkalai dan banyak lagi tabung dan dana-dana yang kita bagi.

Saya kurang pasti, sepatutnya dana ini kita gunakan sebagai *revolving fund*. Kita gunakan sebagai *revolving fund*, kita hidupkan balik projek terbengkalai satu demi satu atau dua atau tiga daripada dana yang kita ada. Tetapi kalau dana itu tidak digunakan untuk projek terbengkalai, kita gunakan untuk projek-projek baru maka selama-lamanya projek-projek ini tidak akan dipulihkan.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Omar apakah tidak mungkin antara cara menyelesaikan masalah ini ialah kerajaan membuat undang-undang supaya bank meluluskan pinjaman kepada orang yang lebih lanjut umur kerana pada ketika ini kalau kita sudah umur 60 tahun bank tidak hendak bagi *loan* lagi untuk beli rumah.

Yang kedua, apakah tidak mungkin kalau masa bayar balik itu dipanjangkan daripada 15 tahun sampai 30 tahun. Asalkan jangan rumah itu tidak tahan sampai 30 tahun sebab rumah ini bukan boleh dibawa berjalan dari satu kampung ke satu kampung. Dia di sana sahaja. Tidak ada masalah kalau dipanjangkan daripada 15 tahun sampai 30 tahun dengan barangkali dikurangkan pembayaran atau dikaji semula pembayaran *interestnya* supaya lebih banyak orang mampu meminjam dan membeli rumah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini mungkin timbul kebimbangan bukan sahaja rumah itu tidak tahan 30 tahun, kita bimbang pembeli itu tidak tahan 30 tahun.

Datuk Haji Karim Ghani: Tetapi dia mungkin ada anak dan kalau dia meninggal umpamanya harga rumah itu pada ketika itu sudah meningkat. Jadi bank tidak akan rugi untuk memberikan pinjaman untuk masa yang lebih lama.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, apa pandangan Dato' Omar?

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kalau dia meninggal dia ada *insurance coverage*. So, itu tidak ada masalah. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat tadi iaitu mengenai pinjaman. Memang betul saya amat setuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi, sebab hari ini kalau kita tengok betul-betul kalau gaji kita RM1,000 sebulan atau RM1,200 sebulan, kalau saya hendak beli satu rumah harganya katakan RM70,000, 10% saya sudah kena bayar RM7,000. Campur dengan duit *lawyer*, duit itu duit ini sudah sampai dekat RM10,000. Berapa orang yang mampu hendak bayar duit itu?

Jadi pertama, kita cadangkan supaya kerajaan bantu, biar dia dapat pinjaman 100%. Tetapi biarlah yang hendak beli ini betul-betul *owner occupied*, orang yang betul-betul hendak duduk di situ, bukannya seorang *inverter*. Jadi bila kita bagi pinjaman padanya 100% dia cuma keluarkan duit peguam, saya rasa mungkin ramai yang mampu dan ini juga akan merangsangkan ekonomi negara kita,

Yang kedua, apabila projek itu mula dibina maka bank akan keluarkan bayaran kepada pemaju mengikut *progress*. Selama tiga tahun sebelum projek itu siap mendapat OC, pembeli terpaksa membayar pinjaman ataupun *interest* bersama-sama dengan *principal* sekali kepada pihak bank.

Jadi saya rasa cadangan yang saya hendak kemukakan di sini ialah kita hendak memastikan bahawa bidang hartanah juga maju bersama-sama dalam sektor-

sektor lain. Jadi saya rasa eloklah kalau kita buat satu cadangan di mana apabila bank-bank ini mengeluarkan pinjaman yang dipinjam oleh pembeli kepada pemaju, bank ini tidak perlulah lagi kita paksa pembeli-pembeli itu membayar *interest* bersama-sama dengan *principal* sekali. Mungkin kita ada satu *period* ataupun dikatakan *monotorium* untuk satu jangka masa di mana pembeli-pembeli tidak perlu membayar apa-apa sehinggalah mungkin pada tahun ketiga barulah pembeli-pembeli itu mula membayar kepada bank. Sekiranya tidak.....

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Kamarudin.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Apa pendapat Yang Berhormat mengenai pinjaman kenderaan lebih mudah daripada pinjaman perumahan sedangkan kenderaan seperti kancil misal kata boleh dipinjam sehingga 10 tahun. Bayangkanlah kereta kancil 10 tahun apa akan jadi berbanding dengan rumah yang asetnya tetap tidak bergerak seperti kata Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani tadi. Jadi saya rasa perkara ini pada pendapat Yang Berhormat bagaimanakah cara yang terbaik bagi pihak kerajaan dalam hal ini campur tangan dalam urusan ini.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya kurang jelas. Yang Berhormat menyatakan tentang kenderaan ya.

Tuan Tan Bon You: Maksud saya pinjaman kenderaan lebih mudah daripada pinjaman perumahan.

Dato' Omar bin Faudzar: Kenderaan lebih mudah daripada pinjaman...

Timbalan Yang di-Pertua: Pinjaman perumahan, lebih mudah untuk mendapat pinjaman kenderaan sewa beli daripada mendapat pinjaman perumahan. Apakah pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Omar bin Faudzar: Sebab jangka masa pinjaman untuk kenderaan lebih pendek daripada jangka masa pinjaman untuk perumahan. Jadi sebab itu mungkin pinjaman kenderaan lebih mudah jika dibandingkan dengan pinjaman..

Tuan Tan Bon You: Yang Berhormat, saya belum jelas lagi. Sebenarnya saya hendak menyatakan ini, kalau melihat daripada kereta Kancil, misal kata, saya bagi contoh kereta Kancil. Pinjaman dia sepuluh tahun, dan di sini saya nampak ada diskriminasi di mana orang yang berumur ini tidak mendapat tempat untuk membuat pinjaman perumahan. Misal kata, kalau kita sekarang berumur lima puluh tahun, dia

hanya memberi kita pinjaman hanya sepuluh tahun sahaja sampai umur enam puluh tahun. Sedangkan membeli kereta kita beri sampai sepuluh tahun. Jadi maksudnya macam Yang Berhormat cakap tadi, di mana kita ada insurans. Jadi insurans ini pun ada sengelat juga. Dia akan beri kepada orang yang tertentu sahaja. Jadi kalau dia tengok ada risiko, dia tidak akan memberi insurans, sebab itu saya minta kalau boleh kerajaan campur tangan dalam hal ini.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya setuju dengan Yang Berhormat, kalau kita boleh memberi pinjaman kepada kereta Kancil untuk warga tua, sama juga dengan pinjaman perumahan. Saya rasa boleh kita panjangkan kalau dia itu sudah umur 50 katakan, dia masih boleh pinjam sehingga dua puluh tahun atau dua puluh lima tahun dengan syarat kita ada insurans *coverage* untuk setiap pembelian. Jadi..

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang membincangkan isu pinjaman perumahan ini. Kalau kita lihat harga rumah setiap tahun meningkat akibat daripada harga bahan-bahan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kementerian ataupun kerajaan mengkaji semula had maksimum pinjaman di kalangan kakitangan awam kerana harga rumah ini, kalau berdasarkan gaji yang ada sekarang ini sebahagian daripada kakitangan awam tidak dapat memiliki rumah yang disediakan oleh kerajaan atau oleh pihak swasta. Sekian.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat yang ini sudah tentu kerajaan mesti mengkaji semula sebab kalau tidak macam di Pulau Pinang saya katakan, kalau sekaki tanah berharga lebih kurang RM50, RM60 maka tidak mungkin kita dapat membina rumah-rumah dengan harga RM70,000 atau RM80,000. Mungkin kita terpaksa membina rumah di antara RM120,000 ke atas. Apabila RM120,000 ke atas sudah tentu pihak-pihak kakitangan kerajaan tidak dapat membelinya kecuali kerajaan menilai semula syarat-syarat pinjaman dan jumlah-jumlah pinjaman yang perlu diberi kepada kakitangan kerajaan mengikut keadaan semasa. Saya rasa sekarang adalah masa yang sesuai untuk kerajaan mengkaji semula pinjaman-pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan supaya dinaikkan. Sebab peruntukan-peruntukan pinjaman kepada pegawai-pegawai kerajaan adalah pinjaman-pinjaman yang telah kita luluskan begitu lama. Dengan keadaan ekonomi sekarang saya rasa pinjaman itu sudah tidak boleh diguna pakai lagi. Harus dikaji semula.

Baik Yang Berhormat, saya juga ingin menyentuh sedikit isu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Jadi sekarang ini kita tengok banyak pertubuhan sukarelawan dan sebagainya. Kalau dahulu semasa kita hendak menuntut kemerdekaan, semua orang berjuang, berjuang tidak kira wang, secara percuma, secara sukarela, bersungguh-sungguh hendak memastikan bahawa kita berjaya dalam mencapai impian kita sebagai rakyat Malaysia. Tetapi hari ini mungkin ada yang masih rela bekerja sebagai sukarela, tetapi tidak begitu banyak. Kita ada RELA. RELA ini sekarang dia bekerja bukanlah seperti dahulu. Sekarang ini dia terpaksa masuk kawasan-kawasan di mana pekerja-pekerja Indonesia yang secara haram masuk ke dalam kawasan-kawasan kampung. Dia menggadaikan nyawa dia sendiri untuk memastikan bahawa mereka semua dapat ditangkap dan dihantar balik. Tetapi apakah insurans, apakah *coverage* dan apakah imbuhan yang kita beri kepada ahli-ahli RELA ini? Saya rasa elok kalau RM300 sebulan kita beri kepada ahli-ahli RELA dengan uniform dan ada sedikit insurans *coverage* kepada mereka ini yang menggadaikan nyawa mereka di kawasan-kawasan yang agak merbahaya. Kalau kita pergi ke kawasan-kawasan di mana pekerja-pekerja Indonesia yang ada satu *group* di situ. Ada parang, ada sebagainya, tetapi dia rela pergi. Apabila dia rela pergi, kerajaan sepatutnya rela juga memberi imbuhan kepada *sacrifice* yang dibuat oleh ahli-ahli RELA. Jadi saya berharap Kementerian dapat mempertimbangkan perkara ini supaya RELA diberi sedikit imbuhan setiap bulan, dan mungkin juga diberi uniform-uniform kepada mereka.

Kalau uniform sekarang, saya rasa diminta taja, ada orang itu taja, orang ini taja untuk membuat uniform. Tidak ada satu uniform yang betul-betul dibuat oleh kerajaan. Kadang-kadang kita tidak begitu prihatin kepada orang yang hendak membantu negara kita. Jadi kita harus memberi benda-benda ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali sebelum saya berundur, saya ingin menyentuh sedikit isu Kementerian Pelajaran...

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Omar. Yang Berhormat saya ingin juga bertanya, oleh kerana Dato' Omar telah membawa berkenaan dengan Kementerian

Keselamatan Dalam Negeri. Berkenaan dengan 1 juta lebih pendatang haram yang telah membolosi pintu masuk kita ini. Apakah pendapat Yang Berhormat oleh kerana kita telah pun menaikkan imbuhan kepada pekerja-pekerja, penjawat awam dalam Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan juga kita telah memberi bot-bot peronda tambahan kepada pihak marin, tetapi masih lagi pintu masuk kita dibolosi lebih daripada sejuta pendatang-pendatang haram ini yang telah pun mengakibatkan keselamatan kita dalam negeri terancam oleh kerana pihak-pihak yang telah masuk secara haram.

Timbalan yang di-Pertua: Ya, Dato' Omar.

Dato' Omar bin Faudzar: Ini pasal pekerja-pekerja haram yang masuk dalam kawasan...saya sendiri pun tidak tahu bagaimana sekatan-sekatan yang dibuat di perairan-perairan tertentu, di kawasan-kawasan *border* dan sebagainya sehinggakan mereka ini masih boleh masuk ke kawasan-kawasan ke dalam negara kita ini. Jadi mungkin ada mainan di antara pegawai-pegawai dengan tekong-tekong yang membawa pendatang-pendatang haram dari Indonesia dan mungkin juga ada perkara-perkara lain yang saya sendiri kurang pasti kenapa perkara ini masih boleh berlaku. Tetapi seperti mana yang saya katakan perairan kita ini luas.

Ada kalanya dia bawa satu tongkang, dia naik, dia tidak pergi ke suatu kawasan yang dia tahu ada sekatan-sekatan. Dia akan lalu ke kawasan-kawasan yang tidak ada sekatan. Dia lalu ikut jalan-jalan yang dia sudah tahu. Ini kerja-kerja tekong, tekong-tekong yang terdiri daripada orang-orang Malaysia yang membawa, sebab dia ada upah. Tekong-tekong inilah yang sepatutnya kerajaan tengok balik apa kerja dia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Sharifah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Adakah kerana kelemahan penguatkuasaan ataupun kerana kurang peralatan untuk pasukan kita ini, dan apakah cadangan Yang Berhormat untuk kita bukan sahaja membanteras ataupun menghapuskan, tetapi mengurangkan kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin ini? Adakah kerana tekong yang kita tahu bermaharajalela ini dilindungi oleh sesiapa yang

dari penguatkuasaan kita itu atau sebagainya. Apa cadangan Yang Berhormat yang boleh kita buat untuk kita mengurangkan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', nampaknya pandangan Yang Berhormat tadi ada terkeluar sedikit daripada tajuk perbahasan awal Yang Berhormat, , iaitu berkenaan dengan risiko yang dihadapi oleh pasukan-pasukan sukarelawan tadi. Walau bagaimanapun, memandangkan Yang Berhormat sedang membahaskan peruntukan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, kini terpulang kepada Yang Berhormat sama ada ingin menjawab ataupun tidak.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih saya cuba jawab. Kita tahu sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kalau di Amerika sendiri, kita tengok orang-orang Mexico boleh masuk, orang-orang Cuba boleh masuk, yang mempunyai peralatan yang begitu canggih dan sebagainya, tetapi sebesar mana kita hendak mengadakan *enforcement* kalau perairan laut kita itu terlalu luas, mungkin ia akan melibatkan kos yang begitu tinggi.

Sebab itu di Amerika Syarikat sampai sekarang dia tidak boleh selesai masalah-masalah *immigrant*, masih ramai yang masuk. Dia buat pagar, tetapi mereka masuk bawah tanah. Jadi, kita kena dari semasa ke semasa *improve* perkara-perkara yang kita rasa boleh kita ubah.

Baik Yang Berhormat, saya teruskan kepada Kementerian Pelajaran. Beberapa bulan yang lalu, kita tengok dalam media, dalam TV mengenai kelewatan projek-projek bangunan-bangunan pendidikan, bangunan-bangunan sekolah dan ada satu sekolah itu yang saya sendiri tengok terletak di kawasan Langkawi dengan *slope* yang saya rasa sebagai *layman*, saya nampak bahawa itu adalah satu kawasan yang agak bahaya. Kalaulah Jabatan Tali Air, Jabatan Perparitan sendiri tidak bersetuju mengeluarkan OC disebabkan faktor-faktor ini, maka saya rasa ada bahayanya.

Saya hairan kenapa kerajaan membina di kawasan-kawasan begini? Adakah kerajaan tidak mengkaji sebelum membuat pengambilan-pengambilan tanah ini, mengkaji dahulu kawasan-kawasan ini sama ada kawasan-kawasan ini strategik digunakan sebagai tapak bangunan sekolah. Sepatutnya sebelum kerajaan membuat pengambilan, kerajaan sepatutnya mengkaji bersama-sama dengan jabatan-jabatan tertentu dan memastikan bahawa tapak ini adalah tapak yang paling sesuai untuk kita jadikan sebagai tapak sekolah.

Apabila kita ambil satu tapak dan kita lantik PMC untuk menjalankan projek-projek ini, PMC dia sekadar *monitoring* sahaja, dia bukan tengok struktur tanah dan sebagainya, dia tidak tetapi akhirnya apabila kita masukkan pelan dan sebagainya, maka kita terpaksa buat *retaining wall* dan sebagainya, ini akan menambahkan kos kepada kementerian.

Apabila menambah kos kepada kementerian, ada kalanya disebabkan kita lantik satu *Project Management Consultant*, maka *Project Management Consultant* ini dia tidak ada semasa kontrak diberikan kepada sesuatu kontraktor, dia tidak ada *build of quantity*. Bila dia tak ada *build of quantity*, maka bila ada satu-satu perkara yang tidak ada dalam pelan, tetapi perlu dibuat apabila *recommendation* datang daripada PMC, kerana kos ini adalah kos tambahan, mungkin kementerian-kementerian tidak bersetuju sebab mengikut pelan-pelan yang kos ini adalah kos yang kita beri kepada kontraktor, jadi dia terpaksa buat mengikut kos ini.

Apabila kontraktor terpaksa tanggung kos tambahan ini, maka ada kalanya berlakulah penipuan, ada kalanya berlaku kelewatan dan sebagainya. Saya berharap kita hendaklah mengkaji dahulu sebelum kita membuat pengambilan tanah-tanah ini, dan juga kita memastikan bahawa kuasa yang kita beri kepada PMC ini biarlah kuasa yang lebih supaya dia dapat tengok bagaimana struktur pembinaan dan sebagainya sehinggakan sekolah-sekolah ini bukan kata lewat dua bulan, lewat tiga bulan, tetapi lewat dua tahun, satu tahun dan masih lagi tidak dapat dikaji dan di bina semula.

Sehinggakan satu sekolah mempunyai keretakan di bawah, di tapak itu.

Saya bukan seorang *engineer*, tetapi kalau saya tengok dari segi keretakan itu, saya rasa mungkin ada kemendapan dalam tanah ataupun mungkin ada penipuan dalam penanaman cerucuk ataupun mungkin juga disebabkan oleh campuran dalam konkrit dengan

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang projek-projek sekolah terbengkalai ini mengikut Kementerian Kerja Raya, bahawa kuasa yang terlalu lebih telah diberikan kepada PMC, adakah projek-projek sekarang ini adalah kerana PMC sendiri ataupun kerana tidak ada *monitoring* daripada Kementerian Kerja Raya? Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kos yang diberi kepada kontraktor ini bukanlah daripada PMC. Kerajaan telah mempunyai satu bajet. Sekiranya kita hendak buat satu sekolah jumlahnya ialah RM40 juta, maka PMC terpaksa memastikan bahawa inilah kos yang perlu kita buat berdasarkan kepada jumlah yang telah diperuntukkan.

Kalau dikatakan PMC yang memberi kontrak itu jumlah yang begitu tinggi, kos yang lebih saya rasa saya tak tahu, saya pun sudah jumpa banyak PMC, tetapi semuanya berkata yang sama, bahawa mereka tidak pernah *award* kontrak itu berlebihan daripada apa yang telah diperuntukkan kepada satu-satu kementerian.

Okey, berbalik kepada

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Syed Ali.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh sahabat saya Dato' Omar mengenai dengan kepincangan yang berlaku terhadap sekolah-sekolah.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kita tahu bahawa banyak sekolah yang berlaku keretakan, tapak yang tidak sesuai dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di mana letak salahnya kejadian-kejadian sebegini berlaku, kepada PMC inikah? Kepada kontraktorkah? Kepada kerajaankah? Macam mana benda ini boleh berlaku kalau ketiga-tiga pihak duduk memantau sekolah-sekolah ini, saya rasa perkara ini tidak akan berlaku. Ada pihak-pihak yang sambil lewa, yang pada pandangan saya melepasi garis panduan yang telah ditetapkan dan sebab itulah perkara ini terjadi.

Jadi, kalau Yang Berhormat dapat memberikan pandangan siapakah yang patut dipersalahkan dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa semua pihak patut kita persalahkan. Kontraktor juga perlu dipersalahkan, tetapi bagi saya kontraktorlah yang paling patut dipersalahkan sebab kita mempertanggungjawabkan kerja ini seorang kontraktor, tetapi seperti mana kita katakan tadi kontraktor ini kadang-kadang dia hendak mengambil untung lebih. Bila dia hendak ambil untung lebih, dia *cut corners*, dengan izin Yang Berhormat.

Kena ada *monitoring system*, kita hendak monitor kontraktor-kontraktor ini. Kita ada PMC dan sepatutnya JKR juga patut ada di situ, sebab dalam satu-satu pembinaan yang kita katakan tiga atau empat tingkat atau lima tingkat, mungkin di setengah-setengah kawasan kita perlu tanam cerucuk. Tetapi adakah wakil-wakil daripada kerajaan yang betul-betul duduk di situ, yang tengok bahawa cerucuk yang ditanam itu telah sampai ke tahap yang telah dipersetujui oleh jurutera-jurutera yang telah meluluskan pelan-pelan.

Mungkin tidak ada. Bila tidak ada, mungkin ada penipuan di situ. Bila ada penipuan, apabila bangunan sudah siap, bila berat sudah turun, maka kita tengok akan ada satu *settlement* dalam tanah itu. Apabila ada penurunan dalam bangunan itu, maka akan berlaku keretakan-keretakan di atas bangunan.

Sebab itu saya kata *monitoring system* adalah penting dalam setiap projek-projek kerajaan. Mungkin kita perlu lebih ramai pegawai kerajaan dalam memantau setiap projek yang kita berikan kepada kontraktor-kontraktor. Kita tidak boleh menaruh harapan kepada kalau kita hendak serahkan kepada PMC pun boleh. Tetapi kemungkinan kalau kita serahkan kepada PMC dengan lebih banyak tugas yang diberikan kepada PMC, mungkin kita terpaksa menambahkan kos tertentu kepada PMC itu.

Tetapi dalam keadaan keretakan pada hari ini, saya merasakan bahawa kita tidak boleh menyalahkan *Project Management Consultant*. Ini adalah sistem yang tidak betul. Sistem di antara JKR dengan kontraktor dan cara pemberian kontrak dan cara pemantauan kontrak tidak dijalankan dengan cara yang betul. Kalau dijalankan dengan cara yang betul, saya yakin projek-projek ini akan terus dapat dibina dalam masa yang telah ditetapkan dan dapat dibina dengan tanpa apa-apa masalah.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan.

Dato' Omar bin Faudzar: sebab kalau dalam masa dua tahun....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Roslan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari segi pemberian kontrak-kontrak kepada PMC ini khusus di bawah pemberian kerja-kerja kontrak sekolah-sekolah. Dalam bulan Julai 1999, projek ini telah dijalankan kepada semua kontraktor dan dilantik PMC.

Sesuatu PMC itu telah menjalankan kerja kontrak mengawasi sejumlah 100 lebih projek. Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi sesebuah PMC yang begitu

kecil, kalau kita bandingkan dengan JKR yang begitu besar dan meluas, untuk melaksanakan kerja-kerja pengawasan ini di seluruh negara, seluruh Semenanjung sejumlah 130 buah sekolah - serentak.

Oleh yang demikian, mungkin cara pemberian ini tidak menepati. Mungkin pada ketika itu juga pihak JKR tidak mampu untuk melaksanakan oleh kerana pertumbuhan ekonomi semakin pesat ketika itu dengan *injection* oleh pihak kerajaan sebanyak RM2.5 bilion, untuk memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi pada tahun 1999 berjalan dengan lancar dan dibaik pulih ketika itu.

Dengan keadaan tergesa-gesa inilah maka pihak kerajaan menetapkan bahawa PMC yang hanya diketuai oleh beberapa orang konsultan sahaja menjalankan kursus sejumlah beratus-ratus projek dalam satu jangka masa yang pendek. Inilah yang menyebabkan satu fenomena yang dikatakan tadi dengan masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Omar. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Datuk.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya pandangan Dato' Omar berkenaan dengan bagaimana kita hendak *check*, dia sebut tadi penyelewengan dari segi pegawai tidak ada semasa kerja dibuat dan sebagainya.

Saya pernah dalam Dewan ini, kalau Tuan Yang di-Pertua ingat mencadangkan supaya industri binaan ini kita jenterakan, sebab jentera dia tidak reti menipu, menyeleweng dan sebagainya. Mungkin operator dia boleh menipu, tetapi sekurang-kurangnya kita mempunyai alat-alat yang merekodkan tiap-tiap kerja yang dilaksanakan dalam proses menjenterakan industri pembinaan. Apakah pandangan Dato' Omar berkenaan menjenterakan industri pembinaan?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Omar.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih. Kita hendak menjenterakan industri pembinaan, tetapi saya rasa walau bagaimana kita hendak menjenterakan industri pembinaan, kita masih memerlukan operator. Seperti yang telah saya katakan tadi, kita hendak menanam cerucuk, kita sudah menjenterakan industri tanam cerucuk, tetapi kita masih memerlukan operator.

Operator ini adalah operator yang dibayar oleh kontraktor-kontraktor. Kita tidak boleh lari daripada operator. Tidak tahulah kalau kita ada teknik-teknik yang lebih moden. Saya rasa di Amerika Syarikat pun industri pembinaan ini masih lagi

menggunakan operator-operator. Sama juga kalau kita hendak menggunakan simen *mixture*, kita perlu menggunakan operator-operator. Tidak dengan mesin sahaja dia campur begitu *and then* semuanya jadi, tidak, masih kita memerlukan operator.

Berbalik kepada Yang Berhormat Datuk Haji Roslan tadi, iaitu mengenai PMC yang agak kurang jika dibandingkan dengan projek yang begitu banyak. Syarikat kita sendiri kadang-kadang kita tengok, mungkin yang sudah maju, kita ada banyak projek, satu Malaysia ada projek, setengah oranglah bukan saya. Projek dekat Penang dia ada, dekat Johor ada, dekat Selangor ada, dekat Singapore ada, tetapi atas satu kompeni atas satu syarikat dan dia masih lagi boleh monitor dari segi binaan, dari segi penjualan dari segi akaun dan sebagainya.

Isu yang mengatakan bahawa PMC ini tidak cukup, saya rasa PMC ini kalau kita bagi dua kontrak, tiga kontrak kalau kita syaratkan kepada dia bahawa dia perlu ada seorang *engineer at the site* semasa pembinaan, kita letakkan syarat-syarat ini di setiap tapak-tapak pembinaan, kita syaratkan supaya dia ada seorang *engineer* yang *berqualified*, bertauliah ada di kawasan-kawasan tertentu, maka masalah ini dapat diselesaikan walaupun seorang yang dapat mungkin tiga atau empat projek.

Saya harap bila kita bagi kontrak kepada sesiapa sahaja, kita lantik PMC mungkin JKR juga boleh terlibat dalam memantau projek-projek berkenaan, sebab kalau kita tengok dalam masa tempoh dua tahun kita bagi dekat dia, kita sudah tahu *progress* dia, kita sudah tahu sama ada dia boleh habis dalam masa yang tertentu atau tidak. Tetapi kita biarkan benda itu berlarutan sehingga projek itu *delay*....

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ismail Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Omar. Saya ingin bertanya pandangan Dato' berhubung dengan jurutera-jurutera bertauliah seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi untuk mengawasi projek. Dari segi "*working culture*" (budaya kerja) yang dipamerkan oleh kebanyakan jurutera tempatan, terutama sebagai pengawas ataupun pemantau kepada projek-projek yang dilaksanakan, saya lihat, kalau tadi Yang Berhormat Dato' lebih menyalahkan sikap kontraktor ataupun secara keseluruhannya Yang Berhormat

Dato' menyatakan bahawa semua pihak terlibat, tetapi kesalahan besar ialah terletak kepada kontraktor.

Saya ingin bertanya pandangan Dato', saya melihat cara bekerja kebanyakan jurutera sedangkan mereka yang baru keluar daripada universiti, yang baru dapat lesen untuk melihat dan mengendalikan projek, masa yang dihabiskan bukan mereka memantau dan memerhati perjalanan projek, tetapi mereka banyak menghabiskan masa di dalam pejabat yang berhawa dingin. Adakah ini merupakan di antara sebab utama masalah yang berlaku seperti keretakan bangunan, kemelut yang berlaku antara PMC dan JKR sekarang ini yang merupakan isu di antara isu utama negara. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa *engineers* kita ini bukan semuanya duduk di dalam *aircond*, ramai juga yang duduk di luar, duduk di tengah-tengah panas. Mungkin Yang Berhormat kurang nampak *engineer-engineer* kita yang duduk di tengah panas. Dari segi pemantauan kita katakan, kalau dulu sebelum PMC, kalau kita katakan kita bagi kepada JKR sebagai badan yang memantau sesuatu projek, JKR akan menempatkan seorang *site supervisor* yang diletakkan di tapak untuk memantau projek, tetapi tidak berlaku sekarang, sebab kita tidak ada syarat-syarat itu apabila kita beri kepada PMC. Bila kita tidak bagi maka berlaku perkara-perkara yang begini.

Kadang-kadang, bukanlah saya kata saya menyalahkan kontraktor, *the main contractor*. Ada kalanya kontraktor itu bukanlah dia buat kesemuanya, mungkin tanam cerucuk dia *subkan* kepada kontraktor yang tanam cerucuk, untuk membuat *piling* dia mungkin bagi kepada kontraktor yang buat *piling*. So yang berlaku penipuan adalah di kalangan mereka ini, bukanlah *the main contractor as a whole*. Jadi itu sahaja Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, dan saya minta Yang Berhormat Tuan Hassan untuk bersedia selepas ini.

12.43 tgh.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan

kepada saya dan peluang untuk turut serta di dalam membahaskan cadangan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini, khususnya di dalam Dewan yang mulia ini, yang mana saya percaya pada tahun-tahun yang lepas pihak kerajaan telah merancang dengan begitu rapi dan menyusun dengan kemas serta mengambil kira segala aspek yang difikirkan perlu dan munasabah, khususnya dalam membentangkan Belanjawan 2005 dengan niat yang murni, tidak lain dan tidak bukan untuk kesejahteraan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, tanpa mengira bangsa, tanpa mengira fahaman-fahaman politik.

Saya yakin dan percaya bahawa niat yang ikhlas pihak kerajaan ini, khususnya Barisan Nasional, akan terus dihargai oleh semua lapisan masyarakat yang telah memberi mandat yang begitu besar kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya dalam pilihan raya baru-baru ini. Sesungguhnya mandat ini akan kita terjemahkan oleh pihak kerajaan untuk menunaikan manifesto-manifesto yang telah dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah memimpin ekonomi Malaysia sehingga mencapai pertumbuhan 7.6 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2004, walaupun keadaan ekonomi dunia yang sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, bahawa dengan harga minyak dan harga ekonomi dunia yang tidak menentu dan keadaan peperangan di Asia Barat.

Di Malaysia indikator-indikator ekonomi sekarang ini telah menunjukkan ke arah yang meningkat dan syukur alhamdulillah, saya percaya ianya akan meningkat terus maju lagi dan indikator-indikator yang telah digariskan seperti indeks pengeluaran perindustrian yang berkembang sehingga 12 peratus, nilai eksport pada kadar yang meningkat dengan kadar 21 peratus, nilai import juga bertambah. Ianya memberi satuimbangan perdagangan luar negara yang terus mencatat kelebihan selama 84 bulan berturut-turut sejak 1997.

Harga getah telah naik sehingga 81 sen sekilogram, minyak kelapa sawit telah naik mengikut pasaran dunia sejumlah RM111 setan dalam tempoh tahun 2004 jika dibandingkan pada tahun 2003. Minyak mentah juga naik mendadak dan ianya boleh memberi satu kesan yang begitu baik, ada kesan yang baik, ada kesan yang buruk pada pertumbuhan ekonomi dunia mahupun di Malaysia, apatah lagi dengan pertambahan bilangan sejumlah lima juta orang telah datang ke Malaysia ini sebagai

pelancong dan menambahkan lagi pendapatan pertukaran wang asing di dalam jangka masa yang pendek ini dalam tahun 2004.

Apa yang lebih menggembirakan, kita sering lihat pada tiap-tiap bulan akhbar menyiarkan bahawa rizab antarabangsa kita telah meningkat dengan begitu tinggi. Dari catatan yang telah diberi, daripada RM170 bilion pada tahun 2003, rizab negara telah meningkat kepada RM239 bilion pada November 2004 dan pada tiap-tiap bulan kita melihat rizab ini akan terus meningkat. Indeks komposit di Bursa Saham juga meningkat sejak pembentangan Bajet pada 10 September baru-baru ini. Berdasarkan kepada indikator-indikator ini, adalah diyakini bahawa pertumbuhan ekonomi di negara kita ini yang diramalkan antara enam ke tujuh peratus dan yang diramalkan tujuh peratus pada 2004, ini akan terus kekal dalam bajet yang telah digubal dan dibentangkan baru-baru ini.

Ini merupakan satu usaha yang boleh kita banggakan, kalau kita bandingkan dengan negara-negara sekeliling kita, apatah lagi dengan pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia yang jauh lebih rendah daripada ramalan yang telah kita jangkakan kepada negara kita. Di dalam menggubalkan bajet ini, pihak kerajaan telah mengambil empat strategi yang telah dibentangkan. Sebagaimana yang dikatakan bahawa strategi ini adalah strategi yang pertama, iaitu meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan, kecekapan sistem penyampaian dan daya saing, yang telah digariskan secara terperinci satu persatu tentang apakah yang sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan seperti mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur dari 5.3 peratus kepada 3.8 peratus pada tahun hadapan.

Apa yang lebih dikhuatiri, sekarang ini di dalam pengurangan defisit fiskal ini ia juga membawa kesan yang agak buruk kepada keadaan ekonomi di negara kita sedikit sebanyak. Dari satu segi pihak kerajaan dapat mengurangkan defisit ini, manakala di dalam satu segi yang lain juga pihak peniaga tidak ada kewangan untuk dibuat *trading-trading* sebagaimana yang sedang dirasakan oleh *market* yang ada sekarang. Pihak kerajaan juga akan memperkenalkan GST pada tahun 2007 dan ini juga akan membawa satu pulangan yang baik kepada kerajaan dalam masa-masa yang akan datang.

Dengan pungutan cukai yang lebih tersusun dan kita mengharapkan bahawa cara-cara pungutan cukai ini supaya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidaklah tergesa-gesa untuk merompak atau menggeledah premis-premis, *office-office*

khususnya di kalangan peniaga-peniaga supaya memberi peluang dan ruang dan masa untuk mereka ini bersedia untuk menghadapinya. Ada kalanya pegawai-pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tanpa segan silu, dengan keadaan yang begitu kasar telah menggeledah pejabat-pejabat hatta pergi ke rumah-rumah peniaga-peniaga yang begitu setia di dalam membayar cukai mereka ini kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih membanggakan lagi ialah pihak kerajaan juga menyusun dengan lebih kemas lagi jentera-jentera pentadbiran supaya sebagaimana yang dikatakan di dalam *disclosure-based regulation*, dengan izin, dengan *e-Treasury* dan dengan pengangkutan awam yang bertambah peruntukannya, maka saya percaya ianya akan lebih mengemaskinikan lagi pentadbiran kerajaan pada masa-masa yang akan datang.

Apa yang menarik perhatian saya ialah peruntukan sejumlah RM500 juta yang telah diperuntukkan di bawah penyelenggaraan kerja-kerja jalan dan kerja-kerja bangunan kerajaan. Jumlah ini tidaklah begitu besar kalau kita bandingkan dengan jumlah kontraktor yang ada dalam negara kita ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, jumlah kontraktor kita di seluruh Malaysia sekarang yang berdaftar dengan CIDB ialah sejumlah 66,776 orang iaitu pada 30 Oktober 2004. Kalau kita bandingkan, jumlah ini agak besar berbanding dengan jumlah penduduk yang ada di dalam negara kita ini yang berjumlah lebih 25 juta – 25.4 juta.

Maka satu nisbah yang begitu besar malah boleh saya katakan bahawa nisbah ini merupakan nisbah yang tertinggi sekali dalam dunia di antara nisbah seorang kontraktor kepada penduduk-penduduk di Malaysia, yang mana tiap-tiap satu kontraktor akan mewakili sejumlah 355 penduduk di Malaysia ini. Ini merupakan satu angka yang agak mustahil bagi kontraktor untuk mendapat kerja-kerja seterusnya pada masa-masa yang akan datang.

Saya ingin memberi gambaran di sini bahawa daripada 66,776 kontraktor yang berdaftar ini, sejumlah 39,076 kontraktor adalah di bawah kontraktor Kelas 'F'. Angka ini adalah bersamaan dengan 59 peratus daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di seluruh negara. Inilah yang menjadi kerunsingan kepada kerajaan di dalam mengagih-agihkan kerja RM500 juta ini, yang mana sudah tentu tidak mencukupi untuk diagihkan kepada semua kontraktor. Kalau kita lihat dari segi pertumbuhan kontraktor-kontraktor ini dari tahun-tahun sebelumnya, izinkan saya memberi data-

data, seperti pada tahun 2002 jumlah kontraktor yang ada secara terkumpulnya ialah 51,251 orang, pada tahun 2003 kenaikan sejumlah 21 peratus meningkat kepada 61,890 orang dan sebagaimana yang saya katakan tadi, pada Oktober 2004 berjumlah 66,776 orang, bermakna kenaikan sebanyak lapan peratus lagi dan pada tahun 2005 diramalkan jumlah kontraktor ini akan meningkat sejumlah 10,926 lagi menjadikan jumlahnya kepada 77,702 orang.

Agak mustahil bagi pihak kontraktor mendapat kerja dengan jumlah yang begitu banyak, apatah lagi dengan tindakan pihak kerajaan yang membawa perbelanjaan yang seimbang dengan mengurangkan defisit-defisit, sudah tentu perbelanjaan pembangunan tidak akan menyeluruh, tidak akan sebesar mana untuk mengagih-agihkan kerja-kerja ini kepada pihak kontraktor, dan dengan itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan khususnya kepada Kementerian Kerja Raya dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya memperketatkan lagi lesen-lesen ini, supaya tidak begitu ramai kontraktor ini boleh ditubuhkan, boleh diberikan lesen dengan begitu banyak.

Apa yang lebih menakutkan lagi ialah apabila ia tidak dikawal, ini sudah tentu tidak dapat kita melihat bahawa kontraktor ini akan mendapat kontraktor-kontraktor yang lain dan timbullah masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar tadi sebagaimana projek-projek akan terbengkalai, projek-projek akan menjadi bermasalah dan sebagainya.

Kita juga mengharapkan bahawa di dalam pengagihan-pengagihan ini kepada kontraktor, tidaklah kerajaan memberi kontrak-kontrak yang begitu besar pada satu-satu kontraktor sahaja khususnya di dalam keadaan sekarang ini, di mana pihak kontraktor mengalami masalah-masalah yang agak rumit, dan boleh saya jangkakan bahawa ia akan membawa satu kemerosotan, kemuncupan di dalam perkembangan industri pembinaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam strategi yang kedua iaitu mempercepatkan penilaian ke arah ekonomi berasaskan nilai ditambah yang tinggi di dalam sektor pertanian, perkhidmatan dan pembuatan. Saya tidak mahu sentuh banyak di dalam ini, saya hanya ingin menyentuh di dalam aspek pertanian. Di dalam aspek pertanian yang telah dibawa oleh pihak kerajaan, iaitu menambah pendapatan kepada petani-petani dan juga mengurangkan import barangan terutama sekali makanan. Dalam

barang makanan ini begitu banyak yang kita tumpukan perhatian kita kepada import-import seperti susu dan juga kepada daging-daging.

Sekarang ini saya percaya pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun mencukupi dalam membekalkan ayam, tetapi di dalam hal-hal daging seperti daging lembu dan daging kambing, masih lagi kita mengharapkan import-import dari India, New Zealand, Australia dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita lihat bahawa peruntukan yang begitu besar juga diberi untuk Research and Development (R&D) dengan izin, supaya barang-barang yang dibuat *research* ini dapat digunakan kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih kita lihat di sini ialah keputusan ataupun *result* daripada *research* ini, penyelidikan ini tidaklah dapat digunakan dengan sepenuhnya kepada petani-petani. Banyak *research* ini dibuat dengan cara-cara yang begitu tinggi dan sofistikated sehingga kadangkala hendak diterjemahkan kepada peringkat bawah agak sukar dan situasinya yang tidak sama dengan keadaan semasa menjalankan *research* ini. Oleh yang demikian, ada dua benda yang perlu dilihat di sini iaitu penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh, contohnya seperti MARDI perlulah lebih berhemah dan lebih mesra kepada pengguna-pengguna dan menyebarkannya dengan lebih terperinci kepada peringkat bawah supaya apa yang dibuat penyelidikan ini dapat digunakan dan ia boleh dikomersialkan, boleh dipasarkan dengan begitu cepat dan munasabah. Saya percaya ia telah dilakukan, hanya mungkin cara penyampaian ini tidaklah begitu jelas dan begitu teratur khususnya kepada petani-petani di peringkat bawahan.

Di dalam hal itu juga, saya percaya bahawa pihak kerajaan juga sedang melaksanakan hal-hal pelancongan. Sebagaimana yang saya katakan tadi, jumlah pendatang ke negara kita ini begitu bertambah daripada 8.1 juta kepada 13.8 juta. Ini telah membawa satu pulangan yang baik kepada kerajaan di dalam pertukaran wang asing, iaitu sejumlah RM30 bilion dan ini juga kita mengharapkan khususnya infrastruktur pelancongan ini telah begitu baik yang diadakan di ibu kota kita ini khususnya Kuala Lumpur.

Apa yang lebih tidak keseimbangan ialah perbelanjaan pembangunan terhadap infrastruktur-infrastruktur di kalangan negeri-negeri yang lain. Saya percaya negeri lain begitu dahagakan pembangunan infrastruktur pelancongan ini bukan sahaja di negeri Sabah, Sarawak bahkan di negeri Terengganu juga masih memerlukan infrastruktur

ini dan saya percaya pihak kerajaan akan berwaspada dan prihatin di dalam mengagihkan perbelanjaan-perbelanjaan ini. Jumlah yang saya lihat, yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan tidaklah begitu besar di dalam perbelanjaan infrastruktur pelancongan. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya perbelanjaan ini dapat ditambah supaya pengagihan kepada negeri-negeri lain juga boleh dirasai di dalam kita melibatkan diri kita di dalam industri pelancongan.

Pihak kerajaan juga telah mencadangkan beberapa perkara seperti pihak-pihak profesional yang telah ditubuhkan sekarang ini, suatu badan profesional yang akan mengeksport perkhidmatan mereka dengan modal yang berbayar sejumlah RM50 juta, iaitu profesional *body* yang diketuai nanti oleh pihak CIDB yang saya tahu untuk memberi peluang kepada profesional-profesional bumiputera mengeksportkan khidmat mereka ke luar negara khususnya di dalam hal-hal kejuruteraan dan *architecture*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penumpuan ini, kita merasakan bahawa pihak PMC yang telah banyak diperkatakan tadi, diperdebatkan tadi bahawa boleh kita gunakan pengalaman dan tenaga mereka di dalam jurusan ini untuk mereka pula pergi ke luar negara untuk mencari khidmat-khidmat di luar negara di dalam hal-hal profesional tadi. Pihak kerajaan juga menggalakkan kontraktor pergi ke luar untuk mencari pasaran-pasaran baru.

Saya ingin membawa satu contoh; sesebuah syarikat yang pergi ke luar negara untuk mencari kerja, untuk menyertai satu tender sahaja, katakan tender itu berjumlah USD100 milion. Untuk menyertai ini sahaja, kita memerlukan tidak kurang daripada RM1 hingga RM3 juta, belum tentu dapat lagi kerjanya. Di dalam keadaan seperti ini agak sukar syarikat-syarikat kita untuk pergi ke luar negara, untuk mendapatkan pasaran baru. Jumlah kontraktor tidaklah ramai yang mampu untuk mencari kerja-kerja ini dan biasanya kejayaan pencapaian hanya 5% ke 10% sahaja.

Dalam erti kata lain, apa yang boleh pihak kerajaan buat, yang ingin saya cadangkan ialah syarikat-syarikat GLC perlulah mengambil kontraktor-kontraktor ini bersama mereka ke luar negara sebagai menampung sebahagian daripada kos-kos ini dan sebagai juga memastikan bahawa kerja-kerja yang akan didapati oleh syarikat-syarikat gergasi seperti Petronas, Telekom, TNB yang keluar ke negara lain membawa sama syarikat-syarikat daripada Malaysia ini supaya mereka ini juga dapat menyertai sama dalam tender dan kerja-kerja yang telah didapati. Sebagai contoh di Sudan, begitu banyak kerja yang telah didapati oleh Petronas. Berapakah jumlah

syarikat-syarikat daripada Malaysia yang dapat dibawa bersama? Inilah kadangkala kita mengharapka supaya kerja-kerja yang sekarang ini hanya dijalankan oleh JKR, yang membawa syarikat-syarikat ke luar negara terutama di India yang berjaya membawa kontrak-kontrak yang begitu besar pulangan kepada negara kita.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa syarikat-syarikat besar ini patut membantu syarikat-syarikat kecil untuk ke luar negara. Apakah pandangan Yang Berhormat iaitu syarikat-syarikat besar di Malaysia juga patut memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kecil ini untuk sama-sama menjalankan kerja-kerja yang didapati oleh kontraktor-kontraktor besar ini? Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya kurang jelas sedikit Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh minta ulang sekali lagi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor macam yang besar-besar di Malaysia ini, yang mendapat projek yang besar-besar, tidakkah boleh mereka ini mengadakan macam satu konsep payung supaya memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kelas 'F' ini bersama-sama dengan mereka? Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Alhamdulillah, kalaulah ini boleh dilakukan oleh setiap kontraktor, saya percaya tidak ada kontraktor yang susah, tidak ada kontraktor yang mufliis, tetapi biasanya ini tidak berlaku sebagaimana kehendak kita.

Di dalam Dewan yang mulia ini, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah, saya pun baru juga, hanya enam hari lebih awal.

Di dalam mencadangkan kepada syarikat-syarikat gergasi yang besar terutama sekali yang mendapat faedah daripada pihak kerajaan, saya tidak mahu namakan syarikat-syarikat yang *public listed*, yang mendapat faedah yang begitu banyak daripada pihak kerajaan di dalam kontrak-kontrak di dalam negara sebagai contohnya penyelenggaraan jalan yang telah diberi kepada tiga syarikat selama 15 tahun. Pada mulanya dijalankan dengan begitu baik, diberi kepada kontraktor-kontraktor kelas 'F' ini, dengan agihan, pulangan yang begitu baik, dengan perjanjian yang sebegitu baik

supaya membeli alat-alat mereka ini dan menjadi kontraktor yang tulen, tetapi apabila berjalan dua tahun, diubahnya syarat-syarat ini dan ditamatkan perkhidmatan mereka ini dan pula diberi kepada kontraktor-kontraktor yang lain dengan harga yang rendah. Ada kalanya perbezaan di antara pihak kerajaan membayar kepada dia lebih daripada 30% ke 50%.

Saya boleh memberi contoh seperti ini berlaku di Pantai Timur. Syarikat yang bernama "Road Jet" yang telah mendapat kontrak menyelenggarakan jalan dari Selangor, Pahang, Terengganu dan di Kelantan. Ia telah mendapat kerja-kerja ini, pada dua tahun yang pertama begitu baik kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor, tetapi selepas dua tahun, yang mana perancangan asalnya supaya membimbing kontraktor-kontraktor ini dengan lebih baik, dan dalam masa yang akan datang ia menamatkan kerja-kerja ini dan memberikan kepada kontraktor yang baru dengan harga yang lebih rendah, dan ini telah lari daripada tujuan asal kerajaan di dalam memberi kepada mereka ini selama 15 tahun menyelenggarakan kerja-kerja yang begitu banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa Mesyuarat sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Parlimen Komanwel (CPA)
Cawangan Malaysia dan IPU Kumpulan Malaysia Bagi Sesi 2004-2006**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya ingin hendak mengumumkan keputusan pemilihan untuk calon-calon bagi ahli-ahli jawatankuasa dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-47 dan 48 Persatuan Parlimen Komanwel ataupun CPA Cawangan Malaysia yang telah pun diadakan

sekejap tadi. Saya juga ingin mengumumkan keputusan bagi calon-calon yang dipilih sebagai ahli-ahli jawatankuasa bagi sesi 2004 hingga 2006 bagi IPU Kumpulan Malaysia.

Keputusan bagi CPA Cawangan Malaysia. Calon-calon yang dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa bagi sesi 2004 hingga 2006 ialah:

- (i) Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal;
- (ii) Yang Berhormat Datuk Dr. Yusof bin Yacob;
- (iii) Yang Berhormat Datuk Lim Si Cheng;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Zulhasnan bin Rafique;
- (v) Yang Berhormat Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan;
- (vi) Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Raden; dan
- (vii) Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib

Bagi IPU Kumpulan Malaysia - Calon-calon yang dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa bagi sesi 2004 hingga 2006 ialah:

- (i) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz;
- (ii) Yang Berhormat Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamad;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah;
- (iv) Yang Berhormat Datuk Suhaili bin Abdul Rahman;
- (v) Yang Berhormat Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar;
- (vi) Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Ka Siong; dan
- (vii) Yang Berhormat Puan Chew Mei Fun

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik untuk meneruskan perbahasan.

2.35 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya melanjutkan ucapan saya dalam perbahasan ini, ingin saya menyatakan bahawa dalam kita memilih kontraktor ini kadang-kadang kita tersalah pilih barang yang hendak kita pasang seperti bunyi loceng tadi, Tuan Yang di-Pertua, loceng panggilan begitu lama, bunyinya begitu sakit. Jadi, pemasangan tadi bukanlah salah

kontraktor tetapi salah barang yang dipilih kerana ia memerlukan pertukaran dan pada pandangan saya sahajalah ataupun pendengaran kita salah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi lanjutan masa kepada saya dalam ucapan perbahasan ini dan sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa di dalam kita menjanakan ekonomi negara, penglibatan kontraktor tidak boleh dinafikan bahawa begitu banyak dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor pun begitu banyak. Saya mengambil kesempatan ini juga memberi sedikit sebanyak masalah yang dihadapi yang boleh mengakibatkan kepada ketidakselesaan kontraktor-kontraktor, oleh kerana lazimnya apabila disebut 'kontraktor', kita menganggap bahawa kontraktor salah, kontraktor kaya ataupun kontraktor yang tidak melaksanakan kerja-kerjanya mengikut spesifikasi.

Di dalam pasarannya, sebagai kontraktor ini ialah ceritanya pembuat sahaja. membuat acu-acuannya telah dilukis oleh arkitek. Ini tugas kontraktor ambil kuih letak dalam acuan, jadilah apa yang telah diacukan tadi. Dalam kita mengatasi masalah ini salah satu yang dihadapi oleh kontraktor ialah *final account*, iaitu akaun-akaun kerja yang mana telah begitu lama siap tetapi tidak dapat ditutup. Jumlah ini bukanlah satu jumlah yang kecil, saya boleh mengatakan lebih daripada RM1 bilion kerja-kerja yang telah siap oleh kontraktor tetapi masih lagi belum dibayar oleh pihak kerajaan.

Ini merupakan masalah-masalah yang sering diungkit oleh kontraktor. Jumlah yang begitu besar kalau kita bandingkan di dalam keadaan seperti sekarang ini, kalau kita letak di dalam *fixed deposit* sahaja dengan pulangan 3% sekarang ini sudah tentu ia akan dapat memberi satu pulangan yang begitu baik kepada kontraktor juga. Oleh sebab itu saya mengharap serta mencadangkan kepada pihak kerajaan, di mana di bawah agensi-agensi tertentu seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya yang telah memberi kerja-kerja ini supaya mempercepatkan *final account* ini, oleh kerana ada yang sampai ke angka tujuh tahun masih lagi belum ditutup akaun-akaun mereka. Ia membawa satu pulangan yang kosong kepada hak yang wajib menerima wang ini, yang masih lagi tidak diselesaikan.

Kes-kes yang mana kerja-kerja ditamatkan ataupun dibawa ke arah timbang tara, juga memakan masa yang begitu lama untuk diselesaikan. Ada kes untuk menyelesaikan kes ini sampai ke-14, 15 tahun, masih lagi tidak diselesaikan. Ini sesungguhnya mengakibatkan kemunduran dan kemuffisan kontraktor-kontraktor ataupun syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit di bawah Kementerian Kewangan, mungkin di bawah Bank Negara, di mana keadaan sekarang ini, khususnya termasuk kontraktor dan peniaga-peniaga umumnya di dalam kita menyoal hal-hal duit di dalam pasaran tempatan. Apa yang kita lihat sekarang ini, duit ini di dalam akaun kita, kita hendak tukarkan duit ini, *cash out*, duit ini di bank, kita dikenakan caj RM2.00. Tiap-tiap cek yang kita keluarkan sekarang ini bank mengenakan kepada caj selain daripada tiga orang yang dinamakan oleh bank, pihak lain yang menerima cek kita ini, kena caj RM2.00 tiap-tiap satu cek yang ditulis tunai di dalam akaun kita.

Oleh sebab yang sedemikian, kalau kita lihat dari segi pendapatan bank yang begitu banyak sehingga berbilion-bilion ringgit untungnya tiap-tiap tahun, menggambarkan betapa untungnya dari segi industri perbankan ini. Oleh yang demikian, saya merasa hairan kenapa caj seperti ini dapat dikenakan kepada akaun orang-orang yang hendak menunaikan cek-cek ini. Apatah lagi kalau *local cheque* ataupun cek tempatan, dalam Kuala Lumpur sahaja ataupun di dalam sesuatu bandar memakan masa lebih daripada satu hari, dua hari baru ia boleh ditunaikan cek yang sedemikian.

Di manakah letaknya wang ini tatkala ia berada di dalam tiap-tiap hari minggu? Kalau kita ambil di Pantai Timur, di Kelantan dan Terengganu, kalau kita letak pada hari Khamis, cek ini akan hanya ditunaikan pada hari Sabtu atau hari Isnin, sebab di sini hari Sabtu dan hari Ahad tutup. Empat hari duduk di dalam akaun yang terapung, tidak tahu ke mana ia pergi. Kalau kita kumpulkan jumlah ini tiap-tiap satu minggu, ia menunaikan tidak kurang daripada RM14 juta tiap-tiap minggu di satu-satu lokasi. Ini merupakan satu angka yang begitu besar, yang telah memberi pulangan kepada bank, tetapi tiap-tiap khidmat kepada bank itu sentiasa dicaj kepada pengakaun-pengakaun yang meletakkan akaun di dalam bank yang tersebut.

Di atas sebab inilah maka pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga makin kurang, oleh sebab bank lebih mahukan kepada caj perkhidmatan yang tentunya tidak ada risiko-risiko, tentunya mendapatkan keuntungan. Tiap-tiap hari, saya difahamkan, diberi maklumat oleh pegawai-pegawai bank, tidak kurang daripada RM14 juta *cash cheque* yang telah ditunaikan di seluruh Malaysia. Kalau 14 juta cek, bukan jumlah RM14 juta cek kalilah RM2 tiap-tiap satu cek, bermakna RM2.8 juta, tiap-tiap hari kena dicaj oleh orang-orang yang menunaikan cek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh dari segi pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang mana telah banyak digubal dasar-dasar yang begitu baik kepada semua penduduk-penduduk yang berkecimpung di dalam industri. Ia telah digubal oleh kerajaan dengan menyeluruh dan tidak ada yang tidak baik di dalam hal menggubal dasar-dasar ini. Banyak program yang telah dirancang oleh pihak kerajaan yang hanya kadangkala tinggal perancangan sahaja, yang mana juga pihak orang yang menerima di peringkat bawah ada juga yang masih tidak faham, masih tidak tahu, yang menjadi masalah juga ialah pelaksanaan yang telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai ini apabila sampai ke bawah ia tidak dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah dari segi hal pelaksanaan itu di peringkat pegawai menengah dan pegawai bawahan. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai ini dihantar kursus, seminar serta memahami dasar-dasar kerajaan supaya apabila dilaksanakan dasar ini di peringkat bawah, supaya mengikuti program-program pinjaman dan sebagainya, ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lebih baik dari masa ke semasa dan sesungguhnya latihan ini tidak ada tolok bandingnya dari segi *return* ataupun pulangan dari segi maklumat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang ketiga yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan ialah membangun sumber-sumber manusia (*human capital*) sebagai pemangkin pertumbuhan, yang mana 25% daripada belanja mengurus ini telah dikhususkan kepada pendidikan. Saya tidak menafikan bahawa kerajaan yang telah berbelanja begitu banyak di mana 99% rakyat Malaysia kita sekarang ini adalah orang-orang *literate* yang tahu membaca dan sebagainya, dibandingkan pada tahun 1957 tatkala kita merdeka dahulu *literacy* rakyat kita hanyalah pada kadar 70% sahaja ketika itu.

Ini merupakan salah satu dasar yang telah dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional yang bertahun-tahun membawa suatu dasar pendidikan dan pelajaran yang begitu baik, walau bagaimanapun ia bertukar dari masa ke semasa tetapi hasilnya sekarang ini kita boleh lihat, malah saya dengan bangganya mengatakan bahawa berdirinya saya di sini adalah hasil daripada dasar kerajaan yang telah begitu lama memberi kepada rakyat Malaysia.

Saya percaya juga bahawa tuan-tuan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh menafikan bahawa datangnya tuan-tuan ke sini adalah hasil daripada dasar kerajaan yang telah melaksanakan dengan begitu baik dan begitu jelas malah bukan sahaja di seluruh negara, di peringkat negeri Kelantan sekalipun di mana negeri yang masih lagi diperintah oleh Kerajaan PAS ini juga merupakan hasil kerajaan yang telah membawa dasar dengan begitu baik kepada keseluruhan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di bawah hal pendidikan ini, hal belia sahaja, hal yang lain telah disentuh dengan begitu banyak yang mana saya ingin menyentuh hal belia yang perlu diberi peluang yang begitu besar kepada belia. Yang Berhormat Menteri pagi tadi telah menjawab sebahagian daripada jawapan lisan di mana jumlah belia yang di dalam lingkungan umur 18 tahun ialah sejumlah 426,000 orang. Kita melihat bahawa jumlah ini begitu besar dan kita mengetahui belia itu merupakan satu aset negara yang begitu penting dalam negara kita ini. Tidak ada nilai dan tidak ada tolok bandingnya aset belia yang ada ini, satu-satunya harta warisan kita yang patut kita jaga dengan sebegitu baik.

Oleh yang demikian, kalau kita bandingkan jumlah 426,000 orang ini yang menduduki SPM setiap tahun, mengikut kajian antara 15% ke 25% sahaja yang dapat meningkat ke IPTA dan IPTS. Kalau 426,000 orang angkanya lebih kurang 80,000 orang sahaja yang dapat memasuki IPTA dan IPTS. Jumlah bakinya 320,000 orang masih lagi terapung-apung ke arah mana arah tuju hidup mereka yang akan menentukan arah tuju negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Izinkan saya membawa suatu gambaran kepada Dewan yang mulia ini, bahawa dari kita dilahirkan ke dunia ini, dari umur kita satu hari, lalu dipanjangkan umur kita ini oleh Allah S.W.T. katakanlah sehingga 75 tahun. Satu hari ke tujuh tahun yang pertama kita dididik oleh ibu dan ayah kita termasuk tadika. Tadika ketika kita berumur 5 atau 6 tahun. Pada umur 7 tahun hingga ke 12 tahun, kita akan diberi pendidikan awalan secara percuma oleh pihak kerajaan pendidikan *primary*. Pada umur 13 tahun hingga ke 17 tahun ataupun 18 tahun kita diberikan satu lagi pendidikan percuma oleh kerajaan iaitu menduduki peringkat *secondary*. Di antara umur 17 tahun hingga ke 25 tahun, ini merupakan dunia yang begitu mencabar kepada pemuda-pemuda kita, belia dan beliawanis kita yang akan mengalami suatu perasaan yang memberontak, suatu perasaan yang marah, suatu perasaan yang begitu suka kepada kerajaan, suatu perasaan yang benci kepada kerajaan dan sebagainya. Dengan adanya program

Latihan Khidmat Negara setidak-tidaknya boleh juga ianya memberikan suatu dorongan, tetapi ini hanya 90 hari sahaja. Apa yang lebih penting di sini ialah di dalam keadaan masa ini, mereka ini akan dilatih di banyak tempat-tempat yang perlu kita menghantar mereka supaya berlatih dan ada di antara mereka yang dilatih dengan baik dan ada yang dilatih tidak baik.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk di atas laluan yang diberikan kepada saya. Apabila Yang Berhormat Datuk membahaskan tentang Kementerian Belia dan Sukan, khusus diberi penekanan kepada belia, saya tertarik kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri pagi tadi bahawa sebilangan besar belia yang sepatutnya sudah berada dalam alam remajanya, yang boleh menyertai mana-mana persatuan belia ini, tetapi mereka tidak begitu berminat untuk menyertai persatuan belia ataupun program rakan muda yang telah diperkenalkan oleh kementerian satu masa dahulu.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Datuk berhubung dengan perkara ini, adakah disebabkan faktor-faktor menarik kerana remaja seperti Yang Berhormat katakan tadi yang sudah berada di peringkat kalau mengikut istilah psikologinya ialah peringkat olahan formal. Olahan formal ini mereka sudah boleh dikatakan suatu peringkat yang mereka berada pada suatu tahap untuk membina garis titik penentuan ke arah hala tuju tertentu pada diri individu itu. Jadi, apa pandangan Datuk menyebabkan kurangnya tarikan golongan remaja dan belia ini menyertai persatuan-persatuan belia yang begitu banyak, adakah disebabkan oleh kelesuan di dalam kepimpinan persatuan belia itu sendiri ataupun ada faktor-faktor lain yang menyebabkan kurangnya tarikan golongan belia ataupun remaja untuk menyertai persatuan-persatuan yang begitu banyak di negara kita ini. Terima kasih, apa pandangan Datuk?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa persatuan-persatuan sekarang ini begitu lesu dan tidak bermaya kalau kita bandingkan daripada tahun 70an dahulu di mana belia atau persatuan-persatuan memainkan satu peranan yang begitu penting di dalam membangunkan negara kita ini. Sebut sahaja: "Tuan, saya ini ahli 4B, ahli MAYC," udah pasti ada tempat-tempat yang boleh kita jenguk dan sebagainya. Aktiviti-

aktiviti di kampung-kampung serta peruntukan-peruntukan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tempatan sentiasa akan menyalurkan kepada persatuan-persatuan ini. Tetapi sekarang ini ada dua faktor yang boleh saya rumuskan. Yang pertama sekali, yang boleh saya kata iaitu kerana umur. Banyak di antara tokoh-tokoh belia ini tidak mahu turun sehingga melebihi daripada had-had umur yang boleh, yang mampu yang tidak lagi memberi satu khidmat yang begitu baik tetapi masih lagi memegang kepada jawatan-jawatan ini.

Yang keduanya kerana kekurangan minat inilah dan kerana jawatan ini telah dipegang oleh orang yang begitu lama, maka yang baru mula mengundur diri dan sebagainya.

Yang ketiga ialah berkait sama dengan peruntukan untuk apa sahaja kegiatan-kegiatan mereka ini sentiasa ditanggung oleh pengerusi ataupun pengetua kepada belia-belia ini. Jadi dari tahun ke tahun ianya merupakan satu bebanan juga sehingga daripada jumlah pertubuhan-pertubuhan belia yang telah didaftarkan lebih daripada 50% tidak dapat dilanjutkan pertubuhannya secara formal. Ada juga yang masih wujud tetapi mesyuarat agung ada dan tidak ada dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini di bawah

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah ini disebabkan oleh kerana belia-belia 70an dahulu tidak dapat memindahkan atau mewariskan kegiatan-kegiatan belia itu kepada belia-belia yang ada sekarang ini. Maka itulah yang menyebabkan saya difahamkan ribuan pertubuhan belia yang ada di negara kita ini telah dibatalkan pendaftarannya mengikut Akta Pertubuhan 1966. Soalan saya adakah kerana kita tidak berjaya mewariskan kegiatan itu kepada belia yang ada sekarang.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, dalam segi ini saya rasa saya tidak boleh jawab sebab saya tidak bertauliah untuk menjawab dan tidak berpengetahuan penuh di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjawab mengapa dan kenapa belia ini menjadi sedemikian. Saya rasa di dalam penggulungan nanti Yang Berhormat Menteri bolehlah memberi satu jawapan yang khusus.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjelaskan sedikit kerana kita semua di dalam Dewan telah melalui zaman itu. Zaman di mana kelab-kelab, persatuan-persatuan penuh dengan belia yang sekarang sudah jadi 'beliau'. *[Ketawa]* Tetapi masa itu saya ingat apa sahaja persatuan kita selain daripada gerakan-gerakan yang biasa kita ada *picnic*, kita ada tari-menari, ada yang pergi *outings* untuk pergi membuat larian merentas desa dan sebagainya yang mana pada ketika ini seolah-olah *its being frowned upon*. Jadi sudah tidak sebegitu rapat lagi belia-beliau kita sekarang ini, masing-masing sudah mempunyai kerja-kerja lain seperti melepak di bangunan-bangunan yang ada *aircond* dan sebagainya, dan juga sudah kurang aktiviti yang bersama-sama di luar, barangkali mungkin ini sebabnya perkara ini berlaku di ketika ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak jawab dahulu ataupun hendak beri laluan sekali lagi?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ikut laluanlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk. Saya hanya memberi pandangan dan mungkin Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya ini kerana bila dua faktor yang diberikan oleh Yang Berhormat tentang masalah umur dan kurangnya peruntukan, saya amat bersetuju dan saya rasa memang itulah di antara faktor utama. Disebabkan umur yang sudah lanjut maka dari segi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Karim tadi ia kurang memahami kerana kehendak keremajaan ini tidak terhad. Tetapi kehendak pemimpin itu sudah terhad bermakna zaman berubah sukarnya dia memahami kehendak keremajaan itu menyebabkan dia tidak berbuat apa-apa ataupun di kalangan pemimpin belia ini kebanyakannya, saya tidak ingin menegur tetapi ada dan saya rasa di kalangan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat juga tahu perkara ini. Ada di kalangan pemimpin persatuan belia, mereka tidak ikhlas dalam menawarkan diri untuk bertanding kerana kebanyakan jawatan ini dijadikan *stepping stone* untuk mereka mencapai sesuatu yang lebih baik.

Kalau mereka mempunyai lesen kontrak, mereka hendak dapatkan kontrak, kalau mereka bergiat di dalam politik, mereka ingin mendapatkan jawatan-jawatan tertinggi dalam bahagian MKT dan sebagainya. Jadi oleh kerana itulah ada di antara

mereka yang memegang pelbagai jawatan dalam pertubuhan, NGO dan sebagainya, terlalu banyak, sebagai Pengerusi, Naib Pengerusi, Timbalan Pengerusi, bola pun hendak pegang.

Jadi ketandusan idea inilah yang menyebabkan mereka tidak boleh memfokuskan untuk mencari jalan, kerana pada saya peruntukan memanglah salah satu faktor penting, tetapi ada faktor-faktor lain juga yang boleh dianggap cukup penting, misalnya kalau sekiranya pemimpin pandai mengatur dan memahami mereka, perdampingan sudah cukup, tetapi semua ini tidak dapat dilakukan atas alasan kesibukan dan menjadikan persatuan belia seolah-olah satu persatuan yang kita lihat seperti mana Yang Berhormat Senator Tuan Hassan maklumkan tadi, banyak yang telah dibatalkan pendaftarannya kerana kelesuan dalam kepimpinan yang mempunyai pelbagai tafsiran dan makna. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Roslan?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya tidak ada, sama sahaja dengan Yang Berhormat tadi. Apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Datuk Karim dan juga Yang Berhormat Tuan Ismail bahawa memang di dalam hal belia ini, faktor yang telah kita lalui ialah umur, masa yang telah kita lalui yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Karim bahawa kita telah melalui zaman keremajaan tadi. Kelesuan yang telah dibangkitkan tadi oleh sebab kita ini pemimpin-pemimpin di peringkat atas masih lagi merasakan bahawa semangat itu masih ada keremajaannya. Dalam erti kata *young at heart, old at age*, dengan tanpa mengetahui bahawa umur sudah meningkat dan kapasiti untuk menabur bakti ini sudah ketiadaan lagi, sebab kehendak remaja sekarang ini sudah lain.

Kita ambil analisa sahaja sebagai anak kita yang terdekat, kehendak anak kita sudah jauh berbeza dengan kehendak kita sekarang ini. Kita masih lagi merasakan bahawa kita lebih pandai dari anak kita, walhal dari segi yang sebenarnya kehendak anak kita mungkin salah, tetapi itulah kehendak dia yang sebenarnya sebagai seorang belia. Ini biasanya kita mengambil suatu pendekatan yang mengatakan bahawa kita yang betul sebagai orang yang dewasa.

Analisa ini saya rasa perlu diperdekatkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, oleh kerana aset yang begitu penting sekali, banyak mana sekali pun kita membawa pembangunan tetapi pembangunan ini diabaikan, pembangunan harta yang tidak ternilai ini kita abaikan, maka sudah tentu negara kita yang akan datang ini akan menjadi sebuah negara yang porak-peranda. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab

kita sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, memperlihatkan bahawa masa depan negara kita ini juga terletak di tangan kita untuk memperuntukkan suatu peruntukan yang begitu besar lagi kepada Kementerian Belia dan Sukan khususnya kepada belia.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tentang pembangunan belia. Jika kita lihat hari ini dari segi pembangunan belia, kita banyak tertumpu kepada pembangunan fizikal ataupun dari segi sudut riadah dan sukan dan hidangannya kebanyakannya selain daripada sukan banyak program-program yang hidangkan kepada belia kita dari sudut hiburan.

Kalau kita lihat untuk kita melahirkan satu belia yang cemerlang untuk menjadi pelapis kepada kepimpinan yang akan datang, kita memerlukan belia yang mempunyai jiwa yang mantap, belia yang mempunyai ketajaman akal fikiran. Saya kira apa yang kita hidangkan kepada belia kita hari ini hanya melalui sukan dan hiburan sudah tentu tidak mencapai matlamat kita untuk melahirkan belia yang mantap dari segi jiwanya, akalnya dan pemikirannya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini sekarang ini? Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membentuk sesebuah negara, tidak semudah sebagaimana yang kita rancangkan. Kita kata kita mahu belia yang berjiwa tajam, yang beriman memang kesemua anak-anak kita ini kita mahu anak-anak yang soleh, anak-anak yang beriman. Maka di dalam keadaan begini sudah tentu ada anak-anak kita yang mungkin tidak sehaluan dengan kita. Begitu juga dengan rakyat ataupun belia kita ini, sudah tentu tidak ada yang semuanya dapat kita acukan sebagaimana acuan yang hendak acukan.

Tetapi kalau kita bilang dari segi peratusnya, mungkin sudah tentu peratusannya jauh lebih baik daripada yang tidak baik. Kalau banyak yang tidak baik daripada yang baik, tidak mungkin negara kita Malaysia ini mendapat pertumbuhan ekonomi sebagaimana yang kita rasakan sekarang ini, tidak mungkin kita mendapat pelajar-pelajar yang cemerlang sebagaimana yang kita rasakan sekarang ini, tidak mungkin kita dapat menjadi sebuah negara yang menuju kepada negara yang maju

pada tahun 2020 ini kalau kita masih mengatakan bahawa budak-budak belia ini tidak maju ataupun masih lagi tidak menjiwai kerohanian ini.

Pada keseluruhannya kita hanya ungkit sebahagian kecil sahaja dari segi peratusan itu, mesti ada, mustahil di dalam sesebuah negara ataupun sesebuah keluarga itu semuanya elok belaka sebagaimana yang kita kehendaki. Tetapi kita sebagai rakyat atau orang yang bertanggungjawab, kita kena tegur di mana tempat yang salah, di mana tempat yang kekurangan ini. Saya tidak mahu menyuarakan perkara ini di sini sahaja Tuan Yang di-Pertua, malah saya mahu menganjukkan para belia kepada pasaran yang perlu pihak kerajaan memasarkan, sebab sebagai satu tenaga yang begitu penting dalam negara kita ini, tenaga muda yang kuat, kita mesti pasarkan tenaga ini kepada pasaran sebagaimana kehendak kerajaan dan juga sebagaimana kehendak industri. Saya memberi contoh banyak benda-benda yang perlu diberi oleh pihak swasta yang memerlukan tenaga-tenaga mahir yang masih lagi kekurangan.

Oleh yang demikian, agensi-agensi yang berkenaan perlulah mengambil peluang ini ataupun mengambil perkara ini dengan mengetengahkan bahawa belia-belia ini masih lagi perlu kepada *training*, perlu kepada latihan, perlu kepada *exposure* yang lebih meluas supaya mereka ini apabila keluar dalam *market*, keluar di dalam pasaran, mereka ini boleh membuat kerja-kerja sebagaimana yang dikehendaki oleh keadaan pasaran semasa.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Cik: Ya.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya amat bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, maknanya kita perlu mengadakan kursus, bengkel dan sebagainya untuk belia-belia ini. Tetapi yang menjadi masalahnya sekarang ini, oleh kerana persatuan-persatuan belia ini dipimpin oleh orang yang telah melebihi had umurnya maka dihantar ke program-program yang telah dirancang oleh kementerian ini orang-orang yang sebaya dengan mereka kerana mereka gagal untuk mendapatkan ahli-ahli baru yang di bawah umur 40 tahun disebabkan remaja ataupun belia-belia yang berumur di bawah 40 tahun ini tidak bersesuaian dengan kepimpinan yang sedia dalam persatuan belia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Datuk.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat Puan Sharifah, lama tak dengar cerita. Saya akur dan mengetahui bahawa kepimpinan belia ini memang sukar, sekarang ini Pengerusi Majlis Belia Negara, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan saya percaya telah menggubal suatu dasar yang baru supaya penukaran pemimpin-pemimpin ini akan dilaksanakan sebagaimana kehendak belia sekarang.

Suatu ketika dahulu, tidak ada faktor umur di dalam memimpin belia ini dan saya percaya sekarang ini ianya boleh dijadikan suatu syarat. Saya juga tidak menafikan kenyataan Yang Berhormat Puan Sharifah tadi bahawa di dalam kita memilih mereka ini untuk menghadiri kursus-kursus sudah tentu dia akan pilih siapa yang dekat dan siapa yang rapat. Oleh yang demikian, inilah salah satu benda yang perlu kita atasi, analisa dan mengambil iktibar supaya apabila kita menjadi pemimpin, khususnya kepada kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ini supaya mengetahui dan memberi syarat-syarat ini, menurunkan syarat-syarat ini melalui pegawai-pegawai mereka supaya belia-belia ini tidak lagi menjadi belia-belia yang tidak terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada strategi yang terakhir yang dibawa dan dibentangkan oleh kerajaan iaitu memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan. Saya menyanjung tinggi di atas usaha kerajaan dan mengucapkan syabas dan tahniah dalam usaha kerajaan juga membasmi kemiskinan yang sekarang ini hanya tinggal satu peratus sahaja daripada jumlah rakyat kita ini yang ditakrifkan sebagai miskin, kemiskinan tegar, saya pun tidak berapa faham apa kemiskinan tegar ini.

Tetapi daripada satu peratus ini, ianya melibatkan lebih kurang 52,900 isi keluarga. Satu kejayaan yang begitu baik dan boleh kita banggakan sebagai rakyat Malaysia bahawa keprihatinan kerajaan dalam mengendalikan kemiskinan ini sudah tentu ianya sudah mencapai suatu kejayaan. Apatah lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang ini, Yang Berhormat Dato' Dr. Awang Adek sebagai suatu agensi kementerian yang telah dipertanggungjawabkan untuk membasmi kemiskinan ini, saya menyanjung tinggi bagi pihak Ahli Dewan di sini untuk mendengar perbincangan ini dan sedikit sebanyak boleh mengambil iktibar supaya kemiskinan ini walaupun agak sukar dan mustahil untuk dihapuskan 100% tetapi pengurangannya dari setahun ke setahun sudah tentu ianya akan mendapat penglibatan oleh pihak kerajaan dengan lebih sempurna.

Keadaan seperti ini apa yang ingin saya suarakan dalam perbahasan ini dan kepada program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti program bantuan rumah, program peningkatan pendapatan, program tambahan makanan seimbang, program pembangunan minda insan dan program latihan pendidikan serta skim *baucer tuition* kepada orang-orang yang berpendapatan rendah.

Saya ingin menyentuh di sini, tidak ada yang tidak baiknya hanya dari segi hal membaiki rumah, skim di bawah kementerian Yang Berhormat, Timbalan Menteri yang hadir pada petang ini iaitu membaiki rumah ini yang saya ketahui terbahagi kepada dua iaitu yang pertama, membaiki rumah dengan kos anggaran RM5,190, ini telah diberi untuk membaiki rumah-rumah kepada orang-orang yang miskin, dan satu lagi ialah membina rumah baru dengan kos sejumlah RM13,370.

Ini merupakan kos yang telah dianggarkan oleh pihak kerajaan, tetapi apabila dilaksanakan di peringkat bawah, banyak perkara-perkara yang menjadi runcing. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa program yang dilaksanakan ataupun digubalkan oleh pihak kerajaan amat baik sekali, tetapi pelaksanaannya apabila turun ke bawah ianya begitu meruncingkan sehingga sepatutnya diterima oleh rakyat sejumlah itu, tetapi sejumlah yang telah diperuntukkan tidak begitu.

Saya ingin memberi contoh, mungkin boleh dikatakan membuka pekong di dada tetapi demi untuk rakyat yang miskin ini kadangkala kita tidak sampai hati melihat jumlah ini dipusingkan, daripada RM5,190 tidak kurang daripada RM1,000 diberi kepada kontraktor yang melaksanakan projek itu, dari segi peratusannya sebanyak 20%. Daripada itu mungkin *disubkan* pula kepada orang yang lain dan sehingga daripada RM5,190 ini tolak RM1,000 kepada orang yang mempunyai lesen tadi sehingga sampai hanya RM2,000 hingga RM3,000 sahaja yang sampai ke bawah, hanya separuh sahaja.

Jumlah ini saya rasa tidak begitu adil apabila diterima, bunyinya kerajaan telah membantu dan memberi satu peruntukan yang begitu besar kepada orang yang patut menerima. Tetapi dalam pelaksanaan yang seperti ini, mengikut pengalaman yang saya lalui, perlulah diberi pengkhususan di peringkat pelaksanaannya.

Saya juga ingin menyentuh dari sudut berkaitan dengan Syarikat Perumahan Negara yang telah juga diperuntukkan

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Osman.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Datuk Haji Roslan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan ini. Saya tertarik dengan pelaksanaan bantuan membina rumah PPRT yang berjumlah RM13,000 yang telah diperuntukkan setahun kepada satu keluarga.

Seperti mana saya juga difahamkan bahawa RM13,000 nilai yang ada sama rata, sama ada di kawasan bandar ataupun di luar bandar. Berdasarkan kepada bahan mentah yang ada sekarang ini, nilai RM13,000 untuk rumah yang dibuat di kawasan berhampiran bandar dibandingkan dengan rumah yang dibina di luar bandar dengan *spec* yang sama, ini yang akan menjadi masalah kepada penerima. Apatah lagi seperti mana yang Datuk katakan tadi, RM13,000 bukanlah satu tender yang diberi khusus kepada nilai RM13,000, kadang-kadang ada juga pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan ini dengan menawarkan harga yang lebih murah.

Saya dapat tahu ada yang bernilai sehingga RM9,000, Katakanlah kalau dengan nilai RM9,000 ataupun RM10,000 yang ditawarkan kepada kontraktor, bayangkanlah bagaimana bentuk rumah yang akan diperolehi oleh penerima terutama rumah-rumah yang dibina di kawasan pedalaman Orang Asli.

Ini saya lihat Yang Berhormat Datuk Syed Ali tersenyum, dia memang faham tentang Orang Asli ini. Jadi, kalau inilah, saya rasakan oleh kerana rakyat yang susah perlu diberikan bantuan berdasarkan strategi yang telah ditentukan oleh kerajaan, saya mencadangkan bahawa satu badan perlu ditubuhkan oleh kementerian supaya wang yang berjumlah RM13,000 ini betul-betul diberi kepada pihak yang berkenaan supaya nilai dan rumah ini perlu sama didapati oleh masyarakat yang menerimanya.

Begitu juga dengan keadaan semasa, sama ada pihak berkenaan bersetuju dengan cadangan saya supaya sudah tiba masanya pihak kerajaan berdasarkan Manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu, di mana Barisan Nasional telah berjaya cemerlang, saya mencadangkan agar masyarakat yang miskin ini diberikan rumah tiga bilik dengan kos sekurang-kurangnya RM17,000, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan sedikit iaitu rumah kos baru ini bukannya RM13,370. Rumah kos baru ini ialah RM10,370 ditambah dengan tapak tanah, kalau ada tapak-tapak rumah yang perlu diperbaiki dengan harga RM2,500 menjadikan RM12,870.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu persediaan untuk tapak?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Persediaan untuk tapak RM2,500, ini bukannya RM13,370 – maklumat itu salah tadi, minta maaf.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa jumlah yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan tidak cukup untuk membina sebuah rumah walau apa keadaan sekali pun. Apatah lagi dengan jumlah yang begitu kecil, membina sebuah rumah baru dengan tiga bilik dengan harga RM10,370, kita katakanlah RM12,000 dikatakan tapak tanah itu perlu juga diubahsuai dengan longkang dan pagarnya sekali mungkin sudah tentu tidak cukup. Apatah lagi tempat untuk membinanya bukan seperti membuat *housing estate*, sederet buat sama sahaja. Ini satu dibuat di hujung kampung, satu di tengah kampung, satu lagi di pinggir kampung dan sebagainya. Dalam erti kata, orang Terengganu kata “berterabur”, saya pakai bahasa kampung sekali. Yang Berhormat Timbalan Menteri faham itu – “berterabur”. Jadi, di dalam hal ini, mengikut perkiraan saya, mengikut kontraktor, tidak mencukupi jumlah yang begitu kecil untuk memberi satu rumah yang sempurna kepada rakyat yang sepatutnya menerima.

Saya juga ingin pergi kepada Syarikat Perumahan Negara yang juga diberi mandat untuk membina rumah kepada rakyat yang memerlukan, khususnya nelayan dan petani sekarang ini yang berjumlah RM37,000 dan RM40,000 mengikut dua spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Syarikat Perumahan Negara.

Mengikut perkiraan kita, ini juga tidak mencukupi oleh kerana pembinaan rumah ini bukannya setempat sebagaimana satu *housing estate*, ianya di antara satu kilometer ke 15 kilometer di antara satu rumah ke satu rumah yang terpaksa kontraktor mengangkutnya, ini dari segi *wastage* ataupun pembaziran bahan-bahan binaan yang begitu banyak. Tiap-tiap rumah yang dibina yang jauh tempatnya sudah tentu merupakan pembaziran yang begitu banyak seperti pasir, batu bata dan sebagainya. Daripada sebuah rumah yang sepatutnya boleh dibina dengan kos yang begitu rendah terpaksa menjadi mahal oleh kerana masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan golongan orang

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput, Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk kerana sekali lagi memberi peluang kepada saya untuk laluan yang seterusnya.

Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat berhubung dengan Rumah Mesra Rakyat yang dilancarkan oleh Syarikat Perumahan Negara dan saya ingat pelancarannya sudah dua tiga tahun lepas yang mana dibuat oleh Pengerusi Syarikat Perumahan Negara pada masa itu, Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi yang boleh dikatakan di semua negeri.

Mengikut penerangan yang diberikan ketika pelancaran berkenaan, saya melihat seolah-olah terlalu senang. Kalau mempunyai tanah sendiri dengan kedudukan pendapatan yang seperti mana Yang Berhormat jelaskan tadi, maka kelulusan akan diberikan dengan kadar yang segera. Tetapi saya mewakili kawan-kawan yang memohon, yang saya rasa memenuhi syarat-syarat minimum seperti mana yang ditetapkan oleh SPN di dalam borang yang tertera itu. Kita lihat sampai sekarang permohonan mengambil masa terlalu lama, kerana saya lihat Syarikat Perumahan Negara tidak ada koordinasi yang jelas dengan pejabat-pejabat di negeri tertentu. Misalnya katakan kalau mereka berhubung dengan Kerajaan Negeri Kedah, mereka tidak menyalurkan segala keperluan proses, temu duga dan sebagainya menerusi Pejabat Perumahan Negeri ataupun Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan) untuk menyelaraskan perkara ini supaya dapat ianya dijalankan dengan lancar. Tetapi kita lihat mengambil masa yang terlalu lama, kerana urusan menanti pegawai-pegawai daripada SPN untuk datang ke negeri-negeri dan permohonan yang terlalu banyak, bertindih dan sebagainya, yang tidak cukup syarat.

Saya ingat ada satu permohonan yang mendapat jawapan setelah pemohon terpaksa menunggu selama setahun, ini saya ada bukti yang jelas dan saya telah membuat rayuan tetapi saya lihat kerana terlampau banyak dengan ketidakcukupan *strength* ataupun kakitangan SPN sendiri, saya ingat perkara ini masih lagi berlarutan ataupun berterusan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak nafi bahawa dari segi borang yang dikehendaki begitu senang untuk diisi dan dipenuhi syarat-syarat, tetapi apabila melaksanakannya jauh berbeza daripada apa yang telah dinyatakan.

Saya juga melalui masalah yang sama dengan Yang Berhormat, di dalam kita memberi *recommendation* kepada Syarikat Perumahan Negara dan mengikuti dan mematuhi segala aspek di dalam borang itu, masa untuk mengambil dikatakan dalam masa 30 hari tetapi kadangkala ianya merupakan mengambil masa lebih daripada enam, sembilan dan sehingga 12 bulan dan masih lagi tertunggu. Apa yang menyedihkan lagi ialah kehilangan borang ini yang sukar hendak diganti oleh kerana apabila mendapat borang ini, ia boleh memberi jaminan bahawa dengan sendirinya secara automatik ianya diluluskan. Inilah janji-janji yang dikatakan membawa akibat.

Sebab itulah saya katakan tadi, saya menyentuh dari segi hal pelaksana dalam hujah perbahasan saya sebelum ini, pelaksana amat penting sekali dalam melaksanakan dan menterjemahkan masalah ataupun perancangan-perancangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara cepat lagi, oleh kerana golongan orang kurang upaya ini begitu banyak telah pun diberi bantuan-bantuan oleh pihak kerajaan, saya mengucapkan serta mencadangkan supaya diteruskan dengan lebih, oleh kerana orang kurang upaya ini banyaklah lagi memerlukan bantuan-bantuan daripada pihak kerajaan.

Dari segi itu juga, menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik, telefon dan jalan di luar bandar. Saya ingin menyentuh dari segi jalan-jalan di luar bandar dan jalan kampung di mana RM174 juta telah diperuntukkan untuk jalan kampung dan RM50 juta diperuntukkan di bawah jalan luar bandar. Jumlah ini agak kecil kalau dibandingkan di seluruh negara yang memerlukan lagi jalan-jalan ini dan apa yang lebih ingin kita tegurkan di sini ialah cara pelaksanaan juga. Apabila spesifikasinya, kebiasaannya memerlukan 50 mm tebalnya *premix* tetapi apabila terdapat jalan-jalan di bandar ini jauh lebih nipis daripada ini, maka sudah tentu jalan-jalan yang telah dibina dengan kos yang begitu mahal setiap tahun, tidak sampai habis satu tahun sudah pun menjadi rosak dan sebagainya. Datangnya hujan dan banjir sudah tentu jalan-jalan ini akan berlerai dan menjadi rosak kembali. Ini sudah tentu membawa suatu pembaziran kepada pihak kerajaan yang telah membelanjakan berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun tetapi hasilnya hanya sekejap sahaja yang dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan yang telah membawa satu dasar ataupun satu propaganda yang baru-baru

ini iaitu ubat yang murah dibeli sendiri dan ubat yang mahal diberi percuma. Ini juga kita lihat bahawa satu pendekatan oleh pihak kerajaan supaya rakyat lebih bertanggungjawab dan menyedari bahawa betapa pentingnya kesihatan dalam sesebuah negara. Seperti kata pepatah, "*prevention is better than cure*", dengan izin.

Sudah tentu kita tidak mahu melihat negara kita ini dipenuhi oleh rakyat yang banyak berpenyakit dan penyakit ini saya lihat telah pun banyak menimbulkan masalah kepada negara kita ini oleh kerana mungkin pada satu ketika dahulu, 20 hingga 30 tahun yang lepas, kesemuanya di dalam keadaan yang susah dan untuk *survive* dalam dunia ini bekerja dengan begitu kuat, apabila kejayaan dicapai, apabila usaha-usaha ini telah mendatangkan hasil, maka anak-anak kita dan kita sendiri sudah begitu lalai tentang hal kesihatan kita sehingga memakan makanan yang begitu banyak.

Saya tertarik dengan satu pepatah doktor yang mengatakan kepada saya, dengan izin, "*what is good for the mouth is not good for the body, what is good for the body is not good for the mouth*". Dalam erti kata dari segi hal pemakanan ini, yang saya percaya apa yang kita makan itulah hasilnya datang kepada kesihatan kita dan kos kesihatan ini begitu mahal sekarang ini. Saya tidak nampak bagaimana kerajaan boleh membiayai sepanjang masa untuk melihat bahawa rakyat kita ini miskin.

Apa yang hendak saya ketengahkan di sini ialah pengetahuan ilmu kesihatan yang begitu penting di dalam kehidupan kita seharian, kita mesti tahu apa yang kita makan. Sebagai contohnya dari segi hal kalori, minyak yang biasanya merupakan sesuatu yang ditakuti oleh kita semua sesungguhnya memanglah betul, kerana lemak dan minyak itu kalau dari segi kalorinya setiap satu sudu minyak mengandungi 9.2 kali ganda lebih lemak jika dibandingkan dengan setiap satu sudu gula dari segi kalori.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya memohon supaya bukan sahaja setakat ubat dan dari segi kesihatan, kempen terhadap kesedaran kesihatan ini perlu diberi tanggungjawab kepada seluruh rakyat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang 'rumah mampu milik' yang telah dirancang oleh pihak kerajaan sejumlah 100,000 lagi yang akan dibina melalui Sistem IBS. Sistem IBS ini merupakan suatu sistem yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan supaya ingin menjadi lebih cepat, lebih padat, lebih jimat dan mengurangkan tenaga buruh yang sentiasa kita import tenaga-tenaga buruh ini supaya mereka ini menjalankan kerja-kerja sebagaimana yang telah kita rancang.

Apa yang hendak saya ketengahkan di sini ialah supaya pihak kerajaan menyedari bahawa dalam kita mengejar kepada IBS ini, saya kluatir kita akan ketinggalan, khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera, khususnya kontraktor-kontraktor Melayu yang masih lagi belum bersedia untuk menyedari bahawa Sistem IBS ini akan mendapat keuntungan kepada mereka dari segi jangka panjang. Persediaan ini juga perlu diberi kepada kontraktor-kontraktor khususnya kontraktor-kontraktor besar dan juga kontraktor sederhana oleh kerana dalam masa yang terdekat ini, pada masa yang akan datang pihak kerajaan akan menterjemahkan Sistem IBS ini kepada semua peringkat dan hanya kontraktor-kontraktor yang besar sahaja nanti yang akan mendapat kerja-kerja ini oleh kerana mereka sahajalah yang akan mengetahui cara-cara mana Sistem IBS ini akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Dari segi hal pembangunan wanita, RM37.8 juta telah diperuntukkan mengikut jumlah populasi diperuntukkan kepada pembangunan wanita melalui NGO dan pembangunannya. Jumlah ini adalah terlalu kecil yang saya lihat jika dibandingkan dengan jumlah penduduk wanita yang ada di seluruh negara.

Jumlah wanita melebihi daripada jumlah penduduk lelaki iaitu melebihi 50.1%, dan jumlah RM37.8 juta untuk pembangunan sahaja sudah tentu tidak memadai di dalam kita membawa pembangunan wanita ini yang sejajar dengan kehendak agama dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghampiri kepada penutup dalam perbahasan saya ini, iaitu ingin saya sentuh tentang anggota tentera dan polis yang mana khidmat serta tanggungjawab yang telah diberikan kepada polis dan anggota tentera ini begitu besar sekali. Tidak boleh saya duduk berdiri dalam Dewan yang mulia ini, tidak boleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Negara duduk di dalam Dewan ini tanpa keselamatan yang ada di dalam negara kita ini.

Sesungguhnya keselamatan dan keharmonian serta keamanan yang telah kita rasai ini tidak datang bergolek dengan begitu sahaja. Ia telah dirancang dan dihalusi dari semasa ke semasa supaya negara kita ini akan menjadi lebih maju, lebih aman dan lebih harmoni di dalam masa-masa yang akan datang. Oleh yang demikian, apa yang telah diberikan oleh pihak kerajaan di dalam mengkaji gaji-gaji yang baru, skim-skim perkhidmatan yang baru saya menyokong penuh di atas usaha kerajaan ini, oleh kerana melalui mereka inilah maka peniaga-peniaga yang ada sekarang ini baik besar

mahupun kecil menikmati tanpa diketahui bahawa melalui keamanan inilah boleh kita berniaga.

Hanya perkara yang kecil sahaja, yang ingin saya sentuh di sini dari segi hal pengurusan di peringkat pejabat-pejabat polis. Saya sering kali mengunjungi pejabat polis di kampung saya, di bandar saya iaitu di Kuala Terengganu yang saya katakan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun datangnya daripada sana. Tiap-tiap kali kita pergi mengadu kepada pejabat polis ini, daifnya tempat polis ini sama ada kerusinya, mejanya, kipasnya, komputernya dan sebagainya terlalu sakit dan kadang-kadang ini tidak sejajar dengan khidmat yang telah diberikan ataupun pengorbanan yang telah diberi.

Suasana yang ada ini langsung tidak sedap mata memandang. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak polis memberi suasana yang lebih lagi dalam kita melaksanakan tugas-tugas harian di peringkat daerah ataupun di negeri sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup di dalam jangkaan ataupun ramalan kerajaan, KDNK kita pada tahun 2005 akan menjangkau 6% dan kita mengucapkan tahniah walaupun dalam keadaan yang susah, tahun 2005 ini dapat juga kita menghasilkan pertumbuhan yang begitu baik, dan saya percaya juga pada tahun yang seterusnya memasuki tahun 2006, Rancangan Malaysia Kesembilan ianya akan menjadi lebih baik lagi apabila bajet tahun hadapan akan dibentangkan.

Saya juga tertarik kepada ucapan terakhir Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang mengatakan kita perlu bersyukur, dan bersyukur ini terbahagi kepada dua. Yang satu kita tidak boleh dipertikaikan lagi iaitu bersyukur kita keadaan Allah S.W.T.

Kedua, yang boleh kita bersyukur ialah bersyukur kepada manusia yang telah memberi dan merancang sebegitu baik dengan keadaan yang kita ada sekarang ini, tidak lain dan tidak bukan ialah kerajaan. Kerajaan yang ada ini ialah Kerajaan Barisan Nasional.

Kita mesti dan wajib bagi pendapat saya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia yang telah menggubal Bajet 2005, yang begitu rapi dan membawa satu mandat yang besar pada tahun hadapan. Semoga suasana ini akan kekal berterusan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Roslan. Tadi saya ada minta Tuan Haji Hasan untuk bersedia, tetapi saya difahamkan Yang Berhormat bersedia untuk memberi laluan kepada orang lain dahulu. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Poh Mok Hua dan saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam untuk bersedia.

3.36 ptg.

Tuan Poh Mok Hua: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005.

Saya hendak menyentuh B.62 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang telah diberi peruntukan sebanyak RM3.93 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3.27 juta disediakan kepada Polis Diraja Malaysia.

Saya mencadangkan pihak polis menubuhkan satu unit khas untuk mengendalikan, menguruskan kes-kes penipuan hartanah. Mengikut berita surat khabar Sin Chew Jit Poh pada 27 Ogos 2004 di mana dalam kes penipuan hartanah ini, penipu telah memohon dan mendapat geran baru tanah dan membuat tandatangan palsu di borang pindah milik dan seterusnya menjualkan tanah ini dengan harga RM1,865,798 kepada Adona Property Sdn. Bhd.

Pada tahun 1989, tuan tanah Boon Song mengadu kepada Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk mendapat balik tanah ini. Boon Song gagal tetapi berjaya di Mahkamah Rayuan. Adona Property Sdn. Bhd. membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan pada bulan Disember 2000. Mahkamah Persekutuan memutuskan Adona Property Sdn. Bhd. berjaya kerana Adona Property Sdn. Bhd. membeli tanah itu mengikut prosedur yang ditetapkan.

Alasan Mahkamah Persekutuan ialah sungguhpun dokumen pindah milik adalah palsu, tetapi jika pembeli membeli tanah itu mengikut prosedur yang sah, hak milik tanah itu mestilah diberikan kepada pembeli. Boon Song meninggal dunia pada 23 Mei 2000. Key Chai, anak Boon Song mewakili ibunya membuat rayuan meminta Mahkamah Persekutuan menimbang semula kes ini, tetapi mahkamah pada 27 Ogos 2004 menolak rayuan ini. Keputusan Mahkamah Persekutuan ini mendatangkan

akibat yang besar kepada tuan tanah. Harta tanah kita tidak lagi selamat. Hasrat tuan tanah untuk mendapat balik tanah yang telah ditipu bertambah susah.

Di samping itu, kes penipuan tanah berkemungkinan bertambah jika pihak berkuasa tidak mengambil tindakan untuk melindungi tuan tanah dan tuan tanah pula tidak mengambil tindakan yang perlu untuk mengelak tanah mereka daripada ditipu. Mengikut berita surat khabar Nan Yang pada 30 Ogos 2004, satu lagi kes penipuan harta tanah di mana menurut tuan tanah Tan Chee, 74 tahun memberitahu bahawa beliau empat orang berkongsi membeli sekeping tanah pada bulan Mei tahun 1960 di Selangor. Mereka memohon pecah sempadan dan telah mendapat geran berasingan pada tahun 1970. Tanah beliau seluas lima ekar bernilai RM1.2 juta.

Sungguhpun geran tanah ada dalam simpanan beliau dan beliau membayar cukai tanah tiap-tiap tahun tetapi tanah ini telah di pindah milik kepada orang lain tanpa pengetahuan beliau. Pada awal tahun ini Encik Tan Chee hendak memindah hak milik tanah ini kepada anaknya. Beliau telah meminta peguam untuk menguruskan. Ketika itu barulah beliau tahu penipu telah menggunakan namanya untuk memohon geran baru dan menjual tanah ini dengan harga RM200,000 pada 18 Jun 2003 tanpa pengetahuan beliau.

Mengikut berita Nan Yang dan Sin Chew pada 1 Disember 2004, satu lagi kes penipuan harta tanah. Mengikut tuan tanah Wee Kim Kiaw, berumur 62 tahun memberitahu bahawa pada tahun 1993 beliau dan isterinya membeli sekeping tanah seluas 16.5 ekar. Beliau dan keluarganya tinggal di atas tanah itu. Pada tahun lepas ada dua orang lelaki yang tidak dikenali datang ke rumahnya. Mereka bercadang hendak membeli tanah tersebut dengan harga yang tinggi. Selepas itu beliau pergi ke pejabat tanah untuk bertanya tentang tanah itu. Barulah beliau tahu tanah itu telah dipindah milik. Mengikut siasatan ada sepasang lelaki dan perempuan telah menggunakan kad pengenalan palsu suami isteri Encik Tan Kim Kiaw untuk memohon geran baru dengan alasan geran lama telah hilang. Penipu mengemukakan butiran permohonan yang salah termasuk nombor kad pengenalan dan alamat tuan tanah.

Beliau tidak faham bagaimana penipu boleh berjaya mendapat geran baru tanah itu. Apabila tanah tersebut telah didaftar atas nama dua orang penipu itu, pada bulan Ogos 2002 penipu itu telah gadai tanah itu dengan harga murah. Mengikut Encik Tan Kim Kiaw geran tanah masih dalam simpanannya, beliau tidak faham bagaimana penipu boleh menggunakan tipu muslihat dalam permohonan untuk

mendapatkan geran baru. Tuan tanah berasa tidak puas hati dan mengadu kepada pihak polis tetapi setakat ini tidak ada sebarang jawapan. Untuk mendapatkan balik tanah ini beliau telah mengadu kepada mahkamah dan berharap boleh mendapat semula hak milik tanah tersebut.

Setelah berita penipuan harga tanah disiarkan di surat khabar ramai tuan tanah telah pergi ke pejabat tanah untuk bertanya tentang tanah mereka. MCA telah menerima 15 aduan berkenaan dengan penipuan harta tanah sehingga awal September tahun ini. Tuan tanah yang harta tanah ditipu telah pun melaporkan kepada pihak polis. Orang ramai berharap kes penipuan harga tanah tidak berulang lagi dan berharap pihak polis tidak akan mengecewakan mereka.

Kami meminta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapa aduan berkenaan kes penipuan harta tanah yang telah diterima oleh pihak polis melalui tahun 2002 hingga sekarang. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak polis. Berapa orang penipu yang telah didakwa mulai tahun 2002 hingga sekarang. Adakah pihak polis akan menubuhkan satu unit khas untuk mengendalikan dan menguruskan kes-kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh B.23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang telah diberi peruntukan RM613 juta. Saya mencadangkan Pejabat Tanah dapat menubuhkan satu tabung ataupun satu dana untuk memberi ganti rugi kepada tuan tanah atau pembeli harta tanah yang ditipu.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan geran baru tanah pemindahan milik tanah dan pendaftar pemilik tanah semuanya diuruskan oleh Pejabat Tanah. Penipuan harga tanah berkemungkinan berkaitan dengan kakitangan Pejabat Tanah. Jika ini benar, maka Pejabat Tanah harus bertanggungjawab atas kesalahan ini.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diminta menyatakan apakah komen berkenaan penipuan harga tanah ini. Adakah kementerian sedia mencadangkan pemindahan undang-undang tanah untuk melindungi tuan tanah. Adakah kementerian sedia memberi garis pandangan kepada tuan tanah untuk mengelakkan penipuan harga tanah berlaku. Apakah pandangan kementerian berkenaan dengan cadangan Pejabat Tanah untuk menubuhkan satu tabung ataupun satu dana untuk memberi ganti rugi kepada tuan tanah ataupun pembeli tanah yang ditipu.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat telah memberikan banyak contoh-contoh kes penipuan pindah milik tanah ini. Tadi saya ada minta

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua:sila Yang Berhormat. Saya ada minta Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam untuk bersedia melainkan Yang Berhormat hendak memberi laluan kepada Yang Berhormat Udam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya memberi laluan kepada sahabat saya Yang Berhormat George dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Udam @ George Adam Talek.

3.58 ptg

Udam @ George Adam Talek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini kepada saya untuk turut membahaskan Bajet Persekutuan 2005 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September 2005. Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat selaku Menteri Kewangan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana di atas kebijaksanaan beliau, dapat menyampaikan Bajet 2005 yang bersifat prihatin dan berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa Rancangan Pembangunan Lima Tahun di Malaysia dirancang dengan rapi dan teratur. Malah jentera dan proses perancangan pembangunan kita adalah terbaik di kalangan negara di rantau ini khususnya di kalangan negara-negara membangun. Lazimnya perancangan di peringkat nasional merupakan perancangan yang menyeluruh setelah mengambil kira berbagai-bagai aspek termasuk kemampuan kewangan dan kapasiti pelaksanaan agensi-agensi dan jentera kerajaan yang terlibat.

Pada awal rancangan, peruntukan yang diluluskan untuk seluruh negara diumumkan kepada setiap kementerian, negeri, jabatan dan agensi-agensi kerajaan dan juga kepada rakyat jelata melalui media massa dan kenyataan-kenyataan oleh para menteri kabinet. Lanjutan daripada itu, pengumuman mengenai program dan projek-projek yang akan dilaksanakan juga dibuat kepada rakyat. Dengan kata lain, kita bangga dengan usaha kita dapat merancang dan menyediakan peruntukan yang diperlukan untuk pembangunan sekurang-kurangnya lima tahun lebih awal. Ini

termasuk Rancangan Malaysia Kelapan yang sedang dilaksanakan sekarang dan akan berakhir pada tahun hadapan.

Yang menjadi isu sekarang ialah pelaksanaan sebilangan projek yang tidak mengikut perancangan itu tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang telah dirancangan. Projek lewat jadual atau projek yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang dipersetujui terdapat di seluruh negara dan sungguhpun bilangannya kecil, perkara seperti ini membimbangkan. Yang menjadi persoalan ialah kenapa projek tersebut tidak dapat siap dalam jangka masa yang ditentukan. Adakah ini disebabkan pemantauan pelaksanaan yang kurang berkesan oleh pihak agensi kerajaan ataupun kapasiti pelaksanaan yang tidak setanding dengan kapasiti perancangan projek tersebut.

Di Sarawak misalnya, ada beberapa projek yang dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Yang menjadi pengetahuan umum ialah beberapa projek jambatan seperti jambatan Batang Kayan di daerah Lundu dan di Batang Rejang dekat Sibu. Kedua-dua projek ini sepatutnya sudah siap dalam tahun 2003. Tetapi pada masa ini masih lagi di dalam pelaksanaan.

Jambatan Batang Kayan misalnya dijadualkan akan siap pada hujung tahun depan iaitu lewat jadual lebih dua tahun daripada jadual asal. Begitu juga dengan Jambatan Batang Rejang yang sepatutnya siap pada tahun lepas nampaknya tidak akan siap dalam tahun Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Satu lagi projek yang ketara tidak dapat disiapkan mengikut jadual ialah projek jalan raya dari Betong ke Kayu Malam di Bahagian Betong. Sungguhpun projek ini hampir siap pada masa ini, yang menjadi isu ialah kelewatan untuk menyiapkan projek ini yang begitu lama iaitu hampir dua tahun daripada jadual asal. Selain daripada itu, projek Penjara Pusat dekat Kuching dilaporkan terbengkalai sejak tiga tahun yang lepas. Tarikh siapnya yang pasti tidak diketahui buat masa ini.

Pada dasarnya kelewatan dalam melaksanakan sesuatu projek adalah perkara biasa. Isu yang relevan dalam hal ini ialah jika kelewatan tersebut disebabkan pemantauan pelaksanaan yang lemah dan kurang berkesan kerana ini boleh menjejaskan imej agensi pelaksanaan kementerian yang bertanggungjawab dan Kerajaan Persekutuan amnya.

Oleh yang demikian, adalah wajar bagi pihak yang terlibat mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan projek supaya kelewatan yang ketara tidak akan berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Perkara itu adalah dicadangkan supaya Pejabat Pembangunan Negeri memperkukuhkan jentera pemantauan projek untuk mengelakkan kelewatan dalam pelaksanaan projek Persekutuan khasnya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah merupakan salah satu daripada kementerian di peringkat Persekutuan yang dapat memainkan peranan yang penting dan diberi tanggungjawab untuk membangunkan kawasan luar bandar. Misalnya peruntukan untuk beberapa program dan projek luar bandar adalah di bawah kementerian ini. Antara program tersebut adalah Projek Jalan Kampung, Projek Bekalan Air Luar Bandar, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan juga Projek Lampu Kampung. Negeri Sarawak adalah di antara negeri yang mendapat peruntukan yang agak besar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat minta maaf. Minta duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani bagi mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini.

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Karim Ghani: Teruskan Yang Berhormat George.

Tuan Udam @ George Adam Talek: Negeri Sarawak adalah negeri di Malaysia yang mendapat peruntukan yang agak besar daripada kementerian ini iaitu Kementerian Luar Bandar dan Wilayah untuk membangunkan kawasan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Namun demikian, prestasi pelaksanaan projek yang kurang memuaskan tahun ini oleh kementerian tersebut harus diketengahkan.

Mengikut prestasi kementerian yang dilaporkan kepada kementerian Sarawak dan dimuatkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini adalah didapati bahawa kementerian tidak dapat membelanjakan sebahagian besar peruntukan yang diluluskan. Oleh itu sebahagian besar daripada peruntukan tersebut terpaksa ditarik balik kerana tidak dapat dibelanjakan sebelum hujung tahun ini. Projek Jalan

Kampung misalnya dilaporkan mencapai prestasi kurang daripada 70%, manakala untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Lampu Kampung, perbelanjaan dilaporkan adalah lebih rendah lagi iaitu kurang daripada 50%. Malah untuk projek elektrik luar bandar kontraktor bagi kawasan utara Sarawak belum dilantik lagi oleh Kerajaan Persekutuan sehingga hari ini.

Adalah dilaporkan juga bahawa beberapa projek jalan luar bandar yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia kelapan belum bermula lagi. Prestasi yang kurang memuaskan bagi projek pembangunan luar bandar di negeri Sarawak harus diambil perhatian oleh pihak yang tertentu terutamanya sebab-sebab kelewatan projek yang akhirnya menyebabkan kementerian terpaksa menarik balik peruntukan yang telah diluluskan.

Antara faktor yang harus diambil kira ialah kaedah pelaksanaan. Peruntukan untuk tahun 2003 dan 2004 bagi Projek Jalan Kampung misalnya, dikatakan tidak dapat dibelanjakan kerana perubahan dalam kaedah pelaksanaan oleh kerajaan pada pertengahan tahun ini. Perkara yang relevan di sini ialah kaedah yang digunakan di semenanjung tidak semestinya sesuai di negeri Sarawak di mana keadaan penempatan berbeza.

Selain daripada itu, pemantauan pelaksanaan oleh pihak yang bertanggungjawab haruslah dipertingkatkan supaya isu-isu dan masalah pelaksanaan boleh dikenal pasti dengan secepat mungkin. Pihak yang terlibat juga harus lebih komited untuk memantau prestasi para kontraktor dan konsultan supaya kelewatan projek dapat dikurangkan. Kementerian juga haruslah berusaha untuk memulakan projek pada awal tahun dan bukan pada penghujung tahun bilamana keadaan cuaca yang kurang baik boleh menjejaskan pelaksanaan projek.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri kita telah mengumumkan bahawa satu kaedah baru akan diperkenalkan untuk mengukur kadar kemiskinan di negara kita. Dalam pada itu, kerajaan telah menganggarkan bahawa kadar kemiskinan yang lebih rendah akan dapat dicapai di kalangan rakyat hasil daripada program pembangunan dan usaha gigih oleh kerajaan di peringkat Persekutuan ataupun negeri untuk menangani isu kemiskinan.

Namun demikian, adalah perkara yang sukar untuk membasmi kemiskinan sepenuhnya di kalangan rakyat terutamanya di beberapa kawasan luar bandar di Sarawak. Sebuah akhbar tempatan di Sarawak tidak lama dahulu misalnya telah

melaporkan kadar kemiskinan yang lebih tinggi di kawasan luar bandar di Sarawak iaitu hasil kajian oleh beberapa penyelidik sosial tempatan. Sungguhpun kadar yang dilabelkan dipertikaikan oleh beberapa pihak, yang penting ialah laporan tersebut menunjukkan bahawa kadar kemiskinan yang agak tinggi masih terdapat di beberapa tempat di Sarawak. Seperti yang saya telah cadangkan pada persidangan yang lepas keadaan kemiskinan di kalangan kaum minoriti di Sarawak akan hanya dapat diketahui dengan adanya kajian yang spesifik dan ditumpukan pada kaum tersebut.

Oleh itu sekali lagi saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menjalankan satu kajian untuk mengetahui keadaan kemiskinan sebenar di beberapa daerah seperti di Belaga, Kapit dan Murudi. Pendek kata tumpuan haruslah diberi kepada golongan etnik di pedalaman negeri Sarawak. Sekiranya jurang di antara kaum yang sudah maju di kawasan bandar dengan yang masih mundur di kawasan luar bandar akan diperkecilkan. Untuk daerah Belaga misalnya satu kajian khas harus dijalankan untuk menentukan keadaan kemiskinan di kalangan kaum orang hulu yang terpaksa berpindah akibat pembinaan Projek Bakun. Hasil kajian nanti boleh digunakan untuk merancang dan melaksanakan program-program khas kepada golongan ini. Adalah disarankan supaya pihak Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah yang patut untuk menjalankan kajian seperti ini dalam masa terdekat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi di bawahnya memainkan peranan yang penting untuk memastikan negara selamat daripada ancaman luar termasuk kemasukan warganegara asing tanpa izin.

Pada masa ini, keadaan keselamatan pada amnya adalah terkawal dan kita tidak menghadapi sebarang masalah keselamatan yang besar. Namun demikian, keadaan keselamatan di beberapa kawasan sempadan Sarawak dan Kalimantan harus diberi perhatian. Seperti mana yang diketahui umum, terdapat beberapa kawasan di sempadan antara Sarawak dan Kalimantan telah dikenal pasti untuk pembinaan projek *Custom, Immigration and Quarantine (CIQ)*, dengan izin ataupun projek *border post*. Projek seperti ini didirikan untuk memudahkan kemasukan warga negara jiran negeri Sarawak dan sebaliknya secara sah dan terkawal. Antara kawasan tersebut ialah di Serikin di daerah Bau, Lubuk Antu terdekat Sri Aman dan juga di

beberapa kawasan di bahagian Limbang di sempadan Sarawak dengan Brunei tanpa pintu masuk yang sah, jalan-jalan tikus digunakan.

Antara kawasan yang menjadi isu sejak kebelakangan ini ialah Serikin dan Lubuk Antu yang terkenal sebagai pintu masuk dan pintu keluar bagi penjenayah khususnya mereka yang mencuri kenderaan dari Sarawak. Malah pihak yang berkuasa telah mengenal pasti beberapa jalan tikus yang digunakan oleh pencuri untuk membawa keluar kereta-kereta yang dicuri di Sarawak untuk dijual di Kalimantan. Sungguhpun keadaan sekarang dikatakan terkawal, langkah jangka masa panjang harus dititikberatkan untuk menangani masalah ini.

Tuan di-Pertua, adalah dicadangkan supaya kementerian memberi keutamaan kepada perancangan dan pelaksanaan dalam projek CIQ di tempat-tempat yang strategik khususnya di Serikai dan Lubuk Antu supaya kemasukan warga negara asing dari negara jiran ke Sarawak dapat dikawal.

Dalam pada itu, kes kecurian dan jenayah-jenayah yang lain yang melibatkan warganegara jiran di bandar-bandar seperti Kuching, Sibu dan Sri Aman di Sarawak dapat dikurangkan. Apa yang penting ialah kementerian yang berkenaan tidak menangguhkan pelaksanaan projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Sebaliknya peruntukan yang telah diluluskan haruslah digunakan.

Tuan di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian saya turut sokong penuh Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September yang lalu. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat George, sekarang saya menjemput Dato' Vijayaratnam untuk mengambil bahagian.

4.14ptg

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya membahaskan Rang Undang-undang DR.18/2006. Tuan di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan saya dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan juga kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed Yakcop Menteri Kewangan kedua di atas pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 baru-baru ini tajuknya yang berbunyi 'Menjamin Kesyukuran Kejayaan'. Tuan di-Pertua,

izinkan saya teruskan kepada beberapa kementerian yang disenaraikan di bawah bil tersebut.

Pertama ialah Jabatan Perdana Menteri. Di sini saya ingin menyentuh kepada Badan Pencegah Rasuah yang anggaran perbelanjaannya ialah RM76.4 juta. Tuan di-Pertua, ahli korporat harus mengikuti nasihat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, iaitu jangan menggunakan cara-cara berasuah di dalam operasinya, sama ada di sektor awam atau di sektor swasta. Malangnya kelakuan begini wujud di dalam masyarakat kita semakin lama dan tidak akan membantu atau mempromosikan dasar keselesaan perniagaan kerajaan ataupun *business friendly policy*, dengan izin. Masalahnya ialah apabila sudah biasa menggunakan rasuah begitu susah meninggalkannya. Sudah sampai satu keadaan dengan izin, *win-win situation* di mana yang memberi dan yang menerima kedua-duanya pun gembira dan berpuas hati.

Izinkan saya sebut dari perkataan Lord Acton dari United Kingdom, "*Power corrupts, and absolute power corrupts absolutely*, dengan izin.

Tetapi mereka gagal melihat gambaran besar. Jika rasuah terus dibenarkan tanpa tindakan, imej Malaysia akan gagal. Di dalam satu dunia yang *globalize*, satu dunia tanpa sempadan, pelabur-pelabur...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan di-Pertua, minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan di-Pertua, saya ingin mendapatkan sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam tentang aspek rasuah yang telah dibangkitkan tadi. Adakah itu disebabkan juga oleh sistem penyampaian kerana apabila sesuatu pihak itu memerlukan kelulusan dan sebagainya untuk sesuatu. Kalau ia dilambat-lambatkan ia akan menanggung banyak kerugian dan mungkin lebih murah bagi mereka untuk selesai dengan pihak ini dan lebih cepat untuk mendapatkan kelulusan dan pada akhirnya mungkin boleh menjimatkan perbelanjaan dan sebagainya. Adakah pada pendapat Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam itu dengan membetulkan sistem penyampaian itu maka perkara ini akan dihapuskan langsung? Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Ya, Dato' Dr. Chin Fook Weng bererti ada pelincir, *[Ketawa]* Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada sahabat saya Dato' Dr. Chin. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua sebut tadi ialah ini ada pelincir ataupun *Shell Helix* kalau saya boleh kata. Apa yang disebut oleh Dato' Dr. Chin memang berkaitan dengan apa saya sebutkan dalam perbahasan saya. Saya percaya jika sistem penyampaian kerajaan di kaunter-kaunter kerajaan, di jabatan-jabatan, jika sistem penyampaian satu *delivery system* akan dipertingkatkan, saya percaya rasuah itu pun akan kurang oleh kerana tidak ada keperluan untuk 'minyak pelincir.' Saya percaya kecekapan jabatan-jabatan kerajaan sangat penting untuk mengurangkan keperluan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur tidak akan datang ke Malaysia dan mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti rasuah dialah yang akan menjadi mangsa iaitu firma-firma besar dan *corporation*. Peluang-peluang untuk rakyat menaik taraf dan menjadi kaya pun akan hilang. Tuan Yang di-Pertua, negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan, Vietnam dan China telah pun belajar secara keras ataupun *learn the hard way*, dengan izin bahawa rasuah harus ditolak dan kini mengambil langkah-langkah tegas untuk mengatasi masalah ini. Mereka yang terlibat di dalam rasuah yang serius dan dengan wang amaun yang begitu besar, berjuta-juta dolar Amerika, orang-orang seperti ini boleh dihukum mati di mahkamah di Vietnam dan China.

Apa yang harus kita mengiktiraf ialah rasuah tidak akan berfaedah dalam jangka masa panjang. Ada juga negara-negara yang mencapai kemerdekaannya pada tahun 1950-an dan 1960-an yang menunjukkan tanda-tanda harapan besar pada masa itu tetapi telah menjadi miskin tanpa undang-undang dan berhutang kepada bank-bank antarabangsa dan negara-negara Barat oleh kerana masalah rasuah yang timbul. Pada kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, dan pada beberapa tahun selepas itu kita mempunyai nama baik untuk pentadbiran awam terpuji dan sistem kehakiman yang bebas. Rasuah pun boleh dikatakan tiada wujud ataupun sedikit sahaja. Malangnya keadaan sekarang tidak begitu. Jika tidak dikawal ia akan merosakkan dan menjejaskan negara. Ini termasuk politik kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri begitu komited untuk mencegah masalah rasuah. Ini boleh dicapai dengan kerjasama golongan korporat, organisasi-organisasi dan pertubuhan-pertubuhan NGO seperti *Transparency International Malaysia* dan lain-lain yang ingin menggalakkan dan memberi tekanan kepada falsafah korporat dan pentadbiran yang

baik harus memainkan peranan besar meningkatkan kesedaran orang-orang awam kepada perkara rasuah. Mereka mempromosi *good corporate governance*, dengan izin. Ada harapan lagi untuk negara menjadi sesuatu yang cemerlang mengatasi masalah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kewangan saya ingin menyentuh dua perkara. Pertama, ialah subsidi minyak atau subsidi petroleum. Peningkatan harga minyak dunia ada sesuatu yang membimbangkan. Pada masa ini harga minyak mentah ringan ataupun *New York Light Crude*, dengan izin lebih kurang USD50 setong, tetapi baru-baru ini ada kurang sedikit. Pada awal tahun ini tiada siapa boleh buat anggaran bahawa harga minyak boleh sampai USD40.. Sekarang ada juga taksiran atau *estimate*, dengan izin yang harganya boleh sampai USD60 satu tong. Harga minyak tinggi telah memperlahankan ekonomi dunia. Negara-negara di Asia seperti Jepun, Korea Selatan, China, Filipina dan Thailand akan merasa kesan buruknya termasuk juga India, Pakistan dan Sri Lanka.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia bernasib baik kerana rizab minyak dan gas semula jadi di bawah tanah dan laut negara kita masih ada. Walau bagaimanapun, kerajaan akan menghadapi keputusan atas dasar khasnya soal subsidi atau bayaran bantuan. Mengapa kita ada subsidi, Tuan Yang di-Pertua? Subsidi tersebut pertamanya harus dikawal supaya inflasi tidak meningkat. Jika harga barang naik, kita menghadapi ketidakpuasan rakyat dan ini akibatnya ialah keadaan sosial yang tidak selesa atau tidak stabil. Subsidi sebaliknya harus diselaraskan atau *diadjust*, dengan izin, dan membantu kadar pembangunan ekonomi.

Point akhir subsidi tidak boleh menjejaskan sumber-sumber kewangan kerajaan sampai satu tahap di mana orang kaya sahaja berfaedah dengan dasar subsidi. Tuan Yang di-Pertua, apakah subsidi itu? Di dalam satu ekonomi pasaran bebas atau *free market economy*, dengan izin, harga sesuatu barang atau sesuatu perkhidmatan mesti ditetapkan oleh prinsip-prinsip pembekalan dan keperluan, *supply and demand*, dengan izin. Namun, pengguna-pengguna mesti bayar jika mereka hendak benda berkenaan, tetapi semua negara-negara dunia memberi subsidi, bukan Malaysia sahaja. Oleh kerana bukannya subsidi tersebut tidak baik, contohnya jika satu kerajaan tidak memberi subsidi kepada sektor kesihatan, pendidikan dan pengangkutan golongan besar populasi tidak mampu menggunakan hospital-hospital kerajaan, sekolah-sekolah, biasiswa, jalan raya, bas dan kereta api. Apa lagi

dengan golongan miskin, kurang upaya dan mereka yang diketepikan (*marginalized*), dengan izin.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, subsidi itu memang perlu tetapi harus dikawal. Saya merayu kepada rakyat kita supaya sedarlah di atas langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk kebaikan semua lapisan masyarakat. Rakyat mesti faham mengapa kerajaan harus menaikkan harga minyak sedikit. Sebagai contoh, walaupun harga minyak petrol baru-baru ini naik lima sen satu liter, kerajaan pula kena meningkatkan subsidiya enam sen satu liter, lebih daripada dahulu.

Mengikut anggaran Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed, jika harga minyak mentah sampai ke tahap USD60 setong, subsidi kerajaan untuk satu liter akan meningkat kepada 26.7 sen satu liter, Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan subsidi sekarang sebanyak 14.6 sen. Subsidi minyak diesel adalah yang paling tinggi yang mana jika tidak ada subsidi, minyak diesel terpaksa dijual pada harga RM1.40 sen seliter berbanding dengan harga pam sekarang lebih kurang 80 sen satu liter. Kalau harga minyak mentah berada pada harga USD50 satu tong untuk selama setahun, jumlah subsidi yang akan dibayar oleh kerajaan ialah RM5.5 bilion. Rakyat kita mesti diberi pengetahuan bahawa kerajaan tidak boleh selalu meningkatkan subsidi untuk minyak walaupun Malaysia adalah lebih sebagai sebuah negara pengekspor minyak daripada pengimport (*net exporter*), dengan izin.

Minyak itu adalah satu sumber yang terhad. Kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai rizab minyak untuk 20 atau 30 tahun sahaja lagi. Macam mana selepas itu? Apa akan jadi? Oleh yang demikian, saya harap rakyat menerima prinsip kepentingan menjimatkan minyak. Semasa krisis minyak tahun 1970-an, ada negara-negara yang mengambil langkah-langkah menjimatkan dan mengurangkan penggunaan minyak seperti mengurangkan penggunaan *aircond*, dan jika perlu sahaja pakai kereta dan dalam satu kereta pun bukan seorang, mesti ada empat penumpang.

Di Eropah pun mereka menggalakkan rakyatnya menggunakan basikal. Rakyat kita harus dididik untuk menilai minyak. Jika ia sentiasa disubsidikan oleh kerajaan supaya harganya tidak naik walaupun harga minyak dunia meningkat, prinsip dan kepentingan menjimatkan minyak akan hilang. Boleh jadi rakyat membazirkan satu komoditi yang begitu berharga seperti emas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya mempunyai sedikit perangkaan bahawa boleh dikatakan di Asia, kecuali

Indonesia dan Brunei, harga minyak petrol dan diesel di Malaysia adalah yang paling rendah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai perkara bank. Pelanggan-pelanggan bank akan bergembira di atas pengumuman Bank Negara bahawa garis panduan-garis panduan baru akan dibuat bagi memastikan perkhidmatan asas akan ditawarkan oleh bank-bank dengan kos minimum. Boleh dikatakan pemantauan perkhidmatan dan urusan bank-bank di Malaysia akan dinaik taraf.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini ramai yang telah menyebutkan ketidakpuasan hati di atas kelebihan caj-caj yang kadangkala tidak pun perlu. Mereka menyatakan bahawa bank-bank harus memberi tumpuan untuk meningkatkan taraf perkhidmatannya supaya pelanggan-pelanggannya berselesa (*customer-friendly service*), dengan izin. Termasuk di dalam garis panduan tersebut ialah memberi saluran atau peluang untuk pelanggan-pelanggan bank merakamkan aduan-aduannya terus kepada Bank Negara. Di antara bayaran-bayaran yang dilaksanakan oleh bank komersial dan dibantah oleh orang ramai ialah:

- (i) caj RM20 jika akaun simpanan atau akaun ditutup sebelum enam bulan;
- (ii) bayaran RM5 jika cek peribadi dibentangkan di cawangan lain bank berkenaan;
- (iii) caj RM60 untuk memenuhi akaun simpanan yang lebih diguna (*top-up overdrawn account*), dengan izin, jika ia dibuat melalui telefon;
- (iv) bayaran RM10 setiap bulan untuk akaun peribadi jika kurang daripada RM1,000;
- (v) fi RM12 setiap tahun untuk cara perbankan melalui laman web ataupun *internet banking*;
- (vi) caj RM5 hingga RM10 iaitu lebih kurang RM1 satu muka jika *statement* akaun semasa diminta melalui internet;
- (vii) caj 50 sen jika lebih dari empat pengeluaran dibuat di mesin ATM setiap bulan;
- (viii) caj 50 sen untuk bayaran bil di ATM;
- (ix) bayaran perkhidmatan RM2 untuk memasukkan tiap-tiap 100 keping nota wang jika lebih daripada 300 keping yang pertama;

- (x) denda RM200 untuk cek yang dikembalikan di atas sebab tidak cukup duit dalam akaun;
- (xi) denda RM50 jika buku cek baru tidak dikutip selepas 30 hari;
- (xii) surcaj RM5 setiap bulan untuk amaun akaun semasa yang kurang daripada RM3,000 dan RM10 jika kurang daripada RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank di negara kita boleh dikatakan teguh dan keuntungannya tahun demi tahun berjumlah berbilion-bilion. Apakah rasional untuk melaksanakan berbagai-bagai caj atau bayaran, itu pun bayaran kecil kepada pelanggan-pelanggan, Tuan Yang di-Pertua. Dulu tidak ada. Sebenarnya dengan lebih bilangan pelanggan pada masa sekarang maka simpanan-simpanan di bank-bank sudah lebih dan tinggi dengan kadar pembangunan negara yang begitu menarik bersama dengan kadar inflasi yang rendah, perniagaan dan peluang untuk bank sangat menarik dan baik, mesti ada keuntungan yang besar. Mengapakah bank-bank memaksa pelanggan-pelanggan kecil untuk membayar caj ini dan caj itu? Saya harap semua atau sebahagian daripadanya dapat diserap atau ditanggung oleh bank.

Oleh kerana itu pemantauan dan perhatian yang diberi oleh Bank Negara supaya perkhidmatan bank-bank komersial di Malaysia lebih adil adalah amat dihargai.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit pandangan tentang isu ini. Tadi semasa kita mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratham tentang subsidi kepada petroleum dan sebagainya, beliau telah menyatakan bahawa kita kena mendidik para pengguna tentang aspek ini supaya mereka menghargai. Adakah bank juga mengikut contoh kerajaan mengenakan caj kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan dan dengan itu kami menghargai bahawa ada perkhidmatan semacam ini. Kalau semua perkhidmatan diberikan secara percuma mungkin pelanggan tidak menghargai. Adakah kita boleh samakan kedua-dua tindakan itu? Terima kasih..

Datuk Haji Karim Ghani: Dato' Dr. Vijayaratham.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng di atas satu soalan yang begitu sukar untuk menjawabnya tetapi pada pandangan saya, kedua-dua perkara ini tidak ada berkaitan.

Petroleum itu, kita akan sampai satu tahap yang kritikal oleh kerana *reserve* kita macam yang saya katakan tadi, untuk 20 atau 30 tahun lagi, kita harus jimat, tetapi ini perkhidmatan bank lain. Bank itu ialah syarikat-syarikat swasta - komersial dan mereka membuat keuntungan daripada pelanggan-pelanggannya. Pelanggan ada hak untuk menggunakan semua perkhidmatan yang diberi atau kemudahan yang diberi oleh bank dengan kos minimum. Mengapa caj sini dan caj sana dan bank-bank itu pun untung banyak tiap-tiap tahun. So, saya percaya, petroleum ini tidak boleh pakai; petroleum lain.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: *[Bangun]*

Datuk Haji Karim Ghani: Laluan?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan caj bank ini. Adakah dengan caj bank yang untungnya begitu banyak sehingga berbilion-bilion ringgit setiap tahun, yang menyebabkan bahawa pinjaman perniagaan sekarang ini sudah sukar ataupun tidak berapa digemari oleh bank disebabkan keuntungan yang ada daripada caj yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi, menyebabkan bahawa pinjaman perniagaan yang sepatutnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi langsung tidak diambil endah oleh pihak bank. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Datuk Dr. S. Vijayarajam, sila teruskan.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan. Ini pun satu soalan yang payah hendak dijawab oleh kerana saya percaya kadar pinjaman oleh bank-bank ditetapkan oleh Bank Negara dan walaupun ada marginnya, tetapi tidak boleh lari banyak. Caj-caj bank itu saya kira hal lain, tetapi bank caj untuk perkhidmatan kecil-kecilan sahaja, bukannya yang besar. So, saya percaya tidak ada berkaitan dengan pinjaman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sahabat saya, Datuk Roslan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ke Kementerian Luar Negeri. Tuan Yang di-Pertua, di sini benarkan saya membahaskan sedikit di atas usaha-usaha Wisma Putra melaksanakan satu dasar luar negara yang bermakna, yang akan wujud pada masa hadapan. Saya ingin merujuk kepada Persatuan ASEAN dan khasnya merujuk kepada dua negara iaitu Myanmar (Burma) dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, dasar di mana negara-negara ASEAN tidak boleh campur tangan dengan hal ehwal dalaman masing-masing tidak berapa ada talian ataupun *relevant*, dengan izin di dunia tanpa sempadan dan *globalize* zaman sekarang. Misalnya jika kita nampak jiran kita membuat zalim kepada isteri atau anak-anaknya, bolehkah kita katakan, "oh, itu bukan hal saya". Saya rasa tidak. Jika jiran pukul dan mencederakan keluarganya, bukankah tanggungjawab kita mengambil tindakan yang wajar ataupun laporkan kepada pihak polis. Saya rasa prinsip-prinsip ini boleh diikuti di ASEAN, juga di mana semua negaranya dikira sebagai jiran.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah dijalankan satu mesyuarat yang bertajuk, *Workshop of ASEAN Parliamentarians on The Myanmar Issue*, dengan izin di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh lebih kurang 30 Ahli-ahli Parlimen dari Rantau Asia Tenggara termasuk Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura dan Malaysia. Di antara keputusan-keputusan yang telah dicapai ialah pertubuhan satu *caucus* ataupun persatuan Ahli-ahli Parlimen ASEAN tentang isu Myanmar. Usaha ini telah pun berjaya dan Pengerusi *caucus* tersebut ialah Datuk Mohd. Zaid Ibrahim, Ahli Parlimen Kota Bharu. Mesyuarat tersebut mengiktirafkan bahawa;

- (i) Dasar Perhubungan Konstruktif setakat ini dengan Kerajaan Myanmar tidak mencapai keputusan atau hasrat Kerajaan-kerajaan ASEAN;
- (ii) Myanmar tidak boleh dibenarkan mengambil jawatan Pengerusi ASEAN mengikut giliran pada tahun 2006 tanpa menjalankan penukaran sistem pemerintahan di negaranya, iaitu tanda-tanda tulin dan tetap yang mereka sedang mengikut peta jalan ataupun *road map* ke satu kerajaan berdemokrasi yang dipilih oleh rakyat jelata. Jika negara-negara ASEAN tidak minat dalam hal ehwal dalaman Myanmar, rejim tenteranya akan menubuhkan satu kerajaan boneka ataupun *puppet government* dengan izin, yang dikawal penuh oleh jeneral-jeneral angkatan tentera.

Mesyuarat di Kuala Lumpur tersebut dalam kenyataan akhbaranya meminta pihak berkuasa di Myanmar membebaskan Puan Aung San Suu Kyi dengan sertamerta tanpa syarat-syarat kerana beliau adalah pemimpin yang disahkan oleh rakyat Myanmar pada pilihan raya tahun 1990. Duta Khas Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri

Razali Ismail dibenarkan masuk ke negara Myanmar tanpa halangan apa-apa supaya beliau dapat meneruskan tugas beliau. Kerajaan Myanmar yang dipanggil SPDC sekarang memberhentikan semua perbuatan hina yang bercanggah dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia oleh angkatan tenteranya, iaitu penyeksaan ataupun penderaan, rogol dan jenayah lain ke atas rakyat yang tidak bersalah, yang tidak berdosa. Kita merayu kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membawa isu Myanmar ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya memberi tumpuan kepada perkara tersebut yang keadaannya begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya harap juga perkara ketidakadilan Kerajaan Myanmar dapat diambil perhatian oleh Ahli-ahli Parlimen kita di Malaysia khususnya sahabat-sahabat saya di Dewan Negara, dan saya minta sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh *caucus* Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan *caucus* Ahli-ahli Parlimen ASEAN terhadap Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang mengecewakan ialah keadaan di Selatan Thailand, terutama sekali di Pattani, Yala dan Narathiwat. Perlakuan-perlakuan sengit atau *violent*, dengan izin, yang melibatkan golongan rakyat Muslim oleh Angkatan Tentera dan Polis Thai tidak boleh diterima.

- (i) kejadian di sebuah masjid lama dan bersejarah, di mana beberapa orang yang dikatakan pemberontak ditembak mati oleh tentera;
- (ii) perlakuan di stesen Polis Takbai, Narathiwat, tidak berapa lama dahulu, di mana penunjuk-penunjuk perasaan ditangkap dan dipaksa tidur berlapis-lapis satu atas satu di lori seperti kayu balak, seramai 85 orang telah meninggal dunia oleh kerana tidak boleh bernafas. Dukacitanya penjelasan-penjelasan yang diberi oleh pihak berkuasa Thai tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara jiran Thai, kita sedar bahawa apa sahaja perlakuan yang terjadi di sempadan Malaysia/Thai harus ada kesannya di negara kita. Setiap hari beribu-ribu orang melintas sempadan tersebut untuk bekerja, untuk melancong atau untuk perdagangan. Kita tidak mahu situasi ketidakstabilan di Selatan Thailand membawa kesan-kesan negatif atau kurang selesa ke negara kita. Walaupun kita menerima kewujudan anasir-anasir subversif atau anasir-anasir jahat di antara rakyat Selatan Thailand yang menyerang anggota-anggota penguatkuasa

undang-undang Thai dan pegawai-pegawai pentadbirannya, tetapi tindak balas pihak Thai haruslah dijalankan dengan betul, ianya mesti mengambil kira perasaan rakyat di situ dan tindak balas dendam sahaja bukanlah jawapannya dan tidak akan membawa faedah kepada sesiapa pun.

Kita menghargai kenyataan-kenyataan

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Tuan Wan Nordin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam. Sebagai seorang Islam saya merasa kagum dan ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam kerana membangkitkan permasalahan yang berlaku di Thailand. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, sila teruskan.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuan Wan Nordin dan Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa walaupun mereka yang terlibat adalah orang Islam tetapi ini juga suatu perkara hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kita menghargai kenyataan-kenyataan Titah dan cadangan-cadangan keamanan dan kedamaian oleh Yang Maha Mulia Raja Thai dan Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Thai. Kita merayu kepada Kerajaan Thailand mengikut cadangan dan nasihat Baginda berdua untuk mengatasi masalah pencerobohan keamanan di negaranya supaya keadaan yang stabil akan kembali di situ, yang akan berfaedah untuk Thailand dan juga Malaysia. Saya harap juga Kerajaan Malaysia berusaha secara diplomatik dan memberi bantuan dan nasihat kepada pihak Thai supaya kestabilan dan keamanan dapat dicapai di Selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas sedikit tentang Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang diberi peruntukan sejumlah RM1.9 bilion. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakyat mengalu-alukan kenyataan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik bahawa rangkaian Menara-menara Telekomunikasi akan dilebarkan. Jika perlu Kerajaan Persekutuan akan menggunakan Akta Memperolehi Tanah untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada satu kenyataan akhbar dari *STAR*, di mana Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik yang mengatakan pada masa ini ada 9,000 Menara Telekomunikasi dan diperlukan 6,000 lagi untuk liputan yang lebih baik dan juga perkhidmatan *Broadband Wireless Internet* di negara kita. Beliau juga berkata bahawa kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan-kerajaan tempatan mesti bekerjasama memberi tapak-tapak untuk menara-menara tersebut.

Oleh kerana pada ketika itu, memanglah susah sedikit mereka menyerahkan tanah untuk membina menara-menara dan kementerian pun telah mengenal pasti lebih kurang 6,000 tapak di negara dan telah pun menulis surat kepada kerajaan-kerajaan negeri tentang masalah ini. Saya harap kerjasama yang diminta akan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara di Asia Timur dan Asia Selatan mempunyai liputan telefon bimbit yang begitu luas dan *extensive*. Di negara China dan India, di tempat-tempat desa dan di kawasan hulu pun boleh kita gunakan telefon berse/, tetapi malangnya di Malaysia dan juga di tempat-tempat di dalam bandar atau di sekitar bandar di mana telefon-telefon bimbit payah mendapat *signal*.

Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bangun*]

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri minta laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah sebabnya di negara China, India, malah Indonesia juga boleh mendapat liputan telefon bimbit ini, walaupun di kawasan hulu-hulu seperti yang telah disebutkan tadi. Fasal apa begitu dan saya lihat di negara-negara itu tidak menggunakan menara, kenapa negara kita ini mesti menggunakan menara? Saya juga ingin memberitahu, di katakan ada syarikat-syarikat tertentu, apabila ada orang yang hendak menawarkan tanah mereka untuk tujuan pembinaan menara itu, kerana dikatakan tanah itu boleh disewa dengan harga sehingga RM1,500 hingga RM1,800 satu bulan, tetapi syarikat-syarikat tersebut menolak tawaran tersebut.

Saya pernah tawarkan tanah saya juga, tetapi orang tidak mahu tanah itu kerana dia kata, ada sahabat dia yang lain yang menawarkan tanah itu. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Karim Ghani: Teruskan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Ustaz Hassan. Soalan pertama itu saya rasa satu soalan teknikal. Pendapat saya ialah menara tersebut perlu tetapi saya pun tidak tahu di India dan di China mereka tidak pakai menara. Barangkali ada teknologi baru atau menara tersembunyi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta sekali lagi laluan Tuan Yang di-Pertua. Adakah mereka itu menggunakan satelit ataupun macam mana kerana saya ingat itu tidak menggunakan menara satelit ini.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi jugamereka menggunakan satelit. Mengenai penyerahan tanah itu saya tidak dapat jawab mengapa orang yang menyerahkan tanah, mereka tidak mahu ambil. Ini ada pasal politikkah saya tidak tahulah. Tetapi saya ingat pada masa dahulu zaman telefon mobil 011 yang pertama yang dipakai di dalam kereta, walaupun suara atau bunyinya tidak berapa jelas tetapi boleh dipakai di mana-mana juga, di dalam hutan pun boleh, di Tasik Pedu, di Tasik Kenyir dan sebagainya. Saya sendiri ada pakai dahulu, tetapi nampaknya kita tidak sama taraf dengan peningkatan teknologi. Saya harap semua syarikat telefon bimbit dapat bekerjasama dan berkongsi membina menara-menara tersebut supaya mendapat liputan penuh di seluruh Malaysia. Saya harap juga kementerian akan berusaha...

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Sila

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya jiran tetangga yang sudi memberi laluan kepada saya. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan pembinaan dan pengambilan tanah seperti mana untuk pembinaan yang dipanggil *site*. 6,000 *site* yang dicadangkan oleh Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi ini saya melihat walaupun di peringkat awalnya pihak kementerian telah mengalami masalah terutamanya berhubung dengan perkembangan pembinaan menara ini tidak selari dengan perkembangan pembangunan prasarana dan sebagainya. Misalnya lebuhraya, sepatutnya apabila setiap rangkaian lebuhraya ataupun jalan-jalan raya utama yang dibuat, walaupun jalan raya itu adalah jalan raya berkenaan tidak melalui

kawasan-kawasan kediaman, macam lebu raya daripada Simpang Pulai ke Cameron Highlands, ke Kuala Berang yang memang penghuninya kalau adapun memang sedikit, tetapi sepatutnya kajian terperinci dibuat, apabila jalan raya dibina bermakna akan ada pengguna, ini amat penting dan kita tidak nafikan.

Adakah pihak kementerian di peringkat awalnya sama ada kementerian tidak - saya tidak mengatakan tidak peka pada masalah ini, sama ada tidak membuat perbincangan kerana kita bertanya ada soalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan di Dewan yang mulia ini dan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa itu dengan mengatakan bahawa dalam keadaan sekarang kementerian ini adalah sebuah kementerian yang baru ditubuhkan dan kita perlu ada sekurang-kurangnya unit kawal selia yang mengawasi setiap pergerakan baik di peringkat pengurusan, baik di peringkat pelaksanaan, baik di peringkat pengguna dan sebagainya apa sahaja. Maknanya kawal selia kementerian yang ditugaskan ini untuk mengawasi urusan yang berkaitan dengan telefon *cellular*, yang berkaitan dengan TV swasta, semuanya sentiasa membuat pemantauan rapi seperti mana yang dibuat oleh Unit Kawal Selia Padi Besar Negara yang sentiasa memantau setiap perjalanan harga beras, *transfer* padi, import beras, semua kuasa-kuasa diberikan kepada Unit Kawal Selia ini.

Jadi dengan ini kita melihat kalau sekiranya ada kelemahan macam mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ustaz Hassan tadi memanglah ada syarikat telekomunikasi di negara kita yang sudah ada satelit, tetapi ada yang belum ada satelit jadi kemungkinan apa yang cuba dibuat oleh pihak kementerian dengan cadangan ini mungkin konsep perkongsian, macam perkongsian kalau katalah PAS bercadang hendak masuk Barisan Nasional itu konsep perkongsianlah. Lebih kurang macam itulah. Perkongsian, mungkin dalam satu *tower* itu dia syer - 01 pun ada di situ yang mana syarikat yang berdaftar di Malaysia untuk 01 atau berapa pun dia akan menggunakan *tower* atau *site* yang sama.

Tahniah diucapkan kepada kementerian. Apabila kita timbulkan pada tahun lepas soalan yang hampir-hampir sama oleh rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Datuk Dr Lim selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan segera supaya lesen mengendalikan *site* ataupun *tower* ini tidak hanya diberi kepada satu syarikat sahaja, tetapi sebaliknya kementerian telah mengorak langkah supaya kawalannya lebih baik, pelaksanaannya lebih baik dan perancangannya lebih baik iaitu dengan menganugerahkan lesen ini

kepada setiap negeri di bawah kawal selia kerajaan negeri bersama-sama turut mengawasi keadaan ini.

Bermakna kalau kita sudah benarkan syarikat swasta menjalankan urusan ini, makna kita tidak boleh lepas tangan. Kawalan kerajaan harus ada. Macam terlepas pandang tadi ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah dan sebagainya lebih kurang macam rancangan TV swastalah, kadang-kadang kita terlepas pandang dia akan curi-curi siarkan benda-benda yang dilarang oleh akta, ataupun yang bertentangan dengan moral dan sebagainya ia akan berjalan. Tetapi kalau ada pemantauan berterusan dan pihak kementerian pada mulanya di peringkat awal dahulu mungkin di kalangan kita ada sedikit serba salah dari segi kuasa mengendalikannya. Macam Kementerian Penerangan kata Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi berebut kuasa di situ, sekarang sudah jelas. Kalau yang swasta pergi sini. Contoh di situ.

Jadi kita berharap dengan kedudukan pelaksanaan kuasa yang lebih jelas di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini dan dengan pelaksanaan *site* dan juga *tower* ini seperti mana yang dirancangkan menerusi kerjasama kerajaan negeri, saya rasa soal pengambilan tanah - Ustaz Hassan, saya hendak jawab sikit, saya tahu sikit-sikit, macam Ustaz Hassan kata tadi bukan soal kita hendak bagi, tetapi kesesuaiannya ia ada satu alat untuk *test* lebih kurang, bermakna laluan gelombang itu dia boleh lalu dengan tanah ustaz Hassan, bermakna tanah ustaz Hassan tidak sesuai untuk laluan gelombang maka tidak diambillah. Tetapi kalau sesuai dengan laluan - ia ada alat untuk menguji sebenarnya. Saya pun pernah menawarkan tanah saya tetapi tidak diambil kerana tidak sesuai. Katanya itu bukan laluan, itu kata pihak yang terlibat, bukan cakap saya, saya hanya menyampaikan sahaja.

Jadi, kita berharap apabila perkara ini telah dibawa oleh kementerian secara rasmi untuk pengetahuan menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri di seluruh negara, saya tengok Selangor telah beri respons awal untuk semua urusan pengambilan tanah telah pun diarahkan oleh Menteri Besar kepada pihak yang berkenaan seperti Pejabat Tanah, KPTG Unit Pengambilan dan sebagainya dengan sekadar yang segera untuk memastikan kelancaran pelaksanaan *tower* ini dan juga pemberian kepada syarikat. Semua syarikat dibenarkan kerajaan negeri menentukan. Sampai macam itu kementerian beri kerana kementerian hendak *delegate* kuasa supaya ia lebih jelas dan kita *coordinate* balik bersama-sama dengan kerajaan negeri

supaya segala permasalahan seperti mana kemalangan yang berlaku kepada rakan kita ketika bercakap dengan telefon di atas landasan kereta api tidak berulang kerana dia cari *line* dia tidak sedar kereta api sudah dekat dan langgar dia. Ini kita tidak mahu benda ini terjadi.

Sebab itulah kalau dua atau tiga insiden yang berlaku kita anggap sebagai permasalahan yang harus diatasi dengan kadar yang segera. Kita lihat perkara ini sebenarnya sudah pun berjalan dengan lancar dan kita mahu bergerak selari dengan kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara di Eropah yang di sudut mana pun semua talian telefon ataupun rangkaian ini didapati oleh pihak pengguna yang kita membayar dan kita berurusan dalam semua keadaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Terima kasih. Teruskan Datuk Dr. Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada rakan dan jiran saya Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim yang sudah jawab soalan yang ditanyakan kepada saya dan juga memberi pandangan-pandangan tentang kawal selia dan sebagainya. Saya harap pegawai-pegawai kementerian pun akan mengambil perhatian di atas apa cadangan yang telah disebutkan oleh beliau.

Saya bersetuju juga macam saya katakan tadi bahawa di lebuhraya seperti Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), saya difahamkan bahawa semua menara itu dikongsi pakai oleh syarikat-syarikat telefon bimbit dan kalau prinsip ini boleh diluaskan di tempat-tempat lain baguslah dan kita boleh dapat liputan yang baik.

Saya setuju juga tentang mengapa mereka mengambil tanah seseorang tetapi tidak mengambil tanah ini, itu pun mengikut liputan di tempat itu. Jika signal tidak baik, tidak berguna untuk menggunakan tanah tersebut. Saya harap juga kementerian akan berusaha untuk meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan *wireless broadband internet* di negara kita. Pada masa sekarang ada hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja yang dapat liputan atau *coverage* dan itu pun di dalam bandar raya sahaja.

Kerajaan berhasrat membawa teknologi maklumat ke kawasan-kawasan luar bandar. Kegunaan *wireless broadband* ialah satu cara yang boleh membantu objektif ini dengan kos rendah. Oleh kerana tidak perlu mencari talian telefon, tidak payah menggunakan *fixed line*, dengan izin.

Di Korea Selatan dan Taiwan, komputer *laptop* atau *notebook* boleh mendapat siaran laman web lebih kurang 70% hingga 80% keluasan negara masing-masing dan sudah sampai satu tahap yang cemerlang. Saya percaya di Malaysia pun boleh dengan daya upaya dan pembiayaan kerajaan. Laman web dan teknologi maklumat begitu penting untuk pendidikan dan perdagangan di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta bercakap sedikit di atas Kementerian Belia dan Sukan. Kerajaan diminta mengambil perhatian di atas kenyataan Menteri Belia Dan Sukan, Yang Berhormat Datuk Azalina binti Othman Said bahawa kementeriannya akan mengkaji peranan ahli-ahli politik dan kerabat diraja di dalam badan-badan sukan. Semua pemegang-pemegang jawatan eksekutif di dalam persatuan-persatuan sukan wajib mengambil tanggungjawab secara berkumpulan ataupun *collective responsibility*, dengan izin, dan boleh jadi tindakan mahkamah akan diambil ke atas sesuatu persatuan.

Menteri-menteri dan Menteri-menteri Besar adalah di antara yang memegang jawatan tinggi. Namun boleh jadi mereka boleh terlibat jika tindakan mahkamah dan sebagainya akan dijalankan. Ini adalah suatu peristiwa yang kurang manis dan mungkin akan menjadi suatu keadaan yang merintang ataupun *embarrassing situation*, dengan izin.

Jika badan sukan tersebut gagal atau menghadapi penyalahgunaan wang mereka, mereka yang memegang jawatan tinggi akan ditarik ke dalam masalah ini. Selain daripada itu ahli-ahli politik sangat sibuk dengan hal-hal pentadbiran negara dan saya khuatir bahawa mereka ada masa lapang untuk duduk di kerusi eksekutif badan-badan sukan.

Tuan Ismail bin Kasim: [*Bangun*]

Datuk Haji Karim Ghani: Pohon laluan Dr. Vijayaratnam.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Vijay. Sekali lagi peluang diberikan kepada saya dan saya berjanji tidak akan meminta peluang seterusnya untuk hari ini.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: [*Ketawa*]

Tuan Ismail bin Kasim: Apabila Yang Berhormat Dato' membangkitkan tentang kepimpinan dalam persatuan sukan dan ada di antaranya menyebabkan kegagalan kita untuk mencapai kecemerlangan dalam acara-acara sukan berkenaan terutamanya dalam acara-acara sukan popular seperti badminton, sepak takraw, bola

sepak (yang paling popular) dan lain-lain, bowling dan sebagainya di negara kita ini, kita lihat kalau berjaya pun ia tidak begitu konsisten, mungkin kita berjaya di satu pertandingan bertaraf lima bintang, misalnya *All England* untuk pertandingan badminton.

Sekali kita berjaya dan kita balik dengan penghargaan rakyat, dengan sambutan besar-besaran, dengan pelbagai insentif yang diberikan, kita lihat dalam kejohanan yang seterusnya yang mungkin bintangnya lebih rendah, empat bintang atau tiga bintang, pemain berkenaan mungkin terkandas di peringkat awal dan selepas itu tidak memenangi apa-apa kejohanan dan terus berhenti dan mungkin menjadi penolong jurulatih atau sebagainya, tidak konsisten untuk berada dalam sama ada *world ranking* atau *Asian ranking* dan sebagainya.

Begitu juga dalam permainan bola sepak. Ini yang kita sudah bincangkan tadi apabila Yang Berhormat Menteri sudi datang sendiri untuk menjawab soalan dan tahniah diucapkan kerana keprihatinan beliau. Tetapi ada beberapa perkara yang kita lihat tadi mungkin di antaranya boleh kita salahkan kepimpinan dalam persatuan sukan itu sendiri seperti mana Yang Berhormat Dato' bangkitkan tadi.

Tetapi ada di antaranya walaupun persatuan sukan itu dipimpin oleh orang politik, ataupun dipimpin oleh kerabat diraja sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, saya rasa memang itu ada sedikit faktor yang boleh menyebabkan kelemahan dari segi perjalanan pentadbiran dan sebagainya.

Kita lihat kegemilangan kita pada masa dahulu, walaupun cadangan saya tadi supaya dibawa masuk, saya ambil contoh badminton, yang lain yang tidak memerlukan fizikal kita tidak perlu import daripada luar, kita pernah import dahulu tetapi bukan di masa Menteri Belia dan Sukan sekarang tetapi Menteri Belia dan Sukan yang dahulu iaitu menembak dan juga olahraga tetapi yang kita import itu "ayam pencen" di negara berkenaan.

Kita hendak import biarlah ayam yang masih segar bugar yang kita beri taraf pemastautin tetap ataupun kerakyatan, bak kata orang Perlis "berbaloi" dengan sumbangan mereka. Ini baru setahun dia menyumbangkan sumbangan untuk negara, tembak pun baru dapat dua tiga pingat emas tetapi tiba-tiba 'ayam pencen' dia tidak boleh meneruskan lagi sebab sudah berada di peringkat penghujung usia dan sebagainya mungkin sesuai untuk jadi jurulatih sekarang.

Maksud saya di sini, walaupun atas nama patriotisme, itu kita bangga supaya anak watan kita sendiri hendak menjadi *striker* negara misalnya, macam kita pernah lahirkan beberapa *striker* yang kita hantar pergi ke sekolah-sekolah bola sepak, di kelab-kelab terkenal di Perancis, di England dan sebagainya. Tetapi apabila mereka pulang dan bermain dengan pasukan tempatan, kita lihat tarafnya masih rendah, masih belum kita dapat lahirkan seorang yang bernama Mokhtar Dahari, masih belum kita dapat melahirkan seorang yang bernama Isa Bakar yang tulen.

Jadi, sekarang ini timbul masalah jurulatih Malaysia, sekarang, saya pun tidak ingat namanya, susah hendak sebut – jurulatih ini dibawa masuk dari luar negara kita, apabila kita menyaksikan perlawanan bola sepak yang terbaru secara langsung yang disiarkan oleh Astro baru-baru ini di antara Myanmar dan Malaysia. Myanmar negeri yang kurang prasarana. Malaysia kita tidak boleh cakaplah, daripada sekolah lagi, di sekolah-sekolah sukan dan apa yang saya sebutkan tadi mungkin peningkatan akan diterapkan melalui sains sukan dan sebagainya. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita tidak boleh menerima hakikat dari segi perkembangan sains sukan di Myanmar, negeri yang masih berserabut sama ada dari segi perjalanan pentadbiran negara mampu menewaskan kita di tanah kita sendiri, di *home* kita sendiri, di rumah kita. Dan apa yang lebih menyedihkan seolah-olah Stadium Bukit Jalil itu menjadi Stadium Myanmar kerana dipenuhi oleh penonton Myanmar dan bukan penonton Malaysia yang menyaksikan perlawanan berkenaan dan hasilnya Malaysia tewas 1 – 0.

Saya bekas pemain bola sepak dan saya tahu sedikit sebanyak dan sangat berminat dalam bola sepak. Walaupun kita melihat pada peringkat awal pembentukan skuad negara ini penuh dengan bermacam-macam masalah, kita mohon mencadangkan bahawa Parlimen, Dewan Negara melahirkan rasa kesal. Kalau di kalangan pemain (*players*) yang dipanggil untuk mewakili negara menarik diri dengan alasan yang tidak munasabah kecuali disebabkan oleh kecederaan yang serius (*serious injury*) kita perlu gantung pemain berkenaan daripada mewakili kelab, negeri ataupun negara selama beberapa tahun sebagai pengajaran.

Ini, di peringkat ini sudah tidak ada disiplin, bagaimana kita hendak melahirkan *striker* yang berwibawa, yang kita lahirkan malam itu, *striker* yang Yang Berhormat Menteri tengok seolah-olah kita merasa malu, bermain dengan sebuah pasukan yang memang tidak ada kemudahan, apa lagi peruntukan, bajet yang besar untuk mereka

membentuk pasukan Myanmar. Dua kali kita kalah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau setakat dua kali kita boleh maafkan – dua kali! Dan malam ini hanya bergantung pada nasib. Kalau kita kalah dengan Thailand bermakna kita tidak akan mara ke separuh akhir Piala Tigers. Sekali lagi surat-surat khabar, pelbagai berita, tohmahan dan orang akan membangkitkan kemerosotan bola sepak negara sekali lagi terjadi.

Ini kita lihat selepas kita kalah dengan Myanmar, wartawan-wartawan dengan tegas mengatakan bahawa kita tidak ada harapan – tidak harapan langsung diberikan. Apa lagi kita hendak melahirkan tenaga yang ada. Saya rasa amat perlu, kita bukan tidak ada “*sense of belonging*” ataupun semangat cintakan negara, kita memang ada. Macam mana saya kata Jepun itu semangat nasionalismenya lebih kuat daripada kita berpuluh-puluh kali ganda. Korea lagi kuat daripada kita tetapi mereka melihat dari segi jangka panjang. Kita tidak ada masalah sebab negeri-negeri Amerika Latin yang melahirkan pemain yang betul-betul berkemahiran, berketerampilan, *skill* dan semangat, dia boleh ambil tiga orang yang belum bermain untuk negara dan datang bermain di tiga posisi yang penting dalam pasukan bola sepak, sudah cukup kita membimbing adik-adik ini supaya mereka akan ikut dengan *skill* dan kemahiran yang dimiliki oleh tiga pemain ini. Bukan kita tidak ada semangat patriotisme, Jepun itu lagi kuat berpuluh-puluh kali ganda.

Saya hendak beritahu Kementerian Belia dan Sukan yang perlu kita ambil benda ini sebagai sesuatu yang cukup serius. Saya rasa kita akan meningkat dengan cepat macam mana yang berlaku dalam negara-negara berkenaan yang sudah ada dalam *world class football*. Ini, kita sudah anjurkan Liga Profesional tetapi otak – *level of thinking* masih belum profesional. Panggil untuk *national squad*, *dan-dan* sakit, tetapi kalau bermain untuk negeri, untuk Piala Malaysia – Minta maaf Tuan Yang di-Pertua sebab Perlis jadi juara – walaupun ada tetapi pemain Perlis tidak adalah yang dipanggil tidak hadir – kita ada seorang yang bermain, kita hadir. Ini atas kehendak kita. Kita tidak mahu mereka menderhaka kepada negara. Tidak datang, buat perangai dan tidak ada disiplin, sedangkan pemain-pemain yang bertaraf “*star*” seperti Ronaldo, David Beckham dan Roberto Carlos yang malam ini bermain untuk kelab dan esok panggilan negara, mereka akan pulang ke negara bermain untuk negara dengan bersungguh-sungguh – biar profesional segala-galanya, untuk kelab sebagai mata pencarian mereka dan untuk negara kerana semangat dan cintakan negara mereka dan mahukan negara mereka menang dan berjaya.

Yang inilah yang hendak kita terapkan. Banyak benda janji, sebab itu kalau sesuatu itu terjadi kita tidak boleh menyalahkan pihak kementerian, tidak boleh menyalahkan persatuan sukan, tidak boleh meletakkan kesalahan pada *players* tetapi yang saya sudah katakan tadi langkah-langkah bersepadu, pemikiran bersepadu semuanya harus kita fikir. Contoh-contoh yang ada, macam tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan tentang semangat nasionalisme yang hendak kita lahirkan jati diri Malaysia, *all the Malaysia players* yang mewakili negara bukan saya tidak bersetuju tetapi Korea dengan Jepun lagi kuat, berpuluh-puluh kali ganda kekuatan semangat nasional mereka. Mereka bukan macam kita, sebut sahaja *National Anthem*, mereka akan bangun dan siapa yang tidak bangun mereka akan

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: [*Bangun*]

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya bukan....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Menyampuk*]

Tuan Ismail bin Kasim: Saya minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta laluan tadi.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya pulangkan balik kepada sahabat saya kerana Ustaz bagi teguran.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Ismail. Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijay, macam mana pula Indonesia belasah siapa semalam 8 – 0. [*Ketawa*]. Teruskan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tuan Ismail di atas pandangan-pandangan beliau sebagai seorang yang ada pengalaman dalam bidang sukan khususnya bola sepak dan saya percaya pandangan serta cadangan beliau baik dan apa salahnya jika kementerian mengambil perhatian bagi melaksanakan.

Tetapi maksud saya di dalam perbahasan saya ini ialah tentang orang yang kedudukan tinggi menjadi pemimpin atau pengerusi, jawatankuasa dan sebagainya. Jika ada apa masalah atau tindakan mahkamah ke atas persatuan tersebut, ha, ini akan jadi susah sedikit. Tidak baiklah kita nampak menteri, menteri besar atau tengku atau sesiapa termasuk ke dalam tindakan itu. Itu maksud saya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan. Jadi, adakah maksud Yang Berhormat iaitu pemimpin politik dan orang kenamaan jangan pegang jawatan dalam persatuan, itukah maksud Yang Berhormat?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Musa. Itulah nasihat mengikut kenyataan yang dibuat oleh Menteri Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya adalah lebih baik dan lebih sesuai jika pentadbiran dan pengurusan badan-badan sukan dilaksanakan dan dijalankan oleh pakar-pakar atau pemain-pemain terkenal sukan tersebut. Sebagai contoh saya baca di dalam surat khabar pagi tadi, Datuk 'Rosli', kalau tidak silap saya telah dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur

Tuan Ismail bin Kasim: Datuk Roslin.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Datuk Roslin. Ini adalah satu perkembangan yang baik oleh kerana beliau dari perkhidmatan Dewan Bandaraya – dari *Rank and File*, dengan izin. Saya percaya ini adalah satu tindakan yang wajar dan sesuai.

Datuk Haji Karim Ghani: Sebentar Dato' Vijay, panjang lagikah atau esok boleh mungkin sambung semula?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Dengan izin, kalau boleh, esok saya sambung.

Datuk Haji Karim Ghani: Teruslah sebentar lagi. Masa sudah habis. Sebelum saya tangguhkan saya ingin mengingatkan bahawa ada jemputan Hari Raya hari ini selepas Dewan. Dengan itu saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

